



PELAN INDUK

KESELAMATAN DAN KESIHATAN
PEKERJAAN NEGARA (OSHMP30)

NOTA PELAKSANAAN

2026-2030





PELAN INDUK

KESELAMATAN DAN KESIHATAN
PEKERJAAN NEGARA (OSHMP30)

NOTA PELAKSANAAN

2026-2030

ISI KANDUNGAN

PENGENALAN

01

m/s 3 - 11

MODEL PELAKSANAAN OSHMP30

02

m/s 12 - 17

TERAS STRATEGIK 1

03

**Pemeriksaan Tatakelola
KKP Secara Strategik**

m/s 18 - 39

TERAS STRATEGIK 2

04

**Peneraju Kesihatan dan
Kesejahteraan Pekerja**

m/s 40 - 58

TERAS STRATEGIK 3

05

**Pemacu inovasi dan
integrasi teknologi KKP**

m/s 59 - 73

TERAS STRATEGIK 4

06

**Pemugaran PMKS dan
Sektor Berisiko Tinggi**

m/s 74 - 88

TERAS STRATEGIK 5

07

**Melakar Masa Depan
Tempat Kerja yang
Dinamik**

m/s 89 - 103

TERAS STRATEGIK 6

08

**Penjelmaan Budaya KKP
melalui Pembangunan
Kapasiti Progresif**

m/s 104 - 117



Pengenalan

- PENGENALAN
- PERKEMBANGAN LANDSKAP KKP
- RESPONS NEGARA-NEGARA PENANDAARASAN TERHADAP PERUBAHAN DALAM LANDSKAP KKP
- PENGENALAN KEPADA OSHMP30
- PENGENALPASTIAN PROGRAM DAN AKTIVITI
- RANGKA KERJA KESELURUHAN OSHMP30
- PENJAJARAN KEPADA DASAR NEGARA DAN MATLAMAT SDG



1.1. PERKEMBANGAN LANDSKAP KKP

Sejak pembangunan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2021-2025 (OSHMP25), beberapa trend baharu telah muncul di peringkat tempatan dan global, yang menunjukkan keperluan bagi Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2026-2030 (OSHMP30) untuk menangani cabaran yang semakin kompleks dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP). Salah satu isu utama adalah perubahan iklim, yang menimbulkan kebimbangan keselamatan yang semakin meningkat, terutamanya bagi pekerja yang terlibat dalam aktiviti luar. Peningkatan kejadian cuaca melampau, seperti tekanan haba dan banjir, memerlukan garis panduan baharu serta strategi tindak balas kecemasan yang lebih baik. Di samping itu, kesan pandemik COVID-19 telah menekankan kepentingan pelan kesiapsiagaan, penggunaan kelengkapan pelindung diri, dan kawalan pendedahan untuk melindungi pekerja, yang sekali gus menyoroti keperluan untuk langkah proaktif bagi memastikan kesinambungan perniagaan dalam menghadapi krisis pada masa hadapan.

Satu lagi trend yang semakin meningkat ialah penduduk Malaysia yang semakin berusia, dengan unjuran menunjukkan bahawa menjelang 2044, 20% daripada populasi akan melebihi usia 65 tahun. Peralihan demografi ini memerlukan penyesuaian di tempat kerja untuk menguruskan peningkatan risiko kesihatan dan menyediakan sokongan kepada pekerja berusia. Selain itu, model tempat kerja baharu yang muncul akibat pandemik, termasuk peraturan kerja hibrid serta peningkatan ekonomi gig dan kerja tidak formal, turut membawa cabaran baharu. Perubahan ini menuntut garis panduan kawalan sendiri yang lebih jelas serta langkah keselamatan yang dikemas kini untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja yang semakin pelbagai.

Perubahan kawal selia juga memainkan peranan penting dalam membentuk masa depan amalan KKP. Pindaan kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 telah memperluaskan liputan dan meningkatkan penalti bagi ketidakpatuhan, yang perlu diintegrasikan ke dalam OSHMP30 untuk memastikan penguatkuasaan dan pematuan yang kukuh. Selain itu, peningkatan tumpuan terhadap kesihatan dan kesejahteraan di tempat kerja menekankan kepentingan menguruskan penyakit psikososial, tekanan, dan keseimbangan kehidupan bekerja bagi mengelakkan keletihan pekerja. Dengan Malaysia menduduki tempat kedua terendah dalam *Indeks Work Life Balance Global 2023*, menangani isu kesihatan mental dalam KKP kini menjadi keutamaan segera.

Akhir sekali, kemajuan teknologi, terutamanya dalam bidang kecerdasan buatan (AI), robotik, dan automasi, telah meningkatkan kecekapan, tetapi turut membawa risiko baharu, seperti kerosakan mesin dan ancaman keselamatansiber. Peralihan teknologi ini memerlukan pengintegrasian yang teliti dalam amalan KKP untuk memastikan keselamatan dan mengurangkan potensi bahaya. Dengan kemunculan trend baharu ini yang membentuk landskap masa depan, OSHMP30 perlu berkembang untuk menangani isu-isu tersebut, demi memastikan persekitaran kerja yang lebih selamat dan sihat untuk semua.

1.2. RESPONS NEGARA-NEGARA PENANDAARASAN TERHADAP PERUBAHAN DALAM LANDSKAP KKP



Menguruskan Faktor Risiko Psikososial di Tempat Kerja

Negara seperti Singapura dan Australia menangani risiko psikososial di tempat kerja melalui strategi dan garis panduan yang khusus. Pada Oktober 2023, Singapura telah melancarkan *National Mental Health and Well-being Strategy*, bertujuan untuk meningkatkan sokongan kesihatan mental untuk pekerja. Australia juga telah mengeluarkan *Blueprint for Mentally Healthy Workplaces* pada September 2021, bertujuan melindungi pekerja daripada risiko kesihatan mental dan mempromosikan kesejahteraan di tempat kerja. Usaha ini menekankan kepentingan tindakan proaktif dalam membentuk persekitaran kerja yang lebih sihat dan memperkukuh kesejahteraan pekerja.



Mengurus Kesihatan dan Kesejahteraan Tenaga Kerja Jarak Jauh/Hibrid

Dengan peningkatan kerja jarak jauh dan hibrid, banyak negara telah memperkenalkan inisiatif untuk menyokong kesejahteraan pekerja dalam menjayakan dasar ini. Australia telah menggubal *Right to Disconnect Laws* pada Februari 2024 untuk keseimbangan kehidupan pekerja dan melindungi mereka daripada komunikasi berkaitan kerja selepas waktu bekerja (work, life, balance). Di Jepun, kerajaan telah menyemak *Guidelines to Promote Appropriate Introduction and Implementation of Telework* pada Mac 2021, bagi menangani keperluan kesihatan fizikal dan mental pekerja yang bekerja secara jarak jauh. Langkah-langkah ini mencerminkan perkembangan budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) yang positif di tempat kerja serta keperluan untuk menyesuaikan diri dengan peraturan dan amalan kerja terkini.



Menangani Risiko KKP Berkaitan dengan Tenaga Kerja yang Semakin Berusia

Jepun dan Singapura telah mengambil langkah untuk menangani cabaran KKP berkaitan tenaga kerja berusia. Jepun telah menerbitkan *Guidelines for Age-Inclusive Workplaces* pada Mac 2020, menekankan pelarasan ergonomik, peraturan kerja fleksibel dan peluang melatih semula pekerja berusia. Singapura juga telah memperkenalkan *Tripartite Standards on Age Friendly Workplaces* pada 2017 bagi menggalakkan kesedaran dan amalan terbaik untuk menyokong pekerja berusia melalui inisiatif latihan dan kemahiran semula. Program-program ini menekankan kepentingan strategi yang inklusif untuk menyesuaikan diri dengan tenaga kerja yang berusia yang semakin meningkat.



Peningkatan Tumpuan terhadap Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerja

Negara seperti China dan UK telah menggunakan strategi yang lebih meluas untuk meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan pekerjaan. China membangunkan *National Occupational Disease Prevention and Control Plan 2021-2025*, yang memberi tumpuan kepada peningkatan kesedaran, pencegahan dan rawatan penyakit berkaitan pekerjaan. Sementara itu, UK melancarkan *Health and Safety Executive (HSE) Strategy 2023-2032 Protecting People and Places*, yang menekankan isu kesihatan pekerjaan terutamanya perlindungan kesihatan mental di tempat kerja. Inisiatif komprehensif ini mencerminkan komitmen global untuk meningkatkan piawaian keselamatan dan kesihatan dpekerjaan di peringkat antarabangsa.

1.3. PENGENALAN KEPADA OSHMP30

Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2026-2030 (OSHMP30) merupakan visi strategik negara untuk meningkatkan piawaian keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, seiring dengan keperluan tenaga kerja masa hadapan. Ia adalah rangka kerja yang direka untuk menangani cabaran semasa, menyesuaikan diri dengan risiko baru yang muncul, serta memupuk amalan mampan merentasi semua sektor.

Melalui intervensi yang disasarkan, penyelesaian inovatif, dan tadbir urus yang kukuh, OSHMP30 diharapkan dapat mewujudkan ekosistem KKP yang berdaya tahan dan inklusif. Dengan mengutamakan kesejahteraan pekerja, menggalakkan penerimgunaan teknologi, dan mengukuhkan pematuhan ke atas OSHMP30 KKP, dijangka dapat membantu meletakkan Malaysia sebagai peneraju dalam KKP, di peringkat antarabangsa dan seterusnya membantu pertumbuhan ekonomi yang mampan.



1.3. PENGENALAN KEPADA OSHMP30

Misi

Untuk memartabatkan KKP di Malaysia dengan memupuk inovasi, keterangkuman, dan tadbir urus yang kukuh bagi melindungi kesejahteraan pekerja dan memacu pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Misi OSHMP30 adalah untuk memajukan KKP di Malaysia menerusi inovasi, keterangkuman dan tadbir urus yang kukuh. Dengan melindungi kesejahteraan pekerja dan menangani risiko pekerjaan di tempat kerja, misi ini menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan, di samping memastikan tenaga kerja yang lebih sihat, selamat dan produktif.

Visi

Untuk mewujudkan ekosistem KKP yang berdaya tahan, inklusif dan berpandangan ke hadapan yang memastikan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan semua pekerja.

Visi OSHMP30 adalah untuk mewujudkan ekosistem KKP yang berdaya tahan, inklusif dan berpandangan ke hadapan. Ia bertujuan untuk membudayakan inovasi, menyesuaikan diri dengan cabaran yang muncul, dan mengutamakan keselamatan, kesihatan, dan kesejahteraan tenaga kerja Malaysia yang pelbagai dan semakin berkembang. Visi ini mencerminkan komitmen untuk membina persekitaran KKP yang mampan dan boleh disesuaikan untuk memenuhi permintaan kerja masa hadapan.



Tema

Tema OSHMP30 dirangka berdasarkan tiga prinsip asas yang memberi tumpuan kepada **cabaran pada masa hadapan**, menggambarkan keperluan untuk **amalan KKP yang berdaya tahan** di Malaysia dan secara sistematik memastikan **semua keperluan majikan dan pekerja dipenuhi**.

"Membina Persekitaran KKP yang **Berdaya Tahan** dan **Inklusif** untuk **Tenaga Kerja Masa Hadapan**"



Berdaya Tahan

Menekankan keperluan untuk **kebolehsuaian dan kesiapsiagaan**, terutamanya dalam menghadapi cabaran kerja masa hadapan seperti model kerja hibrid, risiko psikososial termasuk kesihatan mental, dan risiko berkaitan iklim



Inklusif

Menekankan kepentingan untuk menggabungkan dan memberi keutamaan kepada **segmen-segmen tenaga kerja** yang pelbagai, seperti pekerja dalam ekonomi gig dan tidak formal, PKS, pekerja yang berusia, serta sektor-sektor lain yang kurang diberi perhatian




Tenaga Kerja Masa Hadapan

Memahami tenaga kerja masa hadapan kerana **perubahan landskap** yang sedang berlaku seperti transformasi digital, ekonomi gig, dan budaya kerja hibrid. Dengan bertemakan tenaga kerja 'masa hadapan', OSHMP30 menunjukkan kesediaan untuk melaksanakan dasar-dasar yang lebih progresif dan berpandangan ke hadapan.

1.4. PENGENALPASTIAN PROGRAM DAN AKTIVITI KEPADA OSHMP30

Program dan aktiviti telah dibentuk untuk menangani jurang utama, dibina berasaskan kejayaan masa lalu, dan diselaraskan dengan keutamaan masa hadapan, seterusnya memastikan pendekatan yang komprehensif dan strategik untuk OSHMP30. OSHMP30 mengekalkan program yang memberikan impak positif, meneruskan dan memperkasa program sediaada serta mencadangkan 26 inisiatif baharu.

Analisis menyeluruh terhadap beberapa penemuan utama memainkan peranan penting dalam membentuk aktiviti OSHMP30. Setiap aktiviti yang dirangka adalah hasil daripada kajian mendalam terhadap cabaran semasa, jurang dalam pelaksanaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP, serta keperluan yang dikenal pasti melalui maklum balas pihak berkepentingan.



30
Menjajarkan aktiviti semasa dengan trend/jurang

29
Aktiviti Baharu

8
Aktiviti yang dikekalkan



PENGENALAN

1.5. RANGKA KERJA KESELURUHAN OSHMP30

Pelan Induk KKP 2026-2030 dibangunkan **berdasarkan kejayaan dan pengalaman daripada pelan induk terdahulu**, di samping menangani cabaran baharu yang muncul berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Menyedari perubahan dalam sifat industri, demografi tenaga kerja, dan trend global, pelan induk ini memperkenalkan **enam teras strategik** yang direka untuk merapatkan jurang dalam **tadbir urus, meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan, mengintegrasikan teknologi**, serta **memupuk pematuhan merentas semua sektor**.

Setiap teras telah dinamakan dan distrukturkan untuk menekankan pendekatan inovatif, keterangkuman, dan kerjasama bagi memastikan pelan induk ini mencerminkan strategi yang berpandangan ke hadapan bagi memenuhi keperluan persekitaran kerja yang dinamik. Melalui teras-teras ini, pelan induk ini mampu mewujudkan landskap pekerjaan yang lebih selamat, sihat, dan mampan, sambil mengekalkan prinsip asas usaha-usaha terdahulu.

Pelan induk ini juga berhasrat **untuk memupuk budaya kerja selamat dan sihat, meningkatkan tahap kesihatan, dan memperkasakan semua pihak berkepentingan** untuk menguruskan risiko pekerjaan secara proaktif. Setiap teras memberi penekanan kepada inovasi, keterangkuman, dan kerjasama dalam menangani cabaran utama seperti pertambahan mendadak bilangan pekerja gig dan pekerja berasaskan platform di bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur dan Johor Bahru, kebimbangan keselamatan dalam sektor berisiko tinggi seperti pembinaan, perladangan kelapa sawit, dan logistik, serta akses terhad kepada perkhidmatan kesihatan pekerjaan di kawasan luar bandar dan dalam kalangan pekerja asing.

Dengan memanfaatkan pandangan daripada pelan terdahulu, Pelan Induk KKP ini menyasarkan untuk mencapai hasil yang boleh diukur, termasuk pengurangan insiden di tempat kerja, peningkatan pematuhan, dan tenaga kerja yang lebih berdaya tahan dan mudah menyesuaikan diri.



PENGENALAN

1.6. PENJAJARAN KEPADA DASAR NEGARA DAN MATLAMAT SDG

OSHMP30 dirangka dengan tujuan memastikan KKP diperkukuh di seluruh sektor pekerjaan. Dalam usaha ini, kebanyakan aktiviti yang dirancang di bawah OSHMP30 diselaraskan dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan polisi nasional yang relevan untuk memastikan pencapaian yang holistik dan seiring dengan aspirasi pembangunan negara. Antara SDG yang menjadi panduan termasuklah **SDG 3 (Kesihatan yang Baik dan Sejahtera)**, **SDG 4 (Pendidikan Berkualiti)**, **SDG 8 (Kerja yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi)**, dan **SDG 9 (Industri, Inovasi dan Infrastruktur)**. Matlamat ini memperkukuh pendekatan OSHMP30 yang memberi fokus kepada kesihatan pekerjaan, keselamatan pekerjaan, inovasi teknologi, dan kesejahteraan pekerja.

Selaras dengan keutamaan nasional, OSHMP30 turut dirangka untuk menyokong pelbagai polisi penting seperti Rancangan Malaysia Ke-13, Pelan Induk Perindustrian Nasional 2030, Pelan Strategik Kesihatan Mental Kebangsaan 2020-2025 dan sebagainya. Usaha ini mencerminkan komitmen OSHMP30 tidak hanya meningkatkan keselamatan tempat kerja tetapi juga mendukung inisiatif kesihatan mental, transformasi digital, dan kesejahteraan tenaga kerja.

Tambahan pula, OSHMP30 turut menyokong aspirasi pembangunan teknologi seperti Dasar Revolusi Industri Keempat dan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) melalui penerapan teknologi terkini dalam pemantauan KKP. Usaha ini membolehkan sektor pekerjaan menjadi lebih berdaya tahan, inovatif, dan selaras dengan keperluan ekonomi digital.

MODEL PELAKSANAAN OSHMP30

- PENGENALAN
- MODEL PELAKSANAAN
- 6 LANGKAH UTAMA MODEL PELAKSANAAN
- RANGKA KERJA UNTUK MODEL PELAKSANAAN


2.2. MODEL PELAKSANAAN

Model pelaksanaan untuk OSHMP30 dipandu oleh empat prinsip utama bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan bagi teras strategik, program, dan aktiviti yang dirancang. Pertama, Penjajaran Strategik dengan Dasar-Dasar Nasional penting bagi memastikan bahawa semua aktiviti dan KPI diselaraskan dengan dasar negara. Matlamat Pembangunan Mampan, serta visi keseluruhan untuk mewujudkan rangka kerja KKP yang lestari dan boleh dilaksanakan.

Kedua, Perancangan Berasaskan Bukti merupakan asas bagi setiap langkah tindakan, dengan memanfaatkan data yang kukuh seperti trend sejarah, risiko khusus industri, dan pandangan yang diperoleh daripada perbincangan dengan pihak berkepentingan untuk merangka strategi yang berinformasi.

Ketiga, Pendekatan Kerjasama Bersepadu menggalakkan koordinasi antara agensi kerajaan, institusi pendidikan, dan persatuan industri bagi memupuk usaha menyeluruh dalam menguruskan aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Akhir sekali, keutamaan diberi kepada Akauntabiliti dan Pemantauan dengan membentuk mekanisme yang jelas untuk memantau KPI dan menilai impak aktiviti, serta memastikan ketelusan dan penambahbaikan berterusan sepanjang pelaksanaan OSHMP30. Secara keseluruhannya, prinsip-prinsip ini bertujuan untuk mewujudkan rangka kerja KKP yang komprehensif dan berkesan.



Rajah 4: Prinsip-prinsip Panduan Model Pelaksanaan

2.3. ENAM LANGKAH UTAMA MODEL PELAKSANAAN

Model pelaksanaan OSHMP30 dibangunkan dengan mengambil **konsep proses kitaran** yang terdiri daripada **enam langkah utama untuk mencapai visinya**.

Langkah pertama, Penilaian dan Keutamaan, melibatkan pengenalpastian sektor-sektor berisiko tinggi, trend yang muncul, dan kawasan yang memerlukan intervensi dengan menggunakan pandangan berasaskan data untuk mengagihkan sumber dengan berkesan.


Seterusnya, Perancangan dan Reka Bentuk memberi tumpuan kepada pembangunan aktiviti dan KPI yang disasarkan kepada risiko tertentu dan diselaraskan dengan hasil strategik, memastikan keterangkuman dan kerelevanan.

Langkah berikutnya, Pelaksanaan dan Pembangunan Kapasiti, memberi penekanan kepada pelaksanaan program dan pembangunan kapasiti tenaga kerja serta industri untuk memupuk budaya keselamatan yang proaktif dan mampan.

Pemantauan dan Penilaian adalah langkah keempat, di mana kemajuan terhadap KPI dipantau dengan menggunakan platform seperti papan pemuka bagi memastikan akauntabiliti dan memudahkan penambahbaikan.

Langkah kelima, Penglibatan Pihak Berkepentingan, mengumpulkan input daripada pekerja, majikan, dan pengawal selia untuk menyempurnakan aktiviti dan menangani cabaran di lapangan secara bersama.

Akhir sekali, Penambahbaikan Berterusan dan Penyesuaian menggabungkan pengajaran yang diperoleh dan menyesuaikan strategi mengikut risiko yang muncul, bagi memastikan kerelevanan dan keberkesanan jangka panjang.



Rujukan: Analisis Ipsos dan merujuk kepada rangka kerja lan-Do-Check-Act (PDCA) atau Kitaran Deming

Rajah 5: Langkah utama model pelaksanaan

2.4. RANGKA KERJA UNTUK MODEL PELAKSANAAN

Model pelaksanaan untuk OSHMP30 mengambil konsep kerja Plan-Do-Check-Act (PDCA) yang digariskan dalam ISO 45001:2018, bagi memastikan penambahbaikan berterusan dan menepati piawaian KKP antarabangsa.

1

Langkah pertama, Penilaian dan Pengutamaan, memberi tumpuan kepada mengenal pasti sektor-sektor berisiko tinggi, seperti pembinaan, pengilangan dan perkhidmatan, berdasarkan statistik kecederaan dan penyakit pekerjaan negara dan trend yang muncul seperti kerja jarak jauh serta risiko yang berkaitan. Pandangan berpacuan data daripada pemeriksaan tempat kerja dan penanda aras global digunakan untuk memperuntukkan sumber dengan berkesan.

2

Langkah kedua, Perancangan dan Reka Bentuk, melibatkan pembangunan program dan aktiviti yang disasarkan berdasarkan risiko yang dikenal pasti, seperti latihan ergonomik atau kesedaran mengenai bahaya kimia. KPI yang boleh diukur akan ditetapkan bagi memastikan keterangkuman, termasuk bagi PMKS dan sektor-sektor pekerjaan lain.

3

Langkah ketiga, Pelaksanaan dan Pembangunan Kapasiti, memberi tumpuan kepada pelaksanaan program latihan untuk profesional KKP, memupuk budaya kerja selamat dan sihat melalui semakan rakan sekerja, dan memanfaatkan teknologi seperti aplikasi mudah alih atau alat AI untuk melaporkan bahaya.

4

Langkah keempat, Penglibatan Pihak Berkepentingan, melibatkan pekerja, majikan, kesatuan sekerja, dan pengawal selia yang bekerjasama untuk mendapatkan penyelesaian bersama, menangani cabaran di lapangan, dan memperbaiki amalan KKP melalui sesi maklum balas secara berkala.


5

Langkah kelima, Pemantauan dan Penilaian, memastikan akauntabiliti dengan menjejaki KPI melalui papan pemuka digital, menjalankan pemeriksaan, dan menyempurnakan strategi berdasarkan hasil penilaian.

6

Akhir sekali, Penambahbaikan Berterusan dan Penyesuaian mengintegrasikan pengajaran yang diperoleh, menangani risiko yang baru muncul seperti kesan AI dan IoT, serta mengemas kini proses untuk memastikan kerelevanan dan keberkesanan jangka panjang. Model berterusan ini mendorong daya tahan, keterangkuman, dan kesiapsiagaan tenaga kerja masa depan.

2.4. RANGKA KERJA UNTUK MODEL PELAKSANAAN



TERAS STRATEGIK OSHMP30

1

Pemerkasaan Tatakelola KKP Secara Strategik

Untuk menghasilkan kerangka kerja yang kukuh bagi **memperkasa tadbir urus, penguatkuasaan dan galakan terhadap pematuhan sendiri** dalam kalangan Perusahaan Mikro, Kecil, dan Sederhana (PMKS), Syarikat Milik Kerajaan (GLC), syarikat swasta, serta pihak berkepentingan dalam sektor awam, melalui penguatkuasaan yang berkesan dan intervensi di tempat kerja.

2

Peneraju Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerja

Meluaskan ketersediaan perkhidmatan kesihatan pekerjaan yang komprehensif, **dengan penekanan terhadap kesihatan mental, keperluan bagi tenaga kerja yang semakin berusia dan penjagaan pencegahan untuk meningkatkan kesejahteraan secara menyeluruh**, sekaligus mengurangkan penyakit pekerjaan.

3

Pemacu inovasi dan integrasi teknologi KKP

Menggalakkan **pengintegrasian teknologi inovatif dan penyelesaian digital** dalam amalan KKP untuk meningkatkan pemantauan keselamatan dan pengurusan risiko di pelbagai sektor.

4

Pemugaran PMKS dan Sektor Berisiko Tinggi

Untuk menyokong PMKS dan sektor berisiko tinggi dalam usaha untuk mencapai tahap pematuhan KKP yang tinggi melalui program dan sumber yang disasarkan, sekaligus meningkatkan kesedaran serta mempromosikan amalan terbaik.

5

Melakar Masa Depan Tempat Kerja yang Dinamik

Untuk bersiap sedia menghadapi cabaran KKP pada masa hadapan dengan menguruskan risiko baharu muncul di tempat kerja secara efektif, melalui pelaksanaan program keselamatan proaktif yang dapat menangani persekitaran kerja hibrid, perubahan iklim, dan krisis kesihatan.

6

Penjelmaan Budaya KKP melalui Pembangunan Kapasiti Progresif

Untuk menerapkan budaya KKP, usaha perlu diperkukuh melalui peningkatan kesedaran, penekanan elemen KKP dalam sistem pendidikan, serta pemajuan penyelidikan dan pembangunan. Pendekatan ini bertujuan melahirkan tenaga kerja yang lebih peka terhadap amalan KKP, dilengkapi dengan pengetahuan KKP yang terkini, peningkatan para profesional dalam bidang KKP, serta komitmen terhadap peningkatan kualiti secara berterusan. Ini penting bagi memastikan pekerja, persekitaran kerja dan para profesional yang lebih berdaya tahan dalam menangani sebarang cabaran KKP di semua sektor.

TERAS STRATEGIK OSHMP30

1 | PEMERKASAAN TATAKELOLA KKP SECARA STRATEGIK



TERAS STRATEGIK OSHMP30

1. Pemerkasaan Tatakelola KKP Secara Strategik

- 1- Memperkukuh kerangka perundangan dan struktur tadbir urus KKP
- 2- Memperkasa Pematuhan KKP Melalui Pemantapan Penguatkuasaan dan Pemupukan Peraturan Kendiri
- 3- Mengukuhkan kerjasama antara agensi kerajaan, persatuan berkaitan KKP, dan pihak berkepentingan dalam industri
- 4- Menambah baik amalan KKP di tempat kerja
- 5- Memperkukuh KKP berkaitan jalan raya (WRRS) untuk tenaga kerja yang semakin berkembang

2. Peneraju Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerja

3. Pemacu inovasi dan integrasi teknologi KKP

4. Pemugaran PMKS dan Sektor Berisiko Tinggi

5. Melakar Masa Depan Tempat Kerja yang Dinamik

6. Penjelmaan Budaya KKP melalui Pembangunan Kapasiti Progresif

Teras Strategik 1: Pemeriksaan Tatakelola KKP Secara Strategik

Objektif:

Untuk menghasilkan kerangka kerja yang kukuh bagi memperkukuh tadbir urus, menguatkuasakan kepatuhan, dan menggalakkan peraturan sendiri dalam kalangan PMKS (Perusahaan Mikro, Kecil, dan Sederhana), syarikat GLC (Syarikat Milik Kerajaan), syarikat swasta, serta pihak berkepentingan dalam sektor awam, melalui penguatkuasaan yang berkesan dan intervensi di tempat kerja.

Program:

1. **Memperkukuh kerangka perundangan dan struktur tadbir urus KKP**
2. Memperkasa pematuan KKP melalui pemantapan penguatkuasaan dan pemupukan peraturan sendiri
3. Mengukuhkan kerjasama antara agensi kerajaan, persatuan berkaitan KKP, dan pihak berkepentingan dalam industri
4. Menambah baik amalan KKP di tempat kerja
5. Memperkukuh KKP berkaitan jalan raya (WRRS) untuk tenaga kerja yang semakin berkembang

TERAS STRATEGIK 1 | PROGRAM 1: MEMPERKUKUH KERANGKA PERUNDANGAN DAN STRUKTUR TADBIR URUS KKP

RASIONAL

Program ini memberi sokongan dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan operasi dengan memodenkan rangka kerja peraturan KKP serta memperkasa usaha promosi Pelan Induk KKP dan KKP secara strategik. Melalui kajian semula dan pengemaskinian yang sistematik, ia memastikan peraturan kekal berkesan, terkoordinasi dengan baik, dan responsif terhadap keperluan industri. Pembangunan dan pelaksanaan Pelan Promosi KKP yang disasarkan turut mengukuhkan pematuan, membentuk budaya keselamatan dan akauntabiliti. Langkah-langkah ini memastikan penguatkuasaan KKP kekal kukuh, fleksibel, dan selari dengan cabaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang semakin berkembang.

HASIL

Program ini diharap dapat memperkukuh pematuan KKP dengan memastikan undang-undang KKP kekal berkesan, adaptif, dan selaras dengan keperluan industri. Melalui semakan sistematik dan pemodenan rangka kerja peraturan KKP, ia mendorong pematuan berterusan terhadap standard KKP, mewujudkan persekitaran kerja yang lebih selamat dan sihat serta menggalakkan akauntabiliti. Selain itu, pembangunan dan pelaksanaan strategik Pelan Promosi KKP akan meningkatkan kesedaran, mendorong pematuan proaktif, dan memupuk komitmen yang kukuh terhadap keselamatan tempat kerja yang berkembang seiring dengan risiko baharu dan cabaran khusus sektor.

AKTIVITI

1. Semakan sistematik dan pemodenan rangka kerja undang-undang KKP semasa
2. Pembangunan dan pelaksanaan strategik Pelan Promosi KKP

AKTIVITI

1 Semakan sistematik dan pemodenan rangka kerja peraturan KKP semasa

PENERANGAN

Aktiviti ini melibatkan semakan terhadap perundangan, polisi, garis panduan, dan kod etika KKP sedia ada bagi memastikan kesesuaian dan keberkesannya dalam menangani risiko di tempat kerja. Keterlibatan pihak berkepentingan adalah penting untuk mengumpul maklum balas dan memastikan polisi-polisi tersebut masih berkesan. Berdasarkan semakan ini, cadangan kemas kini atau pindaan yang diperlukan akan dikemukakan bagi meningkatkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, serta memastikan pematuhan terhadap piawaian yang semakin berkembang.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- I. Bekerjasama dengan pihak berkepentingan utama untuk menilai keberkesanan perundangan KKP serta mengumpul maklum balas mereka.
- II. Mengenal pasti undang-undang, polisi, dan garis panduan yang perlu disemak terlebih dahulu berdasarkan maklum balas pihak berkepentingan dan risiko sektor yang dikenal pasti.
- III. Mengumpulkan maklumat yang berkaitan daripada bahagian yang bertanggungjawab ke atas sektor tertentu dan daripada pejabat JKPP peringkat negeri mengenai penguatkuasaan dan pematuhan terhadap perundangan yang berkaitan dengan KKP.
- IV. Menganalisis maklumat yang di kumpul untuk menilai keberkesanan peraturan dan undang-undang KKP semasa, serta mengenal pasti sektor berisiko tinggi dan rendah yang mungkin kekurangan perlindungan perundangan atau penguatkuasaan yang mencukupi.
- V. Menentukan sama ada terdapat keperluan untuk membuat pindaan perundangan bagi menangani risiko baharu muncul, kemajuan teknologi, dan keperluan industri yang semakin berkembang.
- VI. Pihak berkepentingan yang relevan terlibat secara aktif dalam proses semakan, bagi memastikan keterlibatan dan maklum balas yang menyeluruh.

OUTPUT/KPI

- I. Semakan **10 dokumen perundangan** (akta, peraturan, ICOP, polisi, garis panduan, perintah)/ tahun

GARIS MASA

JANGKA PANJANG: 2026 - 2030

BENEFISIARI

- I. Semua sektor

PELAKSANA INISIATIF

- I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKPP
- II. Agensi kerajaan sokongan: NCOSH, MSDJ, JKPP peringkat negeri, JKR, CIDB, MBAM
- III. Persatuan sokongan: Persatuan profesional KKP, SOSHPA, SOSHEA, MSOSH, MEF

STATUS

Dikekalkan
TS1P1A2

MATLAMAT SDG



AKTIVITI

2

Pembangunan strategik dan pelaksanaan Pelan Strategik Promosi KKP

PENERANGAN	OUTPUT/KPI	GARIS MASA
Aktiviti ini memberi tumpuan kepada pembangunan berterusan Pelan Strategik Promosi KKP untuk lima tahun akan datang (2026-2030). Pelan ini akan mengutamakan inklusiviti dengan memperluas usaha promosi ke kawasan luar bandar, selain pusat bandar, untuk memenuhi keperluan pelbagai komuniti. Di samping itu, mempromosikan OSHMP30 juga akan menekankan impak negatif kemalangan dan penyakit pekerjaan kepada KDNK negara, bersama-sama dengan isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang lain bagi memastikan ia mendapat perhatian menyeluruh dan pemahaman yang jelas, menjadikan OSHMP30 dikenali dengan meluas dan dilaksanakan dengan berkesan di semua sektor.	I. Satu (1) sesi libat urus melibatkan pihak berkepentingan yang relevan untuk mengumpul maklum balas mengenai kaedah promosi dan mengenal pasti jurang dalam tahun pertama. II. Pembangunan satu (1) Pelan Strategik Promosi KKP pada tahun kedua. III. Pelaksanaan komprehensif; Pelan Promosi Strategik KKP	JANGKA PENDEK: 2026 - 2027
LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN	PELAKSANA INISIATIF	BENEFISIARI
I. UKK dan JKKP bekerjasama dengan agensi kerajaan yang berkaitan, pemain industri, dan persatuan untuk mengumpul maklum balas mengenai kaedah promosi yang paling berkesan serta mengenal pasti jurang semasa, jika ada. II. Membangunkan strategi promosi mengikut sektor untuk promosi KKP, impak negatif kemalangan pekerjaan kepada KDNK negara dan OSHMP, memastikan bahawa strategi promosi ini disesuaikan mengikut keperluan setiap sektor. III. Bekerjasama dengan pihak berkepentingan yang relevan untuk memastikan keperluan khusus industri, pertimbangan sektor luar bandar, dan trend terkini diintegrasikan ke dalam Pelan Strategik Promosi KKP. IV. Menggunakan maklumat yang diperoleh untuk memperbaiki dan meningkatkan pembangunan Pelan Promosi KKP. V. Menyesuaikan dan mengemas kini pelan promosi dari semasa ke semasa berdasarkan maklum balas daripada sektor dan keperluan industri yang berkembang. VI. Melaksanakan proses pemantauan secara berkala bagi mengenal pasti perkembangan Pelan Promosi KKP setelah dilaksanakan. Ini mungkin melibatkan laporan suku tahunan, mengemas kini status, atau mesyuarat untuk menilai pencapaian utama.	I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKKP II. BERNAMA III. KESUMA IV. MNKKP V. UKK VI. Persatuan profesional KKP (SOSHEA, SOSHPA, MyFOSH, MSOSH)	I. Semua sektor
MATLAMAT SDG	STATUS	
4 QUALITY EDUCATION 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH	Dikekalkan TS1P4A4	

Teras Strategik 1: Pemeriksaan Tatakelola KKP Secara Strategik

Objektif:

Untuk menghasilkan kerangka kerja yang kukuh bagi memperkukuh tadbir urus, menguatkuasakan kepatuhan, dan menggalakkan peraturan sendiri dalam kalangan PMKS (Perusahaan Mikro, Kecil, dan Sederhana), syarikat GLC (Syarikat Milik Kerajaan), syarikat swasta, serta pihak berkepentingan dalam sektor awam, melalui penguatkuasaan yang berkesan dan intervensi di tempat kerja.

Program:

1. Memperkukuh kerangka perundangan dan struktur tadbir urus KKP
2. **Memperkasa pematuhan KKP melalui pemantapan penguatkuasaan dan pemupukan peraturan sendiri**
3. Mengukuhkan kerjasama antara agensi kerajaan, persatuan berkaitan kkp, dan pihak berkepentingan dalam industri
4. Menambah baik amalan KKP di tempat kerja
5. Memperkukuh KKP berkaitan jalan raya (WRRS) untuk tenaga kerja yang semakin berkembang

TERAS STRATEGIK 1 | PROGRAM 2: MEMPERKASA PEMATUHAN KKP MELALUI PEMANTAPAN PENGUATKUASAAN DAN PEMUPUKAN PERATURAN KENDIRI

RASIONAL

Program ini melengkapkan peraturan sendiri dengan memperkenalkan mekanisme penguatkuasaan yang kukuh bagi memastikan pematuhan terhadap KKP. Pemeriksaan berasaskan prestasi akan meningkatkan akauntabiliti, manakala pengintegrasian KKP sebagai nilai tambah dalam mendapatkan pinjaman dan perolehan akan mendorong organisasi untuk mengutamakan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Selain itu, kempen kesedaran akan menekankan kelebihan pematuhan KKP dari segi kos dan pematuhan ESG, sekali gus menggalakkan organisasi, khususnya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), untuk mengamalkan budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang lebih mantap.

HASIL

Program ini bertujuan untuk mempertingkatkan piawaian KKP secara signifikan, dengan memastikan pematuhan yang meluas dan konsisten di seluruh organisasi dari PMKS sehingga ke syarikat-syarikat besar. Pengintegrasian KKP sebagai nilai tambah dalam mendapatkan pinjaman dan perolehan, berserta pemeriksaan berdasarkan prestasi, akan mewujudkan pendekatan sistematik yang memberi ganjaran kepada organisasi yang mementingkan KKP. Inisiatif kesedaran akan meningkatkan pemahaman dan penerimaan tentang nilai KKP itu sendiri, justeru mendorong langkah-langkah KKP yang proaktif. Hasilnya, organisasi akan menerapkan amalan KKP dalam operasi harian mereka dan akan memastikan budaya KKP yang lebih berdaya tahan dan lestari.

AKTIVITI

1. Meningkatkan kekerapan pemeriksaan berasaskan prestasi untuk memperkukuhkan penguatkuasaan KKP
2. Menyertakan KKP sebagai nilai tambah yang boleh dipertimbangkan dalam pinjaman bank, perolehan kerajaan dan kontrak
3. Mempromosikan peraturan sendiri melalui kesedaran terhadap manfaat yang diperoleh daripada pematuhan KKP
4. Memposisikan KKP sebagai komponen penting dalam pematuhan ESG

AKTIVITI

1

Meningkatkan kekerapan pemeriksaan berasaskan prestasi untuk memperkukuhkan penguatkuasaan KKP

PENERANGAN

Aktiviti ini menekankan pemeriksaan berasaskan prestasi yang lebih kerap bagi memperkukuh penguatkuasaan KKP, dengan fokus khusus pada PMKS. Pemeriksaan ini memastikan pemantauan berterusan, mendorong penambahbaikan amalan KKP, serta memupuk budaya keselamatan proaktif, memperbaiki tempat kerja, dan mengekalkan pematuhan jangka panjang. Bagi meningkatkan keberkesanan, sistem AI akan menganalisis laporan audit, trend keselamatan, dan maklum balas pekerja untuk mengenal pasti aspek berisiko tinggi serta mencadangkan penambahbaikan yang bersasar.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- I. Satu tempoh peralihan dan sesi libat urus perlu dilaksanakan untuk memaklumkan tentang peningkatan kekerapan proses pemeriksaan, faedah-faedahnya, dan jangkaan pematuhan, di samping menyediakan garis panduan serta latihan KKP yang khusus mengikut sektor, bagi membantu perniagaan mengintegrasikan piawaian keselamatan dalam operasi mereka.
- II. Selain itu, kriteria pemeriksaan berdasarkan prestasi perlu dibangunkan dengan mewujudkan sistem penilaian yang telus untuk menilai pematuhan KKP organisasi. Organisasi yang memperoleh markah lebih tinggi seharusnya layak mendapat pengurangan kekerapan pemeriksaan, berdasarkan penanda aras yang jelas dan spesifik untuk setiap sektor.
- III. Program rintis juga perlu dilancarkan di sektor berisiko tinggi seperti pembuatan dan pembinaan, dengan kerjasama agensi kerajaan, Syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), dan persatuan industri. Program ini akan menyediakan kepakaran teknikal serta insentif sektor-spesifik bagi membantu organisasi memperkukuh pematuhan KKP. Selain itu, program ini akan berfungsi sebagai platform untuk mengumpul maklum balas dan menambah baik sistem pemeriksaan sebelum pelaksanaannya diperluaskan secara menyeluruh.

OUTPUT/KPI

- I. Satu **(1) sesi libat urus** mengenai proses pemeriksaan dan jangkaan pematuhan, dengan penekanan khusus kepada sektor berisiko tinggi.
- II. Melaksanakan tiga **(3) program rintis** di sektor berisiko tinggi pada setiap tahun untuk dua tahun
- III. Melaksanakan sekurang-kurangnya dua **(2) pemeriksaan** berdasarkan prestasi bagi setiap sektor dengan meningkatkan kekerapan untuk sektor yang memperoleh skor pematuhan di bawah 80%.

PELAKSANA INISIATIF

- I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKKP
- II. SME Corp.
- III. Syarikat Milik Kerajaan (GLC)
- IV. Persatuan industri
- V. Persatuan profesional KKP

STATUS

Baharu

GARIS MASA

JANGKA PANJANG: 2026 -2030

BENEFISIARI

- I. Semua sektor

MATLAMAT SDG



KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL

Pelan Induk Perindustrian Nasional 2030 (NIMP 2030) menekankan kepentingan menjaga keselamatan ekonomi dan keterangkuman, termasuk memastikan tenaga kerja yang selamat dan sihat

AKTIVITI

2

Menyertakan KKP sebagai nilai tambah yang boleh dipertimbangkan dalam pinjaman bank, perolehan kerajaan dan kontrak

PENERANGAN

Pengintegrasian pematuhan KKP ke dalam pinjaman bank, perolehan kerajaan, dan kontrak dapat menggalakkan organisasi untuk mengutamakan piawaian keselamatan dengan memberikan nilai tambah kepada permohonan mereka. Walaupun pendekatan ini tidak diwajibkan, ia memberikan kelebihan daya saing kepada organisasi yang mematuhi KKP dalam proses perolehan serta memudahkan mereka mendapatkan pinjaman bank. Inisiatif seperti ini amat penting terutamanya bagi PMKS yang sering menghadapi kekangan sumber untuk menjalankan KKP dan mungkin tidak mengutamakan KKP. Pelaksanaan yang berkesan memerlukan kerjasama dengan bank, terutamanya bank yang pernah memenangi Anugerah KKP, Agensi Pembangunan Usahawan dan Pembiayaan Kerajaan seperti MARA, TEKUN, dan agensi kerajaan untuk mempertimbangkan KKP dalam kriteria penilaian, yang disokong oleh garis panduan yang jelas, serta sumber yang mudah diakses seperti *toolkit*, bagi meningkatkan pemahaman dan menggalakkan pematuhan KKP dalam kalangan organisasi.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- I. Bekerjasama dengan agensi yang berkaitan untuk menyemak dan mengemas kini garis panduan KKP untuk perolehan dan kontrak.
- II. Menyelaraskan usaha untuk menentukan dan memuktamadkan kriteria khusus KKP yang akan disertakan dalam perolehan dan kontrak.
- III. Bekerjasama dengan bank, terutamanya bank yang pernah memenangi Anugerah KKP dan institusi pinjaman/ kewangan Kerajaan, untuk mewujudkan kriteria khusus mengenai KKP sebagai pertimbangan dalam kelulusan pinjaman.
- IV. Menyemak dan meminda peraturan perolehan, kontrak dan dasar pinjaman untuk menyertakan pematuhan KKP.
- V. Bekerjasama dengan pihak berkepentingan yang relevan untuk memanfaatkan senarai semak OSHWA bagi membantu MSME meningkatkan peluang mendapatkan pinjaman, perolehan, kontrak.
- VI. Menyediakan sumber dalam talian yang mudah diakses, panduan, dan latihan untuk membantu organisasi memahami faedah dan keperluan pematuhan KKP dalam mendapatkan kontrak kerajaan, pembidaan perolehan, dan pinjaman.

OUTPUT/KPI

- I. **80% daripada garis panduan** pinjaman, perolehan kerajaan dan kontrak yang berkaitan, memasukkan kriteria pematuhan KKP menjelang tahun keempat.
- II. Lima **(5) institusi** (bank/ institusi pinjaman/ kewangan kerajaan) telah memasukkan kriteria khusus KKP sebagai sebahagian daripada proses kelulusan permohonan pinjaman menjelang tahun kelima.

GARIS MASA

JANGKA PANJANG: 2026-2030

BENEFISIARI

- I. Semua sektor

MATLAMAT SDG



PELAKSANA INISIATIF

- I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKPP
- II. MOF
- III. SME Corp
- IV. MARA
- V. TEKUN
- VI. Bank
- VII. Syarikat Milik Kerajaan (GLC)

STATUS

Dipertingkatkan
S1P3A2

AKTIVITI

3

Mempromosikan peraturan sendiri melalui kesedaran terhadap manfaat yang diperoleh daripada pematuhan KKP

PENERANGAN

Aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan organisasi, terutamanya PKS, mengenai manfaat kewangan dalam mematuhi peraturan OSH, terutamanya dengan pindaan terbaru Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) yang meningkatkan penalti bagi ketidakpatuhan. Dengan menekankan bahawa kos pematuhan jauh lebih rendah daripada denda, aktiviti ini menggalakkan amalan kawal selia sendiri. Aktiviti ini juga memberi tumpuan peningkatan kesedaran terhadap beban ekonomi akibat kemalangan dan penyakit pekerjaan terhadap KDNK Malaysia melalui kehilangan produktiviti, kos perubatan, dan pampasan. Objektif aktiviti adalah untuk mengintegrasikan standard OSH ke dalam operasi harian, membentuk budaya KKP yang mampan. Ini akan membantu perniagaan mengelakkan denda, meningkatkan produktiviti, dan mengurangkan kos operasi sambil memperkukuh daya tahan ekonomi negara.

OUTPUT/KPI

- I. Memastikan sebanyak **20% capaian kepada PMKS** dan organisasi berkaitan melalui pelaksanaan libat urus kesedaran, serta penyertaan dalam bengkel dan webinar.
- II. Melaksanakan **empat (4) libat urus peraturan sendiri** bersama persatuan majikan, persatuan pekerja, dan kumpulan industri/ tahun.

GARIS MASA

JANGKA PANJANG: 2026-2030

BENEFISIARI

- I. Semua sektor

MATLAMAT SDG



LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- I. Bekerjasama dengan agensi yang berkaitan untuk melancarkan kempen kesedaran bersasar, dengan menekankan pindaan terkini ke atas AKKP, termasuk peningkatan denda, serta faedah kewangan jangka panjang daripada pematuhan KKP untuk organisasi, terutamanya PMKS.
- II. Bekerjasama dengan badan kerajaan yang relevan untuk membangunkan dan menyebarkan sumber yang bersesuaian, seperti panduan praktikal, module-pembelajaran, dan kajian kes, yang secara jelas menggambarkan kelebihan kewangan pematuhan KKP, bagi membantu organisasi mengintegrasikan amalan keselamatan dan kesihatan dalam operasi mereka.
- III. Melibatkan NGO, persatuan KKP, dan kumpulan industri untuk memperluas jangkauan kempen kesedaran, serta menggalakkan gerakan peraturan sendiri yang lebih meluas dalam kalangan organisasi melalui inisiatif jelajah bersama dan acara kolaboratif.

PELAKSANA INISIATIF

- I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKPP
- II. NIOSH
- III. SME Corp
- IV. Persatuan profesional KKP
- V. MEF
- VI. Persatuan industri

STATUS

Baharu

AKTIVITI

4

Memposisikan KKP sebagai komponen penting dalam pematuhan ESG

PENERANGAN

Aktiviti ini bertujuan untuk memposisikan KKP sebagai komponen penting dalam tanggungjawab korporat dan pematuhan ESG di Malaysia. Aktiviti ini berhasrat untuk mewujudkan satu daftar kebangsaan bagi syarikat yang mencapai piawaian KKP dan ESG untuk menggalakkan pertumbuhan perniagaan berorientasikan eksport dalam pasaran global. Daftar (*registry*) ini akan memposisikan Malaysia sebagai hab sumber lestari pembeli antarabangsa, serta mengukuhkan peranan Malaysia dalam pembinaan rantai bekalan global yang lestari. Daftar ini akan menampilkan syarikat yang mematuhi ISO 45001: Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta rangka kerja ESG seperti Persijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) dan Skim Persijilan Kayu Malaysia (MTCS), dengan penekanan tambahan terhadap aspek KKP dalam piawaian ESG tersebut. Dengan menyelaraskan KKP dengan prinsip ESG, inisiatif ini akan menggalakkan pematuhan KKP yang lebih proaktif serta memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju dalam perdagangan yang beretika dan mampan.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- I. Membangunkan rangka kerja untuk menentukan kriteria pematuhan KKP dan ESG dengan mengintegrasikan ISO 45001, MSPO, MTCS, dan persijilan ESG lain yang berkaitan.
- II. Mewujudkan laman web dan sistem pendaftaran dalam talian bagi syarikat yang mematuhi KKP dan ESG.
- III. Melaksanakan kempen kesedaran, taklimat industri, dan bengkel untuk menggalakkan penyertaan syarikat.
- IV. Bekerjasama dengan agensi pemajuan eksport seperti MITI dan MATRADE untuk mempromosikan daftar ini kepada pelabur antarabangsa, serta memposisikan Malaysia sebagai hab sumber yang mampan.
- V. Melaksanakan proses pengesahan dan audit bagi memastikan syarikat mengekalkan pematuhan terhadap keperluan yang ditetapkan.

OUTPUT / KPI

- I. Menubuhkan satu **(1) pangkalan data** dalam talian dan sistem pendaftaran.
- II. Melaksanakan empat **(4) libat urus** kesedaran untuk menggalakkan penyertaan syarikat.
- III. Memaparkan **600 syarikat dalam daftar** (*registry*) menjelang tahun 2030.

PELAKSANA INISIATIF

- I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKKP
- II. MITI
- III. BURSA
- IV. MATRADE
- V. MIDA
- VI. FMM
- VII. MEF
- VIII. MPC

STATUS

Baharu

GARIS MASA

JANGKA PANJANG : 2026 - 2030

BENEFISIARI

- I. Semua sektor

MATLAMAT SDG



KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL

Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP2030)

Misi 4: Memaju ke arah *net zero*

Teras Strategik 1: Pemeriksaan Tatakelola KKP Secara Strategik

Objektif:

Untuk menghasilkan kerangka kerja yang kukuh bagi memperkukuh tadbir urus, menguatkuasakan kepatuhan, dan menggalakkan peraturan sendiri dalam kalangan PMKS (Perusahaan Mikro, Kecil, dan Sederhana), syarikat GLC (Syarikat Milik Kerajaan), syarikat swasta, serta pihak berkepentingan dalam sektor awam, melalui penguatkuasaan yang berkesan dan intervensi di tempat kerja.

Program:

1. Memperkukuh kerangka perundangan dan struktur tadbir urus KKP
2. Memperkasa pematuhan KKP melalui pemantapan penguatkuasaan dan pemupukan peraturan sendiri
3. **Menguatkan kerjasama antara agensi kerajaan, persatuan berkaitan KKP, dan pihak berkepentingan dalam industri**
4. Menambah baik amalan KKP di tempat kerja
5. Memperkukuh KKP berkaitan jalan raya (WRRS) untuk tenaga kerja yang semakin berkembang

TERAS STRATEGIK 1 | PROGRAM 3: MENGUKUHKAN KERJASAMA ANTARA AGENSI KERAJAAN, PERSATUAN BERKAITAN KKP, DAN PIHAK BERKEPENTINGAN DALAM INDUSTRI

RASIONAL

Kekurangan koordinasi dalam kalangan agensi kerajaan, persatuan KKP, serta industri menyebabkan tahap kesedaran dan pelaksanaan amalan KKP tidak sekata. Sesetengah sektor mempunyai kesedaran yang tinggi, manakala yang lain pula kekurangan pengetahuan dan sumber, mengakibatkan pemahaman yang tidak konsisten tentang program dan inisiatif KKP semasa. Dengan menguatkan kerjasama melalui saluran penyebaran maklumat yang lebih teratur, forum berkala, dan kerjasama yang lebih kukuh antara pejabat JKKP di peringkat negeri dan persatuan, program ini akan meningkatkan komunikasi, ketelusan, dan penguatkuasaan i kalangan semua pihak berkepentingan.

HASIL

Penguatan koordinasi antara agensi kerajaan, persatuan KKP, dan pihak berkepentingan dalam industri akan membolehkan pendekatan yang lebih menyeluruh terhadap amalan KKP, sekaligus meningkatkan kesedaran dan memastikan pelaksanaan yang konsisten di semua sektor. Dengan mengeratkan hubungan dengan persatuan, kerjasama ini tidak hanya akan memperkuat usaha penyampaian maklumat, meningkatkan pematuhan, dan memupuk ketelusan, tetapi juga meringankan beban JKKP dengan membolehkan persatuan mengambil peranan dan menyokong inisiatif KKP. Usaha kolektif ini akan memudahkan pelaksanaan program KKP, mengurangkan risiko di tempat kerja, dan menyumbang kepada persekitaran kerja yang lebih selamat dan sihat.


AKTIVITI

1. Mempertingkatkan platform penyebaran maklumat KKP yang teratur melalui pengintegrasian saluran komunikasi
2. Mengadakan forum berkala antara JKKP dan pihak berkepentingan yang relevan
3. Menguatkan kerjasama antara JKKP negeri dan persatuan bagi meningkatkan pelaksanaan KKP

AKTIVITI

1

Mempertingkatkan platform penyebaran maklumat KKP yang teratur melalui pengintegrasian saluran komunikasi

PENERANGAN	OUTPUT/KPI	GARIS MASA
Aktiviti ini bertujuan untuk mempertingkatkan platform hebahan bagi meningkatkan komunikasi dan aksesibiliti terhadap maklumat terkini serta program KKP di kalangan pihak berkepentingan. Dengan mengintegrasikan pautan ke saluran siaran rasmi, plat form ini membolehkan pihak berkepentingan mengakses kumpulan siaran yang disesuaikan mengikut kategori mereka, seperti persatuan, industri, dan NGO, bagi memperkemaskan penyebaran maklumat. Selain itu, penyesuaian platform MyKKP ke dalam aplikasi mudah alih yang khusus akan menawarkan antara muka (<i>interface</i>) yang lebih mesra pengguna, memastikan pihak berkepentingan dapat mengakses maklumat dan program KKP dengan mudah, sekali gus menyokong penyelarasan untuk pelaksanaan yang berkesan. Selain saluran digital, kaedah penyebaran lain, seperti salinan bercetak fizikal, juga akan dipertimbangkan bagi memastikan keterangkuman untuk pihak berkepentingan yang mempunyai akses terhad kepada platform digital.	I. Integrasi saluran siaran dalam platform MyKKP/ Portal dengan berjaya pada tahun pertama. II. 80% daripada pihak berkepentingan yang telah dikenal pasti menyertai saluran siaran dalam tahun pertama selepas integrasi berjaya. III. Membangunkan aplikasi mudah alih untuk platform MyKKP. IV. Mengedarkan salinan fizikal melalui sekurang-kurangnya lima (5) saluran setiap suku tahun (contohnya seperti persatuan, industri, kesatuan pekerja).	JANGKA PANJANG: 2026-2030
LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN	PELAKSANA INISIATIF	BENEFISIARI
I. Menubuhkan direktori komunikasi MyKKP untuk memudahkan akses kepada sebarang maklumat/ program KKP melalui <i>broadcast channels</i> (contohnya, <i>WhatsApp Channel</i>). II. Membangunkan aplikasi mudah alih yang mesra pengguna berdasarkan platform MyKKP untuk akses yang lebih lancar dalam mendaftar, permohonan, menghantar laporan, dan mendapatkan <i>broadcast channels</i> khusus bagi maklumat terkini berkaitan KKP. III. Mempromosikan pautan <i>broadcast channels</i> yang diintegrasikan dalam platform MyKKP melalui saluran komunikasi JKKP yang sedia ada untuk memaksimumkan penyertaan pihak berkepentingan (contohnya, media sosial, laman web). IV. Menyediakan latihan dan sokongan kepada pihak berkepentingan mengenai cara menggunakan saluran komunikasi yang diintegrasikan dalam platform MyKKP dan aplikasi mudah alih. V. Menyediakan dan mengedarkan versi fizikal garis panduan dan maklumat terkini melalui persatuan, industri, dan kesatuan sekerja untuk pihak berkepentingan dengan akses digital yang terhad.	I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKKP II. Agensi Kerajaan sokongan: JDN, NIOSH, MSOSH III. Persatuan sokongan: MEF, persatuan industri, NGOs IV. Persatuan profesional KKP	I. Persatuan KKP II. NGO III. Persatuan Industri IV. JKKP V. Kesatuan Sekerja
MATLAMAT SDG	STATUS	KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL
	Dipertingkatkan S3P6A1	Malaysian Digital Economy Blueprint (MyDIGITAL): Teras 1 - Memacu transformasi digital di sektor awam

AKTIVITI

2

Mengadakan forum berkala antara JKPP dan pihak berkepentingan

PENERANGAN

Aktiviti ini bertujuan untuk mengadakan forum bersemuka secara berkala bagi memudahkan komunikasi secara langsung antara JKPP dan pihak berkepentingan utama, termasuk persatuan industri, pekerja gig, dan kesatuan sekerja. Forum-forum ini bertujuan untuk membina hubungan peribadi, memupuk dialog terbuka, dan meningkatkan pemahaman mengenai dasar dan inisiatif Keselamatan dan KKP. Selain itu, forum ini juga akan menyediakan platform untuk mengumpulkan maklum balas mengenai isu-isu khusus dalam industri, mengukuhkan hubungan, dan mempromosikan pendekatan yang lebih teratur dalam memajukan amalan KKP di pelbagai sektor.

OUTPUT/KPI

- 10 forum** berkala JKPP dan pihak berkepentingan (2 forum setiap tahun)

GARIS MASA

JANGKA PANJANG: 2026 -2030

BENEFISIARI

- Persatuan KKP
- NGO
- Persatuan Industri
- JKPP
- Kesatuan Sekerja

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- Mengenal pasti dan menjemput pihak berkepentingan utama, termasuk pemimpin industri, wakil pekerja gig, serta persatuan KKP, untuk menyertai forum secara berkala.
- Mengumpulkan input daripada pihak berkepentingan mengenai topik dan perkara utama yang perlu dibincangkan semasa forum.
- Mengadakan perbincangan berstruktur untuk mengemas kini inisiatif KKP, mengumpulkan maklum balas mengenai cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan, serta menyediakan sesi soal jawab khusus antara JKPP dan peserta.
- Memantau dan menilai keberkesanan forum dalam menangani kebimbangan pihak berkepentingan dan meningkatkan kerjasama.

PELAKSANA INISIATIF

- Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKPP
- Agensi kerajaan sokongan: MNKKP
- Persatuan sokongan: MEF, MALEA, MBAM, MQA, FMM
- Kesatuan sokongan: PEMANDU, PENGHANTAR
- Persatuan profesional KKP

STATUS

Baharu

MATLAMAT SDG



KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL

Kajian Pembangunan Kerangka Dasar Sumber Manusia Negara: Teras 1 Strategi 3: Memupuk keharmonian Perusahaan

AKTIVITI

3

Mengukuhkan kerjasama antara JKKP negeri dan persatuan bagi meningkatkan pelaksanaan KKP

PENERANGAN

Aktiviti ini bertujuan untuk memanfaatkan kepakaran dan pengalaman persatuan KKP, kesatuan pekerja, persatuan industri, serta pihak berkepentingan lain dalam aktiviti seperti pemeriksaan tapak, dan lain-lain berkaitan KKP. Dengan melibatkan pihak-pihak ini, aktiviti ini bertujuan untuk melengkapkan usaha DOSH dengan memperluaskan liputannya merentas pelbagai sektor, memastikan cabaran khusus negeri dapat ditangani dengan penyelesaian yang disesuaikan. Pendekatan ini juga mengukuhkan kerjasama antara pihak berkepentingan industri dan JKKP, memudahkan pelaksanaan inisiatif KKP yang lebih meluas, memperoleh pandangan yang lebih mendalam mengenai cabaran di lapangan, serta mengintegrasikan amalan terbaik merentas industri untuk memperkukuhkan budaya KKP secara keseluruhan dan mempromosikan keselamatan serta kesihatan tempat kerja di seluruh negara.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- I. Berkolaborasi dengan JKKP setiap negeri untuk menilai keperluan dan cabaran KKP yang khusus serta mengenal pasti kekurangan dalam inisiatif KKP semasa yang boleh diperbaiki melalui kolaborasi yang lebih erat antara JKKP dan persatuan berkaitan.
- II. Menentukan skop, peranan, dan tanggungjawab bagi usaha kolaborasi ini serta memastikan ia selaras dengan tugas utama JKKP, dengan melibatkan pihak berkepentingan yang relevan seperti ahli persatuan KKP, persatuan industri, dan kesatuan pekerja.
- III. Membangunkan rangka kerja yang berstruktur untuk kolaborasi, dengan menetapkan objektif yang jelas, kriteria penyertaan, mekanisme pelaporan, dan proses pembuatan keputusan untuk memastikan koordinasi yang berkesan dan akauntabiliti.
- IV. Menetapkan mekanisme pelaporan dan maklum balas secara berkala antara pejabat JKKP negeri, persatuan industri, dan ibu pejabat JKKP di Putrajaya untuk mempromosikan ketelusan, memantau kemajuan, dan menyelaraskan dengan matlamat KKP nasional.

OUTPUT/KPI

- I. Melaksanakan dua **(2)libat urus** kesedaran dan latihan bersama setiap tahun yang disesuaikan dengan cabaran khusus di setiap negeri.
- II. **20% daripada pemeriksaan** negeri dan/atau pemeriksaan tapak melibatkan persatuan atau kesatuan yang relevan.

GARIS MASA

JANGKA PANJANG: 2026-2030

BENEFISIARI

- I. Persatuan KKP
- II. NGO
- III. Persatuan Industri
- IV. JKKP
- V. Kesatuan Sekerja

MATLAMAT SDG



PELAKSANA INISIATIF

- I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKKP
- II. JKKP Negeri
- III. Persatuan industri
- IV. Persatuan profesional KKP

STATUS

Dipertingkatkan
S1P4A1

Teras Strategik 1: Pemeriksaan Tatakelola KKP Secara Strategik

Objektif:

Untuk menghasilkan kerangka kerja yang kukuh bagi memperkukuh tadbir urus, menguatkuasakan kepatuhan, dan menggalakkan peraturan sendiri dalam kalangan PMKS (Perusahaan Mikro, Kecil, dan Sederhana), syarikat GLC (Syarikat Milik Kerajaan), syarikat swasta, serta pihak berkepentingan dalam sektor awam, melalui penguatkuasaan yang berkesan dan intervensi di tempat kerja.

Program:

1. Memperkukuh kerangka perundangan dan struktur tadbir urus KKP
2. Memperkasa pematuan KKP melalui pemantapan penguatkuasaan dan pemupukan peraturan sendiri
3. Mengukuhkan kerjasama antara agensi kerajaan, persatuan berkaitan KKP, dan pihak berkepentingan dalam industri
4. **Menambah baik amalan KKP di tempat kerja**
5. Memperkukuh KKP berkaitan jalan raya (WRRS) untuk tenaga kerja yang semakin berkembang

TERAS STRATEGIK 1 | PROGRAM 4: MENAMBAH BAIK AMALAN KKP DI TEMPAT KERJA

RASIONAL

Penambahbaikan amalan KKP di tempat kerja adalah kritikal untuk mewujudkan persekitaran yang selamat dan inklusif, yang mengutamakan kesejahteraan para pekerja, sekaligus meningkatkan prestasi organisasi. Walaupun garis panduan dan dasar telah wujud, cabaran seperti pelaksanaan KKP yang tidak konsisten dan kekurangan bahan rujukan bagi amalan khusus industri. Dengan menggalakkan pengintegrasian KKP ke dalam proses perniagaan utama, seperti pendedahan bagi syarikat di Pasaran LEAP, dan memberi fokus kepada program pembangunan berterusan untuk pengurusan tertinggi, program ini penting untuk merapatkan jurang dalam keselamatan dan budaya tempat kerja serta menekankan keperluan untuk panduan yang lebih teratur dan penguatkuasaan yang lebih mantap.

HASIL

Program ini bertujuan untuk mewujudkan tempat kerja yang menetapkan piawaian KKP yang tinggi dengan mengintegrasikan amalan terbaik dan mempromosikan ketelusan melalui pendedahan pasaran LEAP. Selain itu, pemantapan penguatkuasaan terhadap anti-buli dan gangguan seksual akan lebih memperkukuh budaya keselamatan dan kesejahteraan, serta menjamin kesihatan dan keselamatan para pekerja. Di samping itu, program pembangunan untuk pengurusan tertinggi akan diteruskan, untuk menggalakkan kepimpinan dalam KKP dan memupuk budaya keselamatan tempat kerja yang kukuh Pendekatan ini akan menanamkan budaya KKP di tempat kerja, meningkatkan produktiviti, dan menjadikan organisasi tersebut sebagai contoh standard keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

AKTIVITI

1. Menggalakkan pengintegrasian Amalan KKP sebagai sebahagian daripada *disclosure* di pasaran LEAP
2. Membangunkan senarai Amalan Terbaik KKP yang disusun mengikut industri untuk rujukan yang lebih mudah dan teratur
3. Program pembangunan eksekutif KKP bagi pihak pengurusan tertinggi

AKTIVITI

1

Menggalakkan pengintegrasian Amalan KKP sebagai sebahagian daripada *disclosure* di pasaran LEAP

PENERANGAN

Walaupun laporan ESG diwajibkan bagi syarikat yang disenaraikan di Pasaran MAIN dan ACE, ia masih bersifat sukarela bagi Pasaran LEAP, yang mensasarkan PKS yang mencari modal dengan beban peraturan yang lebih ringan. Beroperasi berpandukan prinsip *disclosure* dan penasihat (*adviser*), *issuers* Pasaran LEAP perlu mematuhi keperluan *disclosure* tertentu yang diselia oleh penasihat yang diluluskan. Mengintegrasikan amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dalam pendedahan ini dapat meningkatkan tahap ketelusan serta menambah nilai kepada pelabur, menjadikan aspek keselamatan dan kesihatan tempat kerja sebagai elemen penting dalam tanggungjawab korporat dan kemampanan. Inisiatif ini turut menggalakkan *issuer* Pasaran LEAP untuk memasukkan elemen KKP dalam laporan mereka, menyokong pandangan yang lebih menyeluruh terhadap amalan operasi mereka.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- I. Memulakan perbincangan dengan pihak berkepentingan utama dan penasihat yang sah untuk mengetahui bagaimana untuk menyertakan amalan KKP dalam syarat *disclosure* di Pasaran LEAP.
- II. Bekerjasama dengan pihak berkepentingan yang relevan, termasuk profesional KKP dan badan industri, untuk merangka garis panduan yang jelas, padat, dan relevan bagi syarikat di Pasaran LEAP melaporkan amalan KKP mereka.
- III. Mengatur bengkel dan seminar untuk mendidik *issuers/advisers* (*penasihat*) Pasaran LEAP tentang kepentingan KKP dan bagaimana ia dapat meningkatkan keyakinan pelabur.
- IV. Membangunkan dan mencadangkan metrik KKP yang khusus, selaras dengan piawaian global untuk pelaporan kelestarian, seperti kadar kecederaan, peningkatan keselamatan dan kesihatan, serta inisiatif kesejahteraan pekerja.

OUTPUT/KPI

- I. Sekurang-kurangnya **20% penasihat** yang diluluskan mempromosikan pengintegrasian KKP ke dalam *disclosure* secara aktif setiap tahun.
- II. Mencapai **80% daripada LEAP Market Issuers** menyertakan maklumat berkaitan KKP dalam *disclosure* mereka menjelang akhir tahun ketiga, dengan pematuhan yang berterusan selepas itu.

GARIS MASA

JANGKA PANJANG: 2026-2030

BENEFISIARI

- I. Pasaran LEAP

MATLAMAT SDG



PELAKSANA INISIATIF

- I. Jawatan Pelaksanaan OSHMP30, JKKP
- II. BURSA Malaysia
- III. MEF

STATUS

Baharu

AKTIVITI

2

Membangunkan senarai Amalan Terbaik KKP yang disusun mengikut industri untuk rujukan yang lebih mudah dan teratur

PENERANGAN

Aktiviti ini bertujuan untuk membangunkan senarai amalan terbaik yang komprehensif, yang disusun mengikut industri tertentu, sebagai rujukan yang mudah diakses oleh organisasi dalam melaksanakan amalan KKP yang berkesan. Dengan memanfaatkan platform MyKKP, senarai ini akan disusun secara sistematik untuk memudahkan akses dan kemas kini secara berkala. Platform ini juga membolehkan organisasi menyumbangkan amalan terbaik mereka yang telah terbukti, sekaligus menggalakkan kerjasama dan keterangkuman. Pendekatan ini bukan sahaja mempermudah perkongsian strategi KKP yang berkesan, tetapi juga menggalakkan inovasi dan penambahbaikan yang berterusan. Ini mewujudkan rujukan yang bernilai bagi perniagaan untuk meningkatkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan mereka, di samping turut menyelaraskan amalan tersebut dengan piawaian industri.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- I. Memanfaatkan platform MyKKP untuk menyimpan amalan terbaik yang telah disusun, dengan memastikan ia selamat dan mesra pengguna, bagi memudahkan akses serta sumbangan.
- II. Menyediakan garis panduan yang jelas mengenai bagaimana organisasi dapat melaporkan amalan terbaik mereka, bagi memastikan konsistensi dalam kualiti dan format bagi memudahkan pengintegrasian.
- III. Menyediakan senarai yang boleh diakses secara terbuka oleh pihak berkepentingan yang relevan, di samping menggalakkan pengemaskinian dan penambahan secara berkala bagi memastikan senarai tersebut paling terkini dan berkembang selaras dengan perubahan amalan terbaik dari semasa ke semasa.

OUTPUT/KPI

- I. **50% syarikat** yang menggunakan platform ini melaporkan pelaksanaan satu amalan terbaik baharu dalam operasi mereka setiap tahun.
- II. Sebanyak **50-100 amalan terbaik** akan dikumpulkan untuk dua (2) industri setiap tahun.

PELAKSANA INISIATIF

- I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKPP
- II. Agensi kerajaan sokongan: MKKP, CIDB
- III. Persatuan sokongan: MEF, MALEA, MBAM, MQA, FMM
- IV. Kesatuan sokongan: PEMANDU, PENGHANTAR
- V. Persatuan profesional KKP

STATUS

Dipertingkatkan
S2P3

GARIS MASA

JANGKA PANJANG: 2026 -2030

BENEFISIARI

- I. Semua sektor

MATLAMAT SDG



AKTIVITI

3

Program pembangunan eksekutif KKP bagi pihak pengurusan tertinggi

PENERANGAN

Aktiviti ini bertujuan mengukuhkan budaya KKP dalam organisasi dengan melibatkan pengurusan tertinggi dalam meningkatkan kesedaran, melaksanakan amalan yang berkesan, dan mendorong penambahbaikan berterusan. Program ini memberi pengurusan tertinggi alat untuk menjadi juara KKP, dengan fokus pada komitmen, tanggungjawab, dan integrasi KKP dalam operasi harian. Modul 'OSH Leadership for Top Management' dan '60 Minutes We Are OSH Leader' akan merangkumi topik seperti pemilikan KKP, kepimpinan, ISO 45001, dan pengawalan sendiri melalui pembelajaran atas talian, seminar, dan sesi dalam talian. Pendekatan ini memastikan fleksibiliti dan penyertaan aktif pengurusan tertinggi.

OUTPUT/KPI

- I. Memuktamadkan dan **melancarkan modul** yang telah dikemas kini (e-learning, seminar fizikal, dan sesi dalam talian) dalam tempoh 3 tahun pertama.
- II. Mencapai penyertaan **500 syarikat (pengurusan tertinggi)** di seluruh industri melalui gabungan seminar fizikal, sesi dalam talian, dan e-learning.

GARIS MASA

JANGKA PANJANG: 2026-2030

BENEFISIARI

- I. Pengurusan tertinggi bagi organisasi dalam setiap sektor.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- I. Menyemak modul KKP sedia ada untuk memastikan keselarasan dengan piawaian semasa, amalan terbaik, dan keperluan organisasi yang berkembang.
- II. Libatkan persatuan industri, pemegang taruh kerajaan, dan peserta terdahulu melalui tinjauan atau perundingan bagi mengumpul pandangan untuk memperhalusi kandungan dan penyampaian modul.
- III. Tingkatkan modul dengan memasukkan kajian kes terkini, ciri interaktif, dan contoh inovasi KKP baru untuk menangani cabaran kepimpinan dan keselamatan tempat kerja dengan berkesan.
- IV. Mengembangkan kaedah penyampaian selain seminar untuk merangkumi e-pembelajaran dan sesi dalam talian, memastikan fleksibiliti untuk pengurusan tertinggi menyertai.
- V. Berkolaborasi dengan persatuan industri untuk mempromosikan kaedah penyampaian modul yang dipertingkatkan melalui kempen bersasar, termasuk media sosial dan testimoni, bagi mengetengahkan faedah serta fleksibilitinya.

PELAKSANA INISIATIF

- I. Jawatankuasa Pelaksana OSHMP30, JKKP
- II. Agensi kerajaan sokongan: NIOSH, MSOSH
- III. Persatuan sokongan: MEF, persatuan industri
- IV. Persatuan profesional KKP

STATUS

Dipertingkatkan
S2P1A3

MATLAMAT SDG



Teras Strategik 1: Pemeriksaan Tatakelola KKP Secara Strategik

Objektif:

Untuk menghasilkan kerangka kerja yang kukuh bagi memperkukuh tadbir urus, menguatkuasakan kepatuhan, dan menggalakkan peraturan sendiri dalam kalangan PMKS (Perusahaan Mikro, Kecil, dan Sederhana), syarikat GLC (Syarikat Berkaitan Kerajaan), syarikat swasta, serta pihak berkepentingan dalam sektor awam, melalui penguatkuasaan yang berkesan dan intervensi di tempat kerja.

Program:

1. Memperkukuh kerangka perundangan dan struktur tadbir urus KKP
2. Memperkasa pematuan KKP melalui pemantapan penguatkuasaan dan pemupukan peraturan sendiri
3. Mengukuhkan kerjasama antara agensi kerajaan, persatuan berkaitan kkp, dan pihak berkepentingan dalam industri
4. Menambah baik amalan KKP di tempat kerja
5. **Memperkukuh KKP berkaitan jalan raya (WRRS) untuk tenaga kerja yang semakin berkembang**

TERAS STRATEGIK 1 | PROGRAM 5: MEMPERKUKUH KKP BERKAITAN JALAN RAYA (WRRS) UNTUK TENAGA KERJA YANG SEMAKIN BERKEMBANG

RASIONAL

Keselamatan dan Kesihatan pekerjaan berkaitan jalan raya (WRRS) semakin penting berikutan peningkatan kemalangan jalan raya yang melibatkan pekerjaan, pertumbuhan ekonomi gig, dan peningkatan penggunaan perkhidmatan pengangkutan dalam pelbagai industri. Ini termasuk peningkatan dalam pekerja yang menggunakan jalan raya untuk menjalankan tugas mereka, seperti pemandu penghantaran, kakitangan logistik, dan pekerja ekonomi gig, yang menyebabkan risiko kecederaan dan kecederaan maut semakin meningkat. Banyak organisasi masih kekurangan infrastruktur, dasar, dan kesedaran yang diperlukan untuk menguruskan risiko ini dengan berkesan. Memperkukuh WRRS adalah langkah penting untuk melindungi kesejahteraan pekerja dalam golongan ini, serta memastikan pematuan dengan piawaian keselamatan, dan meningkatkan produktiviti.

HASIL

Dengan melaksanakan program ini, Malaysia akan membina budaya Keselamatan Jalan Raya Berkaitan Pekerjaan (WRRS) yang lebih kukuh dan proaktif. Organisasi akan lebih siap untuk menguruskan risiko keselamatan jalan raya melalui latihan yang terfokus, penerapan piawaian ISO 39001, dan inisiatif kesedaran yang menyeluruh. Program ini juga bertujuan untuk mengurangkan kemalangan jalan raya berkaitan pekerjaan, meningkatkan keselamatan pekerja dalam sektor ekonomi gig dan pengangkutan, serta memperbaiki pematuan terhadap peraturan keselamatan jalan raya.

AKTIVITI

1. Mengukuhkan pengurusan KKP berkaitan jalan raya (WRRS)
2. Meningkatkan kesedaran dan persijilan industri berkaitan KKP Jalan Raya (WRRS)

AKTIVITI

1

Mengukuhkan pengurusan KKP berkaitan jalan raya (WRRS)

PENERANGAN	OUTPUT / KPI	GARIS MASA
Aktiviti ini bertujuan meningkatkan pengurusan keselamatan pekerjaan <i>Work Related Road Safety</i> (WRRS) dengan mengintegrasikan modul pembelajaran WRRS khusus ke dalam program latihan Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHC) dan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SHO). Memandangkan kemalangan melibatkan perjalanan di jalan raya menyumbang sebahagian besar statistik kecederaan pekerjaan negara, aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan keupayaan dalam mengurus risiko keselamatan jalan raya dengan lebih efektif.	I. Semakan dan penambahbaikan modul WRRS II. Semakan modul e-Pembelajaran untuk WRRS III. Tambahan 10 bilangan penyedia latihan OSH-C	JANGKA SEDERHANA: 2026 - 2028
LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN	PELAKSANA INISIATIF	BENEFISIARI
I. Bekerjasama dengan pihak berkuasa yang relevan dan organisasi keselamatan jalan raya (MOT, PDRM, PERKESO, MIROS) untuk menyemak dan membangunkan modul latihan WRRS yang komprehensif dengan merujuk amalan terbaik yang telah dilaksanakan oleh negara maju. II. Memasukkan modul pembelajaran WRRS dalam kursus persijilan OSHC dan SHO. III. Bekerjasama dengan penyedia latihan untuk memastikan pengintegrasian WRRS dalam senarai tawaran kursus. IV. Mengintegrasikan kursus WRRS, modul e-pembelajaran dan senarai semak kenderaan (<i>vehicle inspection checklis</i>) ke dalam portal pembelajaran bagi meningkatkan aksesibiliti kepada pekerja, pengurusan, dan penyedia latihan. V. Menambah sesi praktikal seperti <i>Route Hazard Mapping</i> , <i>Persediaan dan Tindak Balas Kecemasan</i> , <i>Safe and Defensive Driving</i> serta Siasatan dan Laporan Kemalangan untuk memastikan pendekatan yang menyeluruh dalam pengurusan KKP berkaitan jalan raya.	I. Jawatankuasa Pelaksana OSHMP30, JKKP II. PERKESO III. MOT IV. PDRM V. MIROS VI. Persatuan Industri VII. Penyedia Latihan	I. Semua sektor
MATLAMAT SDG		
STATUS	Dipertingkatkan S7P3A2, S7P4A4	

AKTIVITI

2

Meningkatkan kesedaran dan persijilan industri berkaitan KKP Jalan Raya (WRRS)

PENERANGAN	OUTPUT / KPI	GARIS MASA
Aktiviti ini bertujuan meningkatkan kesedaran pekerja berkaitan isu <i>Work Related Road Safety</i> (WRRS) melalui dua pendekatan, iaitu meningkatkan kesedaran menerusi libat urus besar-besaran menerusi media di seluruh negara dan mempromosikan persijilan ISO 39001 dalam kalangan syarikat besar. Pendekatan ini menggabungkan usaha pendidikan yang meluas dengan inisiatif persijilan yang menyasarkan syarikat-syarikat besar untuk membudayakan keselamatan pekerja di jalan raya serta memastikan organisasi di Malaysia mematuhi piawaian keselamatan trafik jalan raya yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa.	I. Mencapai jangkauan gabungan 100,000 pengguna melalui semua usaha promosi media. II. Menganjurkan lima (5) bengkel ISO 39001 untuk meningkatkan pemahaman dan penerimaan standard ini. III. 30 persijilan ISO 39001 dalam kalangan syarikat industri.	JANGKA PANJANG: 2026 -2030 BENEFISIARI I. Semua sektor
LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN	PELAKSANA INISIATIF	MATLAMAT SDG
I. Menghasilkan video, infografik, poster, dan artikel yang mengetengahkan amalan terbaik WRRS serta kepentingan keselamatan jalan raya II. Menggalakkan sebaran di tempat kerja melalui OSH-C dan SHO berkaitan Modul WRRS. III. Melaksanakan kempen melalui media massa (TV, radio, akhbar), media elektronik (laman web, podcast), dan media sosial (Facebook, Instagram, dan TikTok). IV. Menganjurkan bengkel untuk mendidik pemain-pemain industri mengenai manfaat dan proses persijilan ISO 39001. V. Menampilkan syarikat yang telah berjaya meningkatkan tahap keselamatan melalui penerimaan persijilan ISO 39001.	I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHM30, JKPP II. MIROS III. Persatuan Industri IV. Penyedia Latihan	3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH 9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE
STATUS		
Dipertingkatkan S7P4A4		

TERAS STRATEGIK OSHMP30

2 | PENERAJU KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN PEKERJA

TERAS STRATEGIK OSHMP30

1. **Pemeriksaan
Tatakelola KKP Secara
Strategik**

2. **Peneraju Kesihatan
dan Kesejahteraan
Pekerja**

3. **Pemacu inovasi dan
integrasi teknologi KKP**

4. **Pemugaran PMKS dan
Sektor Berisiko Tinggi**

5. **Melakar Masa Depan
Tempat Kerja yang
Dinamik**

6. **Penjelmaan Budaya
KKP melalui
Pembangunan Kapasiti
Progresif**

- 1 - Memperkukuh peranan dan kebolehcapaian professional berkaitan kesihatan pekerjaan
- 2 - Menambah baik akses kepada perkhidmatan kesihatan pekerjaan
- 3 - Mengaplikasi kaedah *Prevention through Design (PtD)* dalam pengurusan kesihatan pekerjaan
- 4 - Menangani risiko baharu muncul dalam kesihatan pekerjaan

Teras Strategik 2: Peneraju Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerja

Objektif:

Meluaskan lagi ketersediaan perkhidmatan kesihatan pekerja yang komprehensif, dengan penekanan terhadap kesihatan mental, keperluan bagi tenaga kerja yang semakin berusia dan penjagaan pencegahan untuk meningkatkan kesejahteraan secara menyeluruh, sekaligus mengurangkan penyakit pekerjaan.

Program:

1. **Memperkuhkan peranan dan kebolehcapaian profesional berkaitan kesihatan pekerjaan**
2. Menambah baik akses kepada perkhidmatan kesihatan pekerjaan
3. Mengaplikasi kaedah *Prevention through Design (PtD)* dalam pengurusan kesihatan pekerjaan
4. Menangani risiko baharu muncul dalam kesihatan pekerjaan

TERAS STRATEGIK 2 | PROGRAM 1: MEMPERKUKUH PERANAN DAN KEBOLEHCAPAIAN PROFESIONAL BERKAITAN KESIHATAN PEKERJAAN

RASIONAL

Sehingga tahun 2022, Malaysia mempunyai 1,112 Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) yang aktif. Jumlah ini tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan negara. Kekurangan ini disebabkan oleh ketidakjelasan dalam spesifikasi peranan serta kemahiran diagnostik yang amat terhad. Tambahan pula, insentif yang tidak mencukupi untuk melaporkan penyakit pekerjaan menghalang dokumentasi dan pelaporan yang menyeluruh. Dalam usaha memperluaskan akses kepada perkhidmatan kesihatan dan kesejahteraan pekerja, OHD, OHN, serta pakar perubatan bukan pakar kesihatan pekerjaan seperti pengamal perubatan am, pakar perubatan, radiologi, dan lain-lain memainkan peranan penting. Program ini bertujuan untuk memperkuat keupayaan mereka, menjelaskan peranan mereka, dan meningkatkan penglibatan mereka dalam mendiagnosis dan melaporkan penyakit pekerjaan, seterusnya menyumbang kepada peningkatan piawaian kesihatan tempat kerja di seluruh negara.

HASIL

Program ini bertujuan untuk meningkatkan bilangan profesional Kesihatan Pekerjaan yang aktif di Malaysia dengan mendorong permintaan industri dan dasar yang berkaitan. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk meningkatkan keupayaan diagnostik dalam kalangan pakar kesihatan pekerjaan dan pengamal perubatan bukan pakar kesihatan pekerjaan terhadap penyakit pekerjaan. Program ini juga bertujuan untuk menawarkan insentif yang lebih kukuh kepada OHD untuk melaporkan penyakit pekerjaan, sekali gus menggalakkan pelaporan yang lebih tepat dan telus di seluruh negara.

AKTIVITI

1. Meningkatkan bilangan OHD dan OHN bagi mengintegrasikan amalan kesihatan di tempat kerja serta aktiviti pengawalseliaan.

AKTIVITI

1

Meningkatkan bilangan OHD dan OHN bagi mengintegrasikan amalan kesihatan di tempat kerja serta aktiviti pengawalseliaan

PENERANGAN	OUTPUT/KPI	GARIS MASA
Aktiviti ini bertujuan untuk menyelaraskan peraturan dan garis panduan sedia ada bagi memperjelas, menyeragamkan, dan mengintegrasikan peranan Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) dan Jururawat Kesihatan Pekerjaan (OHN) dalam pengurusan kesihatan tempat kerja dan rangka kerja pengawalseliaan. Dengan memberi tumpuan kepada industri yang berpermintaan tinggi seperti pembinaan, pembuatan, dan perlombongan, aktiviti ini bertujuan untuk mencapai cadangan WHO iaitu 1 OHD bagi setiap 1,000–5,000 pekerja dalam sektor berisiko tinggi dan 1 OHD bagi setiap 10,000 pekerja dalam sektor lain. Dengan meletakkan OHD dan OHN sebagai elemen penting untuk pematuhan dan pelaburan strategik bagi pihak industri, aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan permintaan industri terhadap pakar kesihatan pekerjaan bagi memperkukuh keselamatan dan kesihatan tempat kerja.	I. Membangunkan dan menerbitkan satu (1) garis panduan untuk mentakrifkan peranan OHD dan OHN dalam amalan kesihatan tempat kerja dan aktiviti pengawalseliaan. II. Melaksanakan enam (6) libat urus kesedaran yang disasarkan untuk mendorong penerimaan garis panduan tersebut serta memantau kadar pelaksanaannya bagi penambahbaikan berterusan. III. Mencapai peningkatan 10% dalam bilangan OHD aktif menjelang 2030.	JANGKA PANJANG: 2026 – 2028
LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN	PEMILIK INISIATIF	BENEFISIARI
I. Menyemak semula dan mengintegrasikan peraturan serta garis panduan sedia ada untuk mentakrif dan menyeragamkan peranan OHD dan OHN sebagai elemen penting untuk pematuhan akta serta pelaburan strategik perniagaan, bagi menyokong peningkatan piawaian amalan OSH dan produktiviti. II. Bekerjasama dengan agensi kerajaan seperti KKM untuk meningkatkan penglibatan OHD dan OHN dalam aktiviti pengawalseliaan dan penggubalan dasar. III. Melancarkan libat urus kesedaran yang menyasarkan sektor berisiko tinggi bagi mendorong penerimaan garis panduan ini dalam kalangan pihak industri dan agensi pengawalseliaan.	I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKKP II. KKM III. MNKKP IV. MMA V. Persatuan profesional KKP	I. Semua sektor
MATLAMAT SDG	STATUS	KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL
3GOOD HEALTH AND WELL-BEING 8DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH	Baharu	Strategi Kerjasama Negara Malaysia-WHO Keutamaan Strategik 2: Memobilisasi pendekatan menyeluruh yang melibatkan seluruh kerajaan dan pelbagai pihak berkepentingan untuk menangani isu kesihatan di luar sektor kesihatan.

Teras Strategik 2: Peneraju Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerja

Objektif:

Meluaskan lagi ketersediaan perkhidmatan kesihatan pekerja yang komprehensif, dengan penekanan terhadap kesihatan mental, keperluan bagi tenaga kerja yang semakin berusia dan penjagaan pencegahan untuk meningkatkan kesejahteraan secara menyeluruh, sekaligus mengurangkan penyakit pekerjaan.

Program:

1. Memperkukuh peranan dan kebolehcapaian profesional berkaitan kesihatan pekerjaan
2. **Menambah baik akses kepada perkhidmatan kesihatan pekerjaan**
3. Mengaplikasi kaedah *Prevention through Design (PtD)* dalam pengurusan kesihatan pekerjaan
4. Menangani risiko baharu muncul dalam kesihatan pekerjaan

TERAS STRATEGIK 2 | PROGRAM 2: MENAMBAH BAIK AKSES KEPADA PERKHIDMATAN KESIHATAN PEKERJAAN

RASIONAL

Akses kepada perkhidmatan kesihatan dan kesejahteraan pekerja masih terhad di Malaysia, terutamanya di kawasan luar bandar, yang menghalang pengesanan awal, pencegahan, dan pengurusan penyakit pekerjaan. Kekurangan perkhidmatan yang mudah diakses memberi kesan yang lebih ketara kepada pekerja dalam sektor berisiko tinggi. Selain itu, integrasi maklumat sejarah kerja yang tidak mencukupi dalam proses diagnosis turut memburukkan lagi cabaran dalam menguruskan risiko kesihatan pekerjaan. Untuk mengatasi masalah ini, adalah penting untuk memperluaskan akses melalui kemudahan di peringkat wilayah, meningkatkan amalan diagnostik, melaksanakan program saringan yang disasarkan, dan membolehkan penilaian sendiri menggunakan aplikasi mudah alih serta peranti diagnostik bagi membolehkan pengesanan dan intervensi awal.

HASIL

Program ini bertujuan untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan pekerjaan di seluruh negara, khususnya di kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan. Melalui penubuhan pusat kesihatan pekerjaan di peringkat wilayah, integrasi maklumat sejarah kerja dalam proses diagnostik, pelaksanaan program saringan penyakit, serta penilaian sendiri penyakit pekerjaan menggunakan aplikasi mudah alih dan peranti diagnostik, inisiatif ini bertujuan untuk memperkukuhkan pengesanan awal, intervensi yang tepat pada masanya, dan pencegahan penyakit pekerjaan. Peningkatan akses kepada perkhidmatan ini dijangka dapat meningkatkan pematuhan terhadap standard kesihatan pekerjaan, mengekalkan produktiviti pekerja, dan mewujudkan tenaga kerja yang lebih sihat dan produktif di seluruh Malaysia.

AKTIVITI

1. Menjalankan kajian keperluan perluasan perkhidmatan kesihatan pekerjaan di kawasan luar bandar bagi memastikan akses kepada perkhidmatan kesihatan pekerjaan
2. Mengintegrasikan sejarah pekerjaan dalam proses diagnostik
3. Melaksanakan program saringan penyakit pekerjaan bersasar di sektor berisiko tinggi bagi Penyakit Pendengaran Disebabkan Bunyi Bising (ONRHD) dan Penyakit Muskuloskeletal Pekerja (OMSD)
4. Penilaian sendiri penyakit pekerjaan dengan aplikasi mudah alih dan peranti diagnostik.

AKTIVITI

1

Menjalankan kajian keperluan perluasan perkhidmatan kesihatan pekerjaan di kawasan luar bandar bagi memastikan akses kepada perkhidmatan kesihatan pekerjaan

PENERANGAN

Aktiviti ini bertujuan untuk memberikan akses kepada perkhidmatan kesihatan pekerjaan dengan melantik kemudahan perkhidmatan kesihatan pekerjaan di kawasan luar bandar atau yang kurang mendapat perkhidmatan. Inisiatif ini menangani cabaran semasa berkaitan akses kepada perkhidmatan kesihatan pekerjaan yang terhad dengan mengoptimumkan penggunaan infrastruktur perubatan sedia ada (contohnya, hospital, klinik kesihatan, dan sebagainya). Kemudahan yang dilantik akan menyediakan perkhidmatan diagnostik, pemantauan kesihatan, dan penjagaan pencegahan bagi menyokong perniagaan, khususnya PMKS, dalam mematuhi piawaian kesihatan pekerjaan serta mengurangkan risiko kesihatan di tempat kerja.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- I. Mengenal pasti kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan atau kawasan dengan akses terhad kepada perkhidmatan kesihatan pekerjaan.
- II. Menilai kapasiti dan kesesuaian kemudahan perubatan sedia ada untuk berperanan sebagai penyedia perkhidmatan kesihatan pekerjaan yang dilantik.
- III. Menyediakan laporan khas meliputi keperluan permintaan, OHD, kos pembukaan fasiliti, peralatan, dan melaksanakan *value management* (VM).

OUTPUT / KPI

- I. Satu **(1) laporan kajian** keperluan perluasan perkhidmatan kesihatan di kawasan luar bandar.
- II. Melaksanakan **kajian rintis untuk melantik tiga (3) pusat** perkhidmatan kesihatan pekerjaan di kawasan-kawasan yang kurang mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan pekerjaan luar bandar.

PEMILIK INISIATIF

- I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKKP
- II. KKM
- III. Universiti
- IV. Persatuan profesional KKP

STATUS

Baharu

GARIS MASA

JANGKA PANJANG: 2026 - 2030

BENEFISIARI

- I. Semua Sektor

MATLAMAT SDG

3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING

8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH

KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL

Rangka Kerja Strategik Program Perubatan 2021-2025

Strategi 2: Mengoptimumkan pengurusan sumber termasuk kemudahan, peralatan, dan pembiayaan

AKTIVITI

2

Mengintegrasikan sejarah pekerjaan dalam proses diagnostik

PENERANGAN

Aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan diagnosis dan pelaporan penyakit pekerjaan dengan memastikan pengamal perubatan am (GP), pakar perubatan, radiologi, dan pengamal perubatan bukan pakar kesihatan pekerjaan lain memahami tanggungjawab mereka untuk mengenal pasti, mendokumentasikan, dan merujuk kes penyakit pekerjaan yang disyaki di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA 1994) dan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan) 2000 (USECHH 2000). Pengamal perubatan bukan pakar kesihatan pekerjaan akan dilatih untuk mengintegrasikan sejarah pekerjaan pesakit ke dalam proses diagnostik secara rutin untuk mematuhi kewajipan undang-undang mereka untuk merujuk kes yang disyaki kepada OHD untuk penilaian dan pengurusan lanjut. Selain itu, kempen kesedaran akan dijalankan untuk mendidik pekerja mengenai kepentingan berkongsi maklumat tentang pendedahan pekerjaan mereka semasa konsultasi perubatan.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- I. Mengadakan sesi libat-urus dengan pengurusan tertinggi/ pembuat dasar KKM berkenaan integrasi sejarah pekerjaan dalam proses diagnostik.
- II. Membangunkan bahan latihan untuk pengamal perubatan bukan pakar kesihatan pekerjaan bagi mengintegrasikan sejarah pekerjaan ke dalam proses diagnostik secara sistematik dan pemahaman kewajipan undang-undang mereka untuk melaporkan dan merujuk sebarang kes yang disyaki sebagai penyakit pekerjaan.
- III. Mengintegrasikan sumber latihan yang dibangunkan ke dalam kurikulum universiti untuk pengamal perubatan am, radiologi, dan pengamal perubatan bukan pakar kesihatan pekerjaan lain.
- IV. Melaksanakan pemerhatian di hospital untuk memastikan pengamal perubatan menanyakan sejarah pekerjaan pesakit apabila diperlukan dan memberikan maklum balas konstruktif untuk mengukuhkan amalan terbaik.
- V. Meningkatkan kesedaran dalam kalangan pekerja mengenai kepentingan berkongsi maklumat pendedahan pekerjaan mereka semasa konsultasi perubatan melalui saluran dalam talian seperti Facebook, WhatsApp, Instagram, dan lain-lain.

OUTPUT/KPI

- I. Membangunkan **satu (1) bahan latihan** untuk pengamal perubatan bagi mengintegrasikan sejarah pekerjaan ke dalam proses diagnostik secara sistematik.
- II. Melaksanakan **300 pemerhatian di hospital** untuk memastikan sejarah pekerjaan diintegrasikan dalam proses diagnostik secara sistematik.

PEMILIK INISIATIF

- I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKPP
- II. KKM
- III. MIHA
- IV. Persatuan profesional KKP

STATUS

Baharu

GARIS MASA

JANGKA PANJANG: 2026 - 2030

BENEFISIARI

- I. Semua sektor

MATLAMAT SDG



KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL

Rangka Kerja Strategik Program Perubatan 2021-2025

Strategi 5: Memperkukuh keselamatan dan kualiti dalam penyampaian sistem penjagaan kesihatan

AKTIVITI

3

Melaksanakan program saringan penyakit pekerjaan bersasar di sektor berisiko tinggi bagi Penyakit Pendengaran Disebabkan Bunyi Bising (ONRHD) dan Penyakit Muskuloskeletal Pekerjaan (OMSD)

PENERANGAN	OUTPUT/KPI	GARIS MASA
Aktiviti ini memberi tumpuan kepada pelaksanaan program saringan yang mensasarkan sektor berisiko tinggi yang menyumbang kepada statistik penyakit dan keracunan pekerjaan, sebagai contoh sektor pembuatan (metal, elektronik dan makanan). Saringan ini secara khusus mensasarkan penyakit pekerjaan yang lazim seperti Penyakit Pendengaran Disebabkan Bunyi Bising(ONRHD) dan Gangguan Muskuloskeletal (OMSD). Dengan menyesuaikan saringan kepada risiko signifikan sektor-sektor tersebut, program ini bertujuan untuk memastikan pengesanan awal serta memudahkan rawatan susulan dan langkah mitigasi risiko penyakit pekerjaan yang lebih bersasar dan berkesan.	I. Mengadakan 30 program saringan penyakit pekerjaan bersasar di tempat kerja berisiko tinggi	JANGKA PANJANG : 2026 - 2030
LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN	PEMILIK INISIATIF	BENEFISIARI
I. Menyesuaikan alat diagnostik, sistem pelaporan, dan prosedur susulan untuk menangani ONRHD dan OMSD di sektor berisiko tinggi. II. Menjalankan saringan berkala di sektor-sektor berisiko tinggi yang disasarkan. III. Bekerjasama dengan pemegang taruh industri untuk memudahkan pelaksanaan protokol saringan, memastikan aksesibiliti, dan meningkatkan kesedaran tentang strategi pencegahan penyakit pekerjaan. IV. Menubuhkan sistem untuk menjejaki bilangan saringan yang dijalankan, intervensi susulan, dan pengurangan kes penyakit pekerjaan bagi memperbaiki strategi masa depan.	I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKKP II. KKM III. Persatuan industri IV. Persatuan profesional KKP	I. Semua sektor
	STATUS	MATLAMAT SDG
	Dikekalkan S4P1A2	3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH
		KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL
		Strategi Kerjasama Negara Malaysia-WHO Keutamaan Strategik 2: Menggerakkan pendekatan melibatkan seluruh kerajaan dan pelbagai pihak berkepentingan untuk menangani isu kesihatan di luar sektor kesihatan

AKTIVITI

4

Penilaian sendiri penyakit pekerjaan dengan aplikasi mudah alih dan peranti diagnostik

PENERANGAN

Aktiviti ini bertujuan menyokong pengesanan awal dan intervensi penyakit pekerjaan melalui pembangunan aplikasi mudah alih penilaian sendiri digital. Aplikasi ini membolehkan pekerja menjalankan saringan kesihatan berdasarkan garis panduan bagi penyakit pekerjaan lazim, seperti penyakit pernafasan, gangguan muskuloskeletal, dan gangguan psikososial berkaitan kerja, menggunakan senarai semak gejala standard serta algoritma berasaskan risiko. Dengan mengintegrasikan peranti diagnostik mudah alih, seperti peranti boleh pakai (contohnya, pemantau kadar jantung dan oksigen) serta spirometer digital, aplikasi ini menyediakan data kesihatan masa nyata dan pemberitahuan amaran. Aplikasi ini bertujuan memberi pekerja penilaian awal terhadap risiko penyakit pekerjaan serta menentukan keperluan tindakan lanjut. Selain itu, aplikasi ini juga merupakan proses diagnostik awal kepada saringan kesihatan pekerjaan, dan memastikan rujukan kepada OHD dibuat sekiranya pekerja terdedah kepada risiko penyakit dan keracunan pekerjaan.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- I. Mereka bentuk, membangunkan, atau menambah baik aplikasi mudah alih sedia ada, seperti MySejahtera, untuk mengintegrasikan ciri penilaian sendiri berdasarkan senarai semak gejala dan algoritma berasaskan risiko. Aplikasi ini juga perlu disepadukan dengan peranti diagnostik mudah alih (contohnya, peranti boleh pakai dan spirometer digital) bagi membolehkan pemantauan kesihatan. Melaksanakan ujian rintis ke atas platform serta memberikan hasil penilaian yang lebih tepat.
- II. Melaksanakan ujian rintis bagi platform dan peranti di sektor berisiko tinggi penyakit pekerjaan, termasuk sektor pembuatan, perkhidmatan, pertanian, perhutanan dan perikanan, serta pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi, bagi memastikan kebolegunaan dan ketepatan aplikasi.
- III. Melibatkan pihak berkepentingan, seperti OHD dan pemimpin industri, untuk menggalakkan penggunaan.
- IV. Menganjurkan sesi latihan untuk pekerja bagi memastikan mereka dapat menggunakan aplikasi mudah alih dan peranti diagnostik dengan cekap.

OUTPUT/KPI

- I. Membangunkan dan melancarkan fungsi **penilaian sendiri digital** untuk penilaian sendiri penyakit pekerjaan.
- II. Mengadakan **50 projek rintis** dan mengedarkan peranti diagnostik mudah alih ke tempat kerja berisiko tinggi.

PEMILIK INISIATIF

- I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKKP
- II. KKM
- III. FMM
- IV. CIDB
- V. CICM
- VI. Persatuan profesional KKP
- VII. Syarikat teknologi kesihatan

STATUS

Baharu

GARIS MASA

JANGKA PANJANG : 2026 - 2030

BENEFISIARI

- I. Semua sektor

MATLAMAT SDG



KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL

Strategi Kerjasama Negara Malaysia-WHO

Keutamaan Strategik 2: Menggerakkan pendekatan melibatkan seluruh kerajaan dan pelbagai pihak berkepentingan untuk menangani isu kesihatan di luar sektor kesihatan

Teras Strategik 2: Peneraju Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerja

Objektif:

Meluaskan lagi ketersediaan perkhidmatan kesihatan pekerja yang komprehensif, dengan penekanan terhadap kesihatan mental, keperluan bagi tenaga kerja yang semakin berusia dan penjagaan pencegahan untuk meningkatkan kesejahteraan secara menyeluruh, sekaligus mengurangkan penyakit pekerjaan.

Program:

1. Memperkukuh Peranan dan kebolehcapaian Pengamal Kesihatan Pekerjaan
2. Menambah baik akses kepada perkhidmatan kesihatan pekerja
3. **Mengaplikasi kaedah *Prevention through Design (PtD)* dalam pengurusan kesihatan pekerja**
4. Menangani risiko baharu muncul dalam kesihatan pekerja

TERAS STRATEGIK 2 | PROGRAM 3: MENGAPLIKASIKAN KAEDAH *PREVENTION THROUGH DESIGN (PtD)* DALAM PENGURUSAN KESIHATAN PEKERJAAN

RASIONAL

Pada tahun 2023, 83% daripada kes penyakit pekerjaan di Malaysia berkaitan dengan kehilangan pendengaran (ONRHD), manakala gangguan muskuloskeletal (OMSD) merupakan penyakit pekerjaan kedua yang paling banyak dilaporkan. *Prevention through Design (PtD)*, merupakan satu pendekatan proaktif yang dilaksanakan dalam fasa reka bentuk atau fasa perancangan, boleh dilaksanakan untuk menghapuskan atau meminimumkan risiko NIHL, MSD dan meminimumkan pendedahan pekerja kepada bahan kimia berbahaya dengan berkesan. Program SOHELP DIY melengkapkan usaha PtD dengan membantu organisasi memenuhi piawaian higen tempat kerja untuk mewujudkan tempat kerja yang lebih selamat dan lestari.

HASIL

Pelaksanaan kaedah PtD dapat mengurangkan insiden ONHRD, OMSD dan meminimumkan atau menghapuskan pendedahan pekerja kepada bahan kimia berbahaya di pelbagai industri. Manakala SOHELP DIY memudahkan membantu organisasi memenuhi piawaian kebersihan pekerjaan yang diperlukan.

AKTIVITI

1. Meminimumkan risiko penyakit pendengaran akibat bunyi bising pekerjaan (ONRHD) melalui kaedah PtD.
2. Meminimumkan risiko penyakit maskuloskletal pekerjaan (JMSD) melalui kaedah PtD
3. Mengaplikasikan kaedah PtD untuk meminimumkan pendedahan pekerja kepada bahan kimia berbahaya kepada kesihatan
4. Meluaskan penggunaan SOHELP bagi menambah baik piawaian kesihatan pekerjaan negara

AKTIVITI

1

Meminimumkan risiko penyakit pendengaran disebabkan bising perkerjaan (ONRHD) melalui kaedah PtD

PENERANGAN

Aktiviti ini bertujuan untuk mengurangkan risiko penyakit Gangguan Pendengaran Disebabkan Bising Pekerjaan (ONRHD) dengan menerapkan kaedah *Prevention Through Design* (PtD). Pendekatan ini boleh dilaksanakan dengan intervensi yang disesuaikan dengan tempat kerja baru mahupun tempat kerja sedia ada dengan mengutamakan tindakan pencegahan dari aspek reka bentuk jentera bising, pengubahsuaian jentera bising dan proses supaya pendedahan bising dapat dikurangkan. Inisiatif ini akan membangunkan satu Panduan Maklumat Paras Bising Yang Dihasilkan Jentera sebagai panduan kepada pereka bentuk, pengilang dan pembekal jentera bising bagi menyediakan maklumat kebisingan jentera untuk mengurangkan pendedahan bising di tempat kerja. Kolaborasi strategik dan projek rintis pelaksanaan akan dijalankan bersama pereka bentuk, pengilang dan pembekal jentera bising bagi mengintegrasikan ciri-ciri pengurangan pendedahan bising semasa pembuatan jentera bising dan pelaksanaan kawalan kejuruteraan kebisingan bagi mengurangkan pendedahan di tempat kerja. Penguatkuasaan *Noise Control and Preventive Programme* (NCAPP) yang dijalankan di tempat kerja dapat memastikan kawalan kejuruteraan kebisingan dilaksanakan dengan berkesan. Aktiviti ini bertujuan untuk memberi keutamaan kepada industri yang menyumbang kepada kes tertinggi ONRHD seperti di industri pembuatan logam, elektrik dan makanan.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- I. Membangunkan Panduan Maklumat Paras Bising Yang Dihasilkan Oleh Jentera sebagai panduan kepada pereka bentuk, pengilang dan pembekal jentera bising bagi menyediakan maklumat kebisingan jentera.
- II. Mengenal pasti jentera bising yang menyumbang kepada paras bising melebihi had di sektor berisiko tinggi.
- III. Kolaborasi bersama pereka bentuk, pengilang dan pembuat jentera bising bagi melaksanakan maklumat paras bising jentera dan mengintegrasikan ciri-ciri pengurangan pendedahan bising melalui kaedah PtD semasa pembuatan jentera bising.
- IV. Menjalankan program rintis pelaksanaan PtD di tempat kerja berisiko tinggi bagi memastikan pendekatan PtD diambil kira dalam mengurangkan pendedahan bising.
- V. Memastikan tempat kerja melaksanakan langkah kawalan kebisingan melalui penguatkuasaan *Noise Control Preventive Program* (NCAPP).

OUTPUT / KPI

- I. Membangunkan satu **(1) Panduan Maklumat Paras Bising** Yang Dihasilkan oleh Jentera
- II. Dua **(2) kolaborasi** bersama pereka bentuk, pengilang dan pembuat jentera bising.
- III. Lima **(5) projek rintis** untuk kawalan ONRHD di industri berisiko tinggi.
- IV. **30% tempat kerja** mencapai Gred B dalam penguatkuasaan NCAPP

PEMILIK INISIATIF

- I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKPP
- II. MITI
- III. FMM
- IV. MAFI
- V. FDPM
- VI. MOT
- VII. DOF
- VIII. Persatuan profesional KKP

STATUS

Dipertingkatkan
S4P2A2

GARIS MASA

JANGKA PANJANG: 2026 – 2030

BENEFISIARI

- I. Semua sektor

MATLAMAT SDG



AKTIVITI

2

Meminimumkan risiko Penyakit Muskuloskeletal Perkerjaan (OMSD) melalui kaedah PtD

PENERANGAN

Aktiviti ini bertujuan untuk meminimumkan risiko Penyakit Muskuloskeletal (OMSD) dengan menerapkan kaedah *Prevention through Design* (PtD) yang berasaskan data antropometri tempatan daripada NIOSH *Anthropometric Portal*. Dengan menggunakan data antropometri negara, inisiatif ini boleh melaksanakan intervensi ergonomik yang disesuaikan untuk pekerja Malaysia dalam sektor-sektor yang mempunyai pelaporan OMSD yang tinggi, termasuk pembuatan, perkhidmatan, kewangan, insurans, dan hartanah. Aktiviti ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menangani punca utama OMSD, seperti pergerakan berulang, berdiri terlalu lama, postur yang tidak ergonomik, dan angkat beban berat melalui penyelesaian yang mudah dan kos efektif seperti mereka bentuk semula aliran dan jadual kerja, memindahkan peralatan supaya mudah didapati, dan sebagainya untuk mengurangkan OMSD berkaitan pekerjaan dan meningkatkan produktiviti.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- I. Melaksanakan audit ergonomik di sektor penyumbang terbesar untuk mengenal pasti tugas dan proses berisiko tinggi.
- II. Mengadakan kolaborasi bersama pereka bentuk, dan pengilang tempatan produk berkaitan keperluan penghasilan produk berasaskan data antropometri tempatan.
- III. Melaksanakan reka bentuk dan penyelesaian ergonomik dalam sektor berisiko tinggi seperti reka bentuk semula aliran kerja, pemindahan peralatan, dan pelarasan jadual kerja dengan menggunakan data antropometri tempatan.
- IV. Menyediakan latihan khusus kepada majikan, penyelia, dan pekerja bagi meningkatkan kesedaran tentang risiko OMSD dan kepentingan amalan ergonomik berdasarkan data tempatan.
- V. Menubuhkan sistem pemantauan untuk menjejaki pelaksanaan dan keberkesanan intervensi PtD serta mengukur pengurangan kes OMSD dalam pelbagai sektor.

OUTPUT / KPI

- I. Pembangunan **ICOP Ergonomik** yang berteraskan PtD.
- II. Lima **(5) kolaborasi** bersama pereka bentuk, dan pengilang tempatan merujuk kepada data antropometri tempatan.
- III. Lima **(5) projek rintis** untuk kawalan OMSD di industri berisiko tinggi.
- IV. **30% tempat kerja** mencapai Gred B dalam penguatkuasaan ergonomik.

PEMILIK INISIATIF

- I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKKP
- II. HFEM
- III. FMM
- IV. REHDA
- V. PIAM
- VI. ABM
- VII. Persatuan profesional KKP

STATUS

Dipertingkatkan
S4P2A2

GARIS MASA

JANGKA PANJANG: 2026 - 2030

BENEFISIARI

- I. Semua sektor

MATLAMAT SDG



AKTIVITI

3

Mengaplikasikan kaedah PtD untuk meminimumkan pendedahan pekerja kepada bahan kimia berbahaya kepada kesihatan

PENERANGAN

Aktiviti ini bertujuan untuk meminimumkan pendedahan pekerja kepada bahan kimia berbahaya dengan menerapkan kaedah *Prevention through Design* (PtD). Pendekatan ini menekankan tindakan pencegahan dari peringkat reka bentuk sistem kerja, peralatan, dan susun atur proses, supaya risiko dapat dielakkan sebelum bahan kimia dikendalikan secara fizikal. Inisiatif ini boleh dilaksanakan dengan intervensi yang disesuaikan dengan tempat kerja melalui kaedah seperti penggantian bahan kimia berbahaya, penggunaan sistem tertutup atau automatik, reka bentuk sistem dan kaedah pengendalian bahan kimia yang selamat. Intervensi langkah-langkah kawalan juga boleh mengadaptasi reka bentuk atau reka bentuk semula bagi mengurangkan atau menghapuskan pendedahan pekerja kepada bahan kimia berbahaya

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- Mengenal pasti sektor industri yang menggunakan atau menghasilkan bahan kimia berbahaya yang berisiko tinggi kepada pekerja dengan menggunakan sistem inventori IICMS.
- Membangunkan garis panduan berdasarkan pendekatan PtD meliputi reka bentuk, pembinaan, pemasangan, dan operasi.
- Melaksanakan reka bentuk atau reka bentuk semula dalam aktiviti berkaitan pengurusan, kawalan, penggunaan dan pengendalian bahan kimia berbahaya.
- Menyediakan latihan khusus untuk majikan dan pekerja bagi meningkatkan kesedaran tentang risiko dan bahaya bahan kimia berbahaya termasuk pendedahan kepada penggalakan penggunaan PtD bagi pengurusan kimia.

OUTPUT / KPI

- Membangunkan satu **(1) garis panduan** berdasarkan pendekatan PtD meliputi reka bentuk, pembinaan, pemasangan, dan operasi bagi pengurusan bahan kimia berbahaya.
- 30 tempat kerja** yang berisiko dalam pendedahan bahan kimia berbahaya kepada pekerja melaksanakan sekurang-kurangnya satu penambahbaikan atau intervensi menjelang tahun 2030.

PEMILIK INISIATIF

- Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKPP
- CICM
- MIHA

STATUS

Dipertingkatkan
S4P2A2

GARIS MASA

JANGKA PANJANG: 2026 - 2030

BENEFISIARI

- Semua sektor

MATLAMAT SDG



KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL

Pelan Hala Tuju Industri Kimia (CIR 2030)

Fokus strategik: Memperkenalkan teknologi baharu untuk memajukan keseluruhan industri kimia

AKTIVITI

4

Meluaskan pelaksanaan SOHELP bagi mematuhi perundangan kesihatan pekerjaan

PENERANGAN

Aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan pengamalan dan keberkesanan SOHELP DIY. Selain memanfaatkan persatuan KKP dan persatuan industri untuk mempromosikan penggunaan SOHELP DIY, aktiviti ini juga melibatkan kepakaran organisasi yang telah mencapai kecemerlangan dalam piawaian kesihatan pekerjaan. Melalui program bimbingan dan konvensyen perkongsian pengetahuan, organisasi-organisasi cemerlang ini akan membimbing organisasi lain untuk memperbaiki amalan pengurusan kesihatan di tempat kerja.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- Menganjurkan konvensyen untuk menghargai organisasi yang cemerlang dalam melaksanakan SOHELP dan SOHELP DIY serta menyediakan platform untuk perkongsian amalan terbaik.
- Melibatkan persatuan berkaitan OSH dan industri untuk mempromosikan penggunaan SOHELP DIY bagi meningkatkan standard kesihatan pekerjaan.
- Memilih dan melatih organisasi SOHELP berprestasi tinggi untuk menjadi mentor untuk membimbing tempat kerja lain, membantu mereka mencapai tahap kemajuan daripada Tahap 1 ke Tahap 3 dan ke atas dalam program SOHELP DIY.
- Memantau kemajuan dan hasil program bimbingan setiap enam bulan bagi memastikan peningkatan prestasi organisasi mentee yang menyertai inisiatif ini.

OUTPUT/KPI

- 80 libat urus** bersama industri.
- Penyertaan **2,000 tempat kerja** dalam program SOHELP.
- Menganjurkan satu **(1) konvensyen** menjelang 2030 untuk mengiktiraf organisasi berprestasi tinggi dalam SOHELP setiap tahun.
- Semua peserta terlibat mencapai **tahap 3 dan ke atas**.

PEMILIK INISIATIF

- Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKKP
- MIHA
- Persatuan profesional KKP

STATUS

Dikekalkan
S4P2A2

GARIS MASA

JANGKA PANJANG: 2026 - 2030

BENEFISIARI

- Semua sektor

MATLAMAT SDG



KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL

Strategi Kerjasama Negara Malaysia-WHO

Keutamaan Strategik 2: Menggerakkan pendekatan seluruh kerajaan dan pelbagai pihak berkepentingan untuk menangani isu kesihatan di luar sektor kesihatan.

Teras Strategik 2: Peneraju Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerja

Objektif:

Meluaskan lagi ketersediaan perkhidmatan kesihatan pekerjaan yang komprehensif, dengan penekanan terhadap kesihatan mental, keperluan bagi tenaga kerja yang semakin berusia dan penjagaan pencegahan untuk meningkatkan kesejahteraan secara menyeluruh, sekaligus mengurangkan penyakit pekerjaan.

Program:

1. Memperkukuh Peranan Dan Kebolehpapaian Pengamal Kesihatan Pekerjaan
2. Menambah baik akses kepada perkhidmatan kesihatan pekerjaan
3. Mengaplikasi kaedah *Prevention through Design (PtD)* dalam pengurusan kesihatan pekerjaan
4. **Menangani risiko baharu muncul dalam kesihatan pekerjaan**

TERAS STRATEGIK 2 | PROGRAM 4: MENANGANI RISIKO BAHARU MUNCUL DALAM KESIHATAN PEKERJAAN

RASIONAL

Pada tahun 2023, Malaysia menduduki tempat kedua terakhir dalam Indeks Keseimbangan Kehidupan-Kerja Global di kalangan 60 negara dengan KDNK tertinggi, berdasarkan faktor-faktor seperti jam bekerja, gaji minimum, dan indeks kebahagiaan. Ini menekankan betapa pentingnya untuk mempromosikan kesejahteraan pekerja dan menguruskan risiko psikososial di tempat kerja. Selain itu, pada tahun 2044, dianggarkan 20% daripada populasi Malaysia akan berumur 65 tahun ke atas, yang menyoroti keperluan untuk bersiap sedia menghadapi transformasi tenaga kerja yang semakin menua. Oleh itu, menangani cabaran ini secara proaktif adalah penting untuk mewujudkan persekitaran kerja yang lebih sihat, mampan, dan inklusif bagi semua pekerja. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan pekerja, memenuhi keperluan tenaga kerja yang menua, serta memperbaiki kesihatan dan kualiti hidup pekerja secara keseluruhan.

HASIL

Program ini akan meningkatkan pengurusan risiko psikososial di tempat kerja, termasuk bebanan kerja, budaya organisasi, dan keseimbangan antara kehidupan dan kerja. Ia juga akan meningkatkan keterangkuman dan sokongan terhadap tenaga kerja yang semakin berusia dengan menangani keperluan fizikal dan kognitif mereka yang unik, memastikan sumbangan berterusan mereka kepada ekonomi, di samping memupuk persekitaran kerja yang lebih sihat, mampan, dan inklusif.

AKTIVITI

1. Mempromosikan garis panduan *Psychosocial Risk Assessment and Management at the Workplace* (PRisMA)
2. Membangunkan garis panduan untuk menyokong tenaga kerja yang semakin menua di Malaysia

AKTIVITI

1

Mempromosikan garis panduan *Psychosocial Risk Assessment and Management at the Workplace* (PRisMA)

PENERANGAN

Aktiviti ini mempromosikan garis panduan 2024 untuk *Psychosocial Risk Assessment and Management at the Workplace* (PRisMA), dan memastikan pekerja dimaklumkan tentang tanggungjawab majikan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA 1994) untuk menilai dan mengurus risiko psikososial termasuk yang berkaitan dengan beban kerja, keseimbangan kerja-hidup, kawalan pekerjaan, pembangunan kerjaya, dan lain-lain. PRisMA menyediakan panduan praktikal untuk melaksanakan penilaian risiko psikososial, tindakan pembetulan, dan mengurus risiko tempat kerja dengan penggunaan PRisMA *Psychosocial Risk Assessment Tool* (LE026), senarai semak penilaian risiko majikan, dan pelan tindakan pengurusan risiko psikososial. Aktiviti ini bertujuan untuk memastikan organisasi menilai, memantau, dan mengurus risiko psikososial secara berkala.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- I. Meningkatkan kesedaran mengenai Garis Panduan PRisMA 2024 dan memastikan pekerja dimaklumkan tentang tanggungjawab majikan terhadap bahaya psikososial.
- II. Mengadakan bengkel untuk membantu majikan dan pegawai keselamatan dalam proses saringan, pemantauan, pengurusan, dan penyimpanan rekod faktor risiko psikososial di tempat kerja.
- III. Menyokong syarikat dalam mengintegrasikan PRisMA ke dalam sistem pengurusan risiko KKP rutin, seperti Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko, dan Kawalan Risiko (HIRAC), bagi memastikan risiko psikososial dinilai secara sistematik dalam semakan dan audit KKP rutin.

OUTPUT / KPI

- I. Melaksanakan **50 libat urus** untuk meningkatkan kesedaran tentang tanggungjawab majikan dalam menilai dan mengurus risiko psikososial mengikut AKKP 1994 dan Garis Panduan PRisMA 2024.
- II. Melaksanakan **50 bengkel** untuk membantu organisasi dalam saringan, pemantauan, dan penyimpanan rekod faktor risiko psikososial.
- III. Melaksanakan **500 audit** di organisasi pelbagai saiz untuk memastikan saringan, pemantauan, dan kawalan bahaya psikososial dilakukan secara berkesan.

PEMILIK INISIATIF

- I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKKP
- II. NIOSH
- III. KKM
- IV. Persatuan profesional KKP

STATUS

Baharu


GARIS MASA

JANGKA PANJANG: 2026 - 2030

BENEFISIARI

- I. Semua sektor

MATLAMAT SDG



KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL

Pelan Strategik Nasional untuk Kesihatan Mental 2020-2025

Strategi 1: Meningkatkan tadbir urus dan rangka kerja peraturan

AKTIVITI

2

Membangunkan garis panduan untuk menyokong tenaga kerja yang semakin menua di Malaysia

PENERANGAN

Pada tahun 2044, dianggarkan 20% populasi Malaysia akan berusia 65 tahun ke atas, yang dijangka membawa cabaran besar dalam bidang KKP. Aktiviti ini bertujuan untuk menghadapi cabaran tersebut dengan membangunkan garis panduan nasional yang komprehensif, bagi memberikan tumpuan kepada keperluan fizikal, kognitif, dan psikososial tenaga kerja yang semakin berusia. Garis panduan ini akan merangkumi penyesuaian ergonomik, reka bentuk tempat kerja yang sesuai dengan usia, serta pengaturan kerja yang fleksibel. Selain itu, ia turut menekankan langkah-langkah yang mudah dilaksanakan, berkesan dari segi kos, serta memastikan kebolehcapaian dan kesesuaian, terutamanya bagi PMKS dan sektor berisiko tinggi.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- I. Menjalankan kajian bagi mengenal pasti keperluan tenaga kerja menua.
- II. Bekerjasama dengan pihak berkepentingan untuk mewujudkan garis panduan nasional menjelang 2027, yang merangkumi pelarasan ergonomik, reka bentuk tempat kerja yang sesuai dengan usia, dan pengaturan kerja yang fleksibel bagi memenuhi keperluan tenaga kerja yang semakin berusia.
- III. Menganjurkan sesi latihan untuk majikan bagi meningkatkan kesedaran tentang cabaran berkaitan usia bagi pekerja yang lebih berusia, serta cara untuk memastikan pekerja berusia kekal produktif dan terlibat.
- IV. Mempermudahkan penerimgunaan penyelesaian ergonomik yang praktikal untuk pekerja berusia, seperti menyusun semula tempat kerja, menyesuaikan ketinggian kerusi, dan menyediakan tikar anti-kelesuan.
- V. Bekerjasama dengan pengeluar peralatan ergonomik untuk mencari penyelesaian yang berpatutan untuk PMKS dan sektor berisiko tinggi.
- VI. Bekerjasama dengan industri untuk melaksanakan model kerja yang fleksibel untuk pekerja yang lebih berusia.

OUTPUT/KPI

- I. Satu **(1) kajian** keperluan tenaga kerja menua.
- II. Menerbitkan satu **(1) garis panduan** nasional untuk menguruskan tenaga kerja yang menua.
- III. Melaksanakan **program rintis** di industri berkaitan pengaturan kerja fleksibel bagi pekerja berusia di **100 tempat kerja** menjelang tahun 2030.

GARIS MASA

JANGKA PANJANG: 2026 – 2030

BENEFISIARI

- I. Semua sektor

MATLAMAT SDG



PEMILIK INISIATIF

- I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKKP
- II. KKM
- III. JTKSM
- IV. Persatuan profesional KKP

STATUS

Baharu

KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL

Pelan Tindakan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Warga Emas 2023–2030

Teras 4: Memperkukuh asas dan tadbir urus sistem kesihatan

TERAS STRATEGIK OSHMP30

3 | PEMACU INOVASI DAN INTEGRASI TEKNOLOGI KKP

TERAS STRATEGIK OSHMP30

1. Pemerkasaan
Tatakelola KKP Secara
Strategik

2. Peneraju Kesihatan
dan Kesejahteraan
Pekerja

**3. Pemacu inovasi dan
integrasi teknologi KKP**

- 1 - Memacu Inovasi dalam Teknologi KKP
- 2 - Memudahkan penerimgunaan teknologi dalam proses KKP
- 3 - Menambah baik sistem pengurusan KKP yang sedia ada

4. Pemugaran PMKS dan
Sektor Berisiko Tinggi

5. Melakar Masa Depan
Tempat Kerja yang
Dinamik

6. Penjelmaan Budaya
KKP melalui
Pembangunan Kapasiti
Progresif

Teras Strategik 3: Pemacu Inovasi dan Integrasi Teknologi

Objektif

Menggalakkan pengintegrasian teknologi inovatif dan penyelesaian digital dalam amalan KKP untuk meningkatkan pemantauan keselamatan dan pengurusan risiko di pelbagai sektor.

Program

1. **Memacu inovasi dalam teknologi KKP**
2. Memudahkan penerimgunaan teknologi dalam proses KKP
3. Menambah baik sistem pengurusan KKP yang sedia ada

TERAS STRATEGIK 3 | PROGRAM 1: MEMACU INOVASI DALAM TEKNOLOGI KKP

RASIONAL

Inovasi sangat penting dalam menangani cabaran KKP yang muncul dalam persekitaran kerja yang kian berkembang. Dengan kemajuan pesat teknologi KKP di peringkat global, Malaysia perlu memperkukuh fokusnya terhadap penyelidikan dan pembangunan agar kekal berdaya saing. Program ini bertujuan untuk mendorong inovasi dengan menggalakkan kerjasama antara akademik, industri, dan badan pengawalseliaan untuk mempromosikan inisiatif penyelidikan, dan menyediakan platform untuk pengembangan teknologi canggih bagi meningkatkan keselamatan dan kesihatan tempat kerja.

HASIL

Program ini akan memupuk budaya inovasi dalam KKP dengan membuka peluang baharu yang membolehkan kerjasama, pertukaran idea, dan pembangunan teknologi berkaitan KKP. Menjelang tahun 2030, Malaysia akan menyaksikan peningkatan jumlah penyelesaian inovatif KKP yang dibangunkan menerusi cabaran inovasi, makmal inovasi, dan pertukaran pengetahuan melalui Ekspo Teknologi KKP. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan untuk meletakkan Malaysia sebagai peneraju dalam inovasi teknologi OSH, sekali gus meningkatkan piawaian keselamatan dan kesihatan tempat kerja di semua sektor.

AKTIVITI

1. Mempamerkan teknologi KKP terkini dan menggalakkan perkongsian pengetahuan melalui *OSH Tech Expo*
2. Mempromosikan inovasi dalam teknologi berkaitan KKP melalui cabaran inovasi untuk universiti dan pihak industri
3. Memacu inovasi berkaitan teknologi KKP melalui makmal inovasi

AKTIVITI

1

Mempamerkan teknologi KKP terkini dan menggalakkan perkongsian pengetahuan melalui *OSH Tech Expo*

PENERANGAN

OSH Tech Expo bertujuan untuk mempamerkan kemajuan teknologi berkaitan KKP daripada organisasi tempatan dan antarabangsa. Expo teknologi KKP ini juga berperanan untuk memupuk perkongsian pengetahuan dalam kalangan agensi kerajaan, industri, dan universiti, serta memberikan pendedahan berkaitan penyelesaian inovatif, amalan terbaik, dan kemajuan teknologi KKP kepada peserta yang terlibat. Selain itu, ekspo teknologi KKP ini juga menyediakan peluang kepada perniagaan untuk mempamerkan inovasi KKP mereka serta memasarkan produk atau perkhidmatan, sekaligus menggalakkan kerjasama dan memacu pembangunan penyelesaian KKP yang berasaskan teknologi.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- I. Menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk menganjurkan pameran atau ekspo teknologi dengan kerjasama pihak berkepentingan yang relevan, bagi mempromosikan kesedaran mengenai teknologi terkini yang berkaitan dengan KKP.
- II. Mengenal pasti syarikat yang menggunakan atau membekalkan teknologi terkini dan menjemput mereka untuk menyertai ekspo.
- III. Memfokuskan ekspo kepada dua bidang utama: (a) memperkenalkan teknologi untuk pemantauan dan pemeriksaan tempat kerja, dan (b) mempamerkan teknologi IR 4.0 yang menyokong pematuhan KKP semasa operasi perniagaan.
- IV. Menganjurkan kempen melalui platform digital, risalah, poster, laman web, dan saluran media untuk meningkatkan kesedaran serta menggalakkan penyertaan.

OUTPUT/KPI

- I. Menganjurkan satu **(1) ekspo teknologi KKP** (*OSH Tech Expo*) yang melibatkan **400 organisasi**, termasuk agensi kerajaan, PMKS, serta syarikat antarabangsa.

GARIS MASA

JANGKA PANJANG: 2026 - 2030

BENEFISIARI

- I. Semua sektor

MATLAMAT SDG



PEMILIK INISIATIF

- I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKKP
- II. Agensi kerajaan: MOSTI, MSOSH, MITI, MIDA, KASA
- III. Pihak berkepentingan industri: FMM, MEF, MBAM, MQA
- IV. Persatuan Profesional KKP

STATUS

Dikekalkan
S6P1A1

KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL

I. Pelan Pembangunan Sains, Teknologi dan Pembangunan Negara

Teras 2: Pembangunan Teknologi melalui R&D&C&I

II. Dasar Revolusi Industri Keempat Negara

Teras Dasar 4: Mempercepatkan teknologi 4IR dan penerimaan

AKTIVITI

2

Mempromosikan inovasi dalam teknologi berkaitan KKP melalui cabaran inovasi untuk universiti dan pihak industri

PENERANGAN

Aktiviti ini bertujuan untuk menggalakkan inovasi dalam KKP dengan menganjurkan cabaran inovasi peringkat kebangsaan dalam kalangan universiti dan perniagaan. Sebagai pelengkap kepada *Malaysia Grand Challenge* (MGC), aktiviti ini bertujuan untuk mencari penyertaan yang dapat menyelesaikan isu-isu khusus berkaitan KKP, seperti pemantauan dan pengurusan risiko KKP, kesejahteraan pekerja, dan pemudahan proses pengurusan risiko bagi Koordinator KKP dan pengamal lain. Aktiviti ini bertujuan untuk melibatkan pelajar dan perniagaan dalam mencipta penyelesaian teknologi KKP yang murah, mudah digunakan, serta boleh disesuaikan dengan syarikat yang terdiri daripada pelbagai saiz. Insentif bagi aktiviti ini termasuk geran, perkongsian, dan peluang pengkomersialan, yang bertujuan untuk memupuk pembangunan teknologi inovatif yang memberi impak besar dan memenuhi keperluan keselamatan serta kesihatan di tempat kerja di Malaysia.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- I. Menganjurkan cabaran inovasi KKP peringkat kebangsaan untuk universiti dan pemain industri bagi membangunkan penyelesaian teknologi KKP yang berkesan dari segi kos, mudah digunakan, dan boleh disesuaikan oleh syarikat besar serta PMKS.
- II. Berkolaborasi dengan agensi kerajaan, industri, dan institusi akademik untuk menyediakan bimbingan, pembiayaan, dan sumber teknikal untuk pasukan yang menyertai.
- III. Melibatkan diri dalam projek percubaan untuk menguji dan memperhalusi penyelesaian inovatif di tempat kerja yang sebenar, terutamanya dalam industri berisiko tinggi.
- IV. Memudahkan laluan komersialisasi untuk projek yang berjaya dengan menghubungkan peserta dengan institusi akademik, pihak berkepentingan industri, dan pelabur bagi membawa inovasi ke pasaran.

OUTPUT/KPI

- I. **50 penyertaan** dalam cabaran inovasi menjelang 2030.
- II. Lima (**5**) **inovasi KKP** berjaya diprototaipkan dan diuji dalam persekitaran tempat kerja menjelang 2030.

PEMILIK INISIATIF

- I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30
- II. Agensi kerajaan: contohnya KPT, MOSTI, MIDA, NCOSH, NIOSH, Persatuan profesional KKP
- III. Pihak berkepentingan industri: contohnya FMM, MEF, SME Corp, MBAM, CIDB

STATUS

Dipertingkatkan
S6P1A2

GARIS MASA

JANGKA PANJANG: 2026 - 2030

BENEFISIARI

- I. Semua sektor

MATLAMAT SDG



KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL

I. Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030

Teras 2: Pembangunan teknologi melalui R&D&C&I

II. Dasar Revolusi Industri Keempat Negara

Teras Dasar 4: Mempercepatkan teknologi 4IR dan penerimaannya

AKTIVITI

3

Memacu inovasi berkaitan teknologi KKP melalui makmal inovasi

PENERANGAN

Aktiviti ini bertujuan untuk memanfaatkan makmal inovasi sedia ada di Malaysia bagi memacu pembangunan inovasi teknologi berkaitan KKP. Inovasi-inovasi ini merangkumi teknologi boleh pakai, peranti yang disambungkan melalui Internet Pelbagai Benda (IoT), dan sistem keselamatan berasaskan Kecerdasan Buatan (AI). Dengan menggalakkan kerjasama antara industri, akademik, dan badan pengawalseliaan, makmal-makmal ini menyediakan platform untuk mengembangkan idea, mencipta prototaip, dan menjalankan ujian. Selain itu, makmal-makmal ini juga berupaya menguji teknologi bagi memastikan ia murah, boleh diperluas, dan mudah dilaksanakan.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- I. Bekerjasama dengan makmal inovasi sedia ada di negara ini, seperti MRANTI MakersLab dan MIMOS Technology Labs untuk mempromosikan inovasi dalam teknologi berkaitan KKP.
- II. Memudahkan perkongsian antara industri, universiti, dan badan pengawalseliaan untuk mengenal pasti cabaran KKP yang mendesak dan bersama-sama membangunkan penyelesaian inovatif.
- III. Menganjurkan acara ujian prototaip di makmal-makmal ini untuk mempercepatkan penciptaan teknologi KKP, seperti peranti boleh pakai, alat IoT, dan sistem keselamatan berasaskan AI.
- IV. Mewujudkan mekanisme pemantauan dan penilaian untuk memastikan inovasi yang dihasilkan melalui makmal-makmal ini dapat dikembangkan, berkesan dari segi kos, dan mudah dilaksanakan.

OUTPUT / KPI

- I. Tiga **(3) makmal inovasi** sedia ada yang aktif terlibat dalam pembangunan teknologi berkaitan KKP menjelang 2027.
- II. **10 projek** berkaitan KKP yang dibangunkan di makmal inovasi menjelang 2030.
- III. Dua **(2) inovasi KKP** yang berjaya dibangunkan, dikomersialkan, dan diterima pakai oleh industri menjelang 2030.

PEMILIK INISIATIF

- I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKKP
- II. Agensi kerajaan: MOSTI, JPK, JTM, MRANTI, MIDA
- III. Universiti, Institusi akademik
- IV. Institut TVET
- V. Pihak berkepentingan industri: FMM, MEF, SME Corp, MBAM, CIDB, MRANTI MakersLab, MIMOS Berhad

STATUS

Baharu

GARIS MASA

JANGKA PANJANG: 2026 - 2030

BENEFISIARI

- I. Semua sektor

MATLAMAT SDG



KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL

- I. **Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030**
Teras 2: Pembangunan teknologi melalui R&D&C&I
- II. **Dasar Revolusi Industri Keempat Negara**
Teras Dasar 4: Mempercepatkan teknologi 4IR dan penerimaannya

Teras Strategik 3: Pemacu Inovasi dan Integrasi Teknologi

Objektif

Menggalakkan pengintegrasian teknologi inovatif dan penyelesaian digital dalam amalan KKP untuk meningkatkan pemantauan keselamatan dan pengurusan risiko di pelbagai sektor.

Program

1. Memacu inovasi dalam teknologi KKP
2. **Memudahkan penerimgunaan teknologi dalam proses KKP**
3. Menambah baik sistem pengurusan KKP yang sedia ada

TERAS STRATEGIK 3 | PROGRAM 2: MEMUDAHKAN PENERIMAGUNAAN TEKNOLOGI DALAM PROSES KKP

RASIONAL

Pelaksanaan teknologi KKP di Malaysia menghadapi pelbagai cabaran seperti kesedaran yang terhad, kekurangan kemahiran untuk penerapan yang berkesan, dan kekangan kewangan. Oleh itu, program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang teknologi berkaitan KKP, memudahkan inisiatif pembiayaan untuk mengurangkan halangan kos, dan menubuhkan jawatankuasa penasihat teknikal untuk membimbing perniagaan dalam usaha penerapan. Selain itu, program pengesahan JKKP akan diperkenalkan untuk mengesahkan dan mempromosikan teknologi KKP tempatan. Inisiatif ini bertujuan untuk membolehkan penerapan teknologi KKP yang berkesan dan lestari di semua sektor sambil menyokong inovasi tempatan.

HASIL

Menjelang akhir tahun 2030, program ini akan mempercepatkan penerapan teknologi OSH di seluruh sektor, mengatasi halangan seperti kesedaran yang terhad, kekurangan kemahiran, dan kekangan kos. Melalui peningkatan kempen kesedaran, sokongan pembiayaan, dan panduan daripada jawatankuasa penasihat teknikal, organisasi, terutamanya PMKS, akan dapat mengintegrasikan teknologi KKP dengan lebih mudah ke dalam operasi mereka. Program pengesahan teknologi tempatan JKKP juga akan menyediakan saluran untuk aplikasi teknologi KKP dalam pelbagai sektor, mendorong penerapan meluas inovasi KKP tempatan, dan akhirnya meningkatkan keselamatan dan kesihatan tempat kerja.

AKTIVITI

1. Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai teknologi berkaitan KKP
2. Mempromosikan inisiatif pembiayaan dan sokongan yang dapat membantu pihak industri menerima guna teknologi berkaitan KKP
3. Menubuhkan jawatankuasa penasihat teknikal teknologi KKP untuk menyokong perniagaan dalam menerima guna teknologi KKP
4. Memudahkan pengintegrasian teknologi KKP tempatan melalui program diiktiraf JKKP

AKTIVITI

1

Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan Industri mengenai teknologi berkaitan KKP

PENERANGAN

Aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai teknologi berkaitan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dengan menganjurkan forum, bengkel, dan sesi latihan yang memberikan pendedahan tentang kemajuan terkini dalam teknologi KKP, seperti *Building Information Modelling* (BIM), Realiti Terimbuh (AR)/Realiti Maya (VR), dan Internet Pelbagai Benda (IoT). Melalui kerjasama dengan universiti, industri, dan komuniti, inisiatif ini bertujuan untuk mendayai lebih banyak syarikat agar menerima guna teknologi KKP yang inovatif bagi menambah baik amalan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

OUTPUT/KPI

- I. Menganjurkan **30 sesi latihan** menjelang 2030 yang memfokuskan kepada peningkatan kemahiran dan pengetahuan berkaitan aplikasi teknologi baharu dalam KKP.
- II. Menganjurkan **10 forum, bengkel, atau seminar** untuk memperkenalkan teknologi KKP terkini.

GARIS MASA

JANGKA PANJANG: 2026 - 2030

BENEFISIARI

- I. Semua sektor

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- I. Menganjurkan forum, seminar, dan bengkel untuk memperkenalkan serta meningkatkan kesedaran tentang teknologi KKP terkini, seperti BIM, AR/VR, dan IoT, dengan kerjasama pakar akademik dan industri.
- II. Membangunkan dan mengedarkan bahan maklumat, seperti risalah dan kandungan digital, untuk meningkatkan kesedaran mengenai teknologi berkaitan KKP serta manfaatnya.
- III. Bekerjasama dengan organisasi untuk mengadakan latihan berkala dan sesi teknikal bagi pihak pengurusan dan pekerja untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan berkaitan penggunaan teknologi baharu dalam KKP.

PEMILIK INISIATIF

- I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30
- II. Agensi kerajaan: MOSTI, MPC, NIOSH, JPK, JTM
- III. Pihak berkepentingan industri: FMM, MEF, SME Corp, MBAM, CIDB, MQA

MATLAMAT SDG



KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL

I. Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030

Teras 2: Pembangunan teknologi melalui R&D&C&I

II. Dasar Revolusi Industri Keempat Negara

Teras Dasar 4: Mempercepatkan teknologi 4IR dan penerimaannya

STATUS

Dipertingkatkan
S6P2A1

AKTIVITI

2

Mempromosikan inisiatif pembiayaan dan sokongan yang dapat membantu pihak industri menerima guna teknologi berkaitan KKP

PENERANGAN	OUTPUT / KPI	GARIS MASA
Aktiviti ini memberikan tumpuan kepada mempromosikan inisiatif sedia ada yang menyokong perniagaan dalam penerimgunaan dan pelaksanaan teknologi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP). Dengan memanfaatkan program-program kerajaan seperti Dana Transformasi Pendigitalan Industri (IDTF), bantuan IR4.0 untuk PKS, dan geran yang disediakan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), inisiatif ini bertujuan mengurangkan halangan kos dalam Pendigitalan amalan KKP. Dengan meningkatkan kesedaran tentang peluang-peluang ini serta memberikan panduan langkah demi langkah kepada perniagaan di sepanjang proses permohonan, penggunaan sumber sedia ada akan menjadi lebih berkesan, seterusnya membuahkan hasil yang lebih baik dalam pendigitalan amalan OSH.	I. Mengajukan 20 libat urus (bengkel/ webinar/ dialog) mengenai peluang pembiayaan menjelang 2030. II. 20 PMKS dan perniagaan dalam sektor berisiko tinggi yang mendapat manfaat daripada inisiatif pembiayaan menjelang 2030.	JANGKA PANJANG: 2026 - 2030
LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN	PEMILIK INISIATIF	BENEFISIARI
I. Mengenal pasti inisiatif pembiayaan dan program sokongan yang sedia ada untuk menyokong penerimaan dan pelaksanaan teknologi KKP. II. Mengajukan kempen penerangan, seperti bengkel, webinar, dan dialog industri, untuk meningkatkan kesedaran tentang inisiatif yang tersedia dan memberikan panduan mengenai cara mengakses sumber serta menguruskan proses penerimaan. III. Memantau dan menilai penggunaan inisiatif-inisiatif ini dalam meningkatkan penerimaan dan pelaksanaan yang mampan bagi teknologi berkaitan KKP.	I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKKP II. MOSTI III. NIOSH IV. MIDA V. MPC	I. Semua sektor
MATLAMAT SDG	STATUS	KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL
8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH 9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE	Dipertingkatkan S6P1A1	I. Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 Teras 2: Pembangunan teknologi melalui R&D&C&I II. Dasar Revolusi Industri Keempat Negara Teras Dasar 4: Mempercepatkan teknologi 4IR dan penerimaannya

AKTIVITI

3

Menubuhkan jawatankuasa penasihat teknikal teknologi KKP untuk menyokong perniagaan dalam menerima guna teknologi KKP

PENERANGAN

Aktiviti ini bertujuan untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa penasihat teknikal yang terdiri daripada pakar tempatan dari ekosistem KKP di Malaysia, seperti MOSTI, MIMOS, MTDC, MRANTI, MAFI, dan wakil industri, bersama dengan pakar antarabangsa seperti pakar ILO, ASEAN-OSHNET dan APOSHO. Jawatankuasa ini berfungsi sebagai sumber rujukan bagi perniagaan, yang akan memberikan panduan teknikal, dan mencadangkan amalan terbaik untuk menerima guna dan melaksanakan teknologi KKP dengan berkesan. Dengan memanfaatkan kepakaran tempatan dan antarabangsa, inisiatif ini juga bertujuan untuk menjadikan Malaysia setaraf dengan tahap kemajuan global dalam teknologi KKP.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- I. Mengenal pasti dan melibatkan pakar KKP tempatan dan antarabangsa, seperti MOSTI, MIMOS, MTDC, MRANTI, MAFI dan lain-lain untuk membentuk jawatankuasa penasihat.
- II. Menetapkan peranan, tanggungjawab, dan skop jawatankuasa seperti menyediakan panduan teknikal dan berkongsi amalan terbaik mengenai penerimaan teknologi KKP.
- III. Mempromosikan perkhidmatan jawatankuasa melalui kempen penerangan yang menyasarkan PKS dan perniagaan dalam sektor berisiko tinggi.
- IV. Memudahkan sesi khidmat nasihat, bengkel, dan perundingan untuk menangani cabaran dan pertanyaan yang dihadapi oleh perniagaan dalam menerapkan teknologi KKP.
- V. Memantau dan menilai impak cadangan jawatankuasa bagi memastikan peningkatan dalam penerimaan teknologi KKP.

OUTPUT/KPI

- I. Menubuhkan **satu (1) jawatankuasa penasihat** teknologi KKP negara menjelang 2027.
- II. Menganjurkan sekurang-kurangnya **50 sesi bimbingan/ bengkel** bersama perniagaan menjelang 2030.

PEMILIK INISIATIF

- I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKPP
- II. Agensi kerajaan: MOSTI, MTDC, MIMOS, MRANTI, MAFI
- III. Platform antarabangsa: ASEAN-OSHNET, APOSHO, ANOH

STATUS

Dipertingkatkan S6P1A1

GARIS MASA

JANGKA PANJANG: 2026 - 2030

BENEFISIARI

- I. Semua sektor

MATLAMAT SDG



KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL

- I. **Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030**
Teras 2: Pembangunan teknologi melalui R&D&C&I
- II. **Dasar Revolusi Industri Keempat Negara**
Teras Dasar 4: Mempercepatkan teknologi 4IR dan penerimaannya

AKTIVITI

4

Memudahkan pengintegrasian teknologi KKP tempatan melalui program diiktiraf JKPP

PENERANGAN

Inisiatif ini bertujuan untuk menubuhkan program pengesahan JKPP bagi teknologi KKP yang dihasilkan di Malaysia. Dengan mengesahkan bahawa teknologi KKP tersebut memenuhi piawaian Malaysia dan antarabangsa, program ini akan meningkatkan keyakinan industri dalam mengadaptasi penyelesaian KKP tempatan yang lebih kos efektif. Pengesahan ini akan berfungsi sebagai saluran untuk mengintegrasikan inovasi KKP tempatan ke dalam industri, menangani jurang semasa di mana teknologi tempatan kekurangan saluran untuk penerapan secara meluas. Selain itu, mempromosikan teknologi yang disahkan secara tempatan akan mempercepatkan penerapan teknologi kerana secara keseluruhan kerana teknologi tempatan lebih mampu milik berbanding teknologi yang diimport dan ia juga mencapai kualiti dan pematuhan kepada piawaian KKP negara dan antarabangsa.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- I. Menubuhkan jawatankuasa penasihat yang terdiri daripada pakar industri dan pengawal selia untuk menyelia program pengesahan.
- II. Mengadakan sesi libat urus dengan pemegang taruh untuk mendapatkan maklum balas dan menyelaraskan amalan pengesahan dengan keperluan industri.
- III. Membangunkan kriteria dan prosedur untuk mengesahkan teknologi KKP tempatan yang memenuhi piawaian kebangsaan dan antarabangsa.
- IV. Menganjurkan latihan dan bengkel untuk mendidik perniagaan dan penyedia teknologi mengenai keperluan pengesahan.
- V. Melancarkan kempen kesedaran untuk mempromosikan teknologi tempatan yang disahkan dan menggalakkan penerapannya dalam industri.
- VI. Memantau dan menilai prestasi teknologi yang disahkan untuk memastikan penambahbaikan berterusan.

OUTPUT/KPI

- I. Jawatankuasa penasihat teknologi KKP negara menyelia program pengesahan dan menerbitkan satu **(1) kriteria pengesahan** teknologi KKP kebangsaan menjelang 2027.
- II. Melaksanakan **20 sesi latihan** untuk penyedia teknologi tempatan dan perniagaan bagi menyelaraskan dengan piawaian pengesahan.
- III. Penerapan teknologi yang diiktiraf di **20 tempat kerja** menjelang 2030.

PEMILIK INISIATIF

- I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKPP
- II. MITI
- III. MOSTI
- IV. MNKKP
- V. NIOSH

STATUS

Baharu


GARIS MASA

JANGKA PANJANG: 2026 - 2030

BEE NFISIARI

- I. Semua sektor

MATLAMAT SDG



KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL

- I. Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030**
Teras 2: Pembangunan teknologi melalui R&D&C&I
- II. Dasar Revolusi Industri Keempat Negara**
Teras Dasar 4: Mempercepatkan teknologi 4IR dan penerimaannya

Teras Strategik 3: Pemacu Inovasi dan Integrasi Teknologi

Objektif

Menggalakkan pengintegrasian teknologi inovatif dan penyelesaian digital dalam amalan KKP untuk meningkatkan pemantauan keselamatan dan pengurusan risiko di pelbagai sektor.

Program

1. Memacu inovasi dalam teknologi KKP
2. Memudahkan penerimgunaan teknologi dalam proses KKP
3. **Menambah baik sistem pengurusan KKP yang sedia ada**

RASIONAL

Malaysia telah mewujudkan kemudahan dalam talian bagi pengurusan risiko KKP dan penyimpanan sumber yang menjadi asas kukuh bagi transformasi digital dalam amalan KKP. Walau bagaimanapun, potensi penuh sistem ini masih belum dimanfaatkan. Penambahbaikan platform ini dengan ciri-ciri seperti cadangan yang dipacu oleh kecerdasan buatan, serta repositori kajian kes yang berjaya dan gagal, akan menggalakkan lebih banyak syarikat untuk menggunakan dan memperoleh manfaat daripada kemudahan dalam talian ini. Oleh itu, inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kemudahan dalam talian yang sedia ada bagi KKP dan mendorong penggunaannya bagi menyokong perniagaan dalam usaha untuk mencapai keberhasilan KKP yang lebih baik.

HASIL

Program ini akan memperkukuh amalan KKP melalui peningkatan penerimgunaan sistem digital untuk pengurusan risiko KKP dan perkongsian pengetahuan mengenai teknologi KKP. Menjelang tahun 2030, perniagaan akan mendapat manfaat daripada akses yang lebih baik kepada penyedia teknologi KKP, memperoleh panduan praktikal untuk pelaksanaan, serta tatacara proses pengurusan risiko yang lebih efisien. Peningkatan ini akan membawa kepada impak penurunan yang ketara dalam insiden di tempat kerja, peningkatan pematuhan di pelbagai sektor, dan pembentukan ekosistem perkongsian pengetahuan yang menyokong kemajuan proses KKP yang berterusan di Malaysia.


AKTIVITI

1. Mempromosi penggunaan sistem pengurusan risiko berkaitan KKP secara digital
2. Pemakluman direktori pembangun dan pembekal teknologi KKP serta repositori kajian kes berkaitan penggunaan teknologi KKP melalui portal rasmi JKKP
3. Mentransformasi sistem data digital KKP bersepadu: OSHConnect

AKTIVITI

1

Mempromosi penggunaan Sistem Pengurusan Risiko berkaitan KKP secara Digital

PENERANGAN	OUTPUT/KPI	GARIS MASA
Aktiviti ini memberikan tumpuan kepada mempromosikan penggunaan yang berkesan bagi sistem pengurusan risiko KKP digital di seluruh sektor di negara ini. Berdasarkan sistem yang dibangunkan oleh pembangun aplikasi, inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan, mempromosikan, dan menyediakan latihan kepada perniagaan bagi memastikan penerimgunaan sistem pengurusan risiko KKP secara digital yang mudah dan berkesan. Dengan memanfaatkan sistem ini, proses pengurusan risiko KKP di tempat kerja dapat dipermudah, diselaraskan, sekaligus meningkatkan tahap pematuhan.	I. 150 organisasi menggunakan sistem pengurusan risiko KKP digital menjelang 2030.	JANGKA PANJANG: 2026 – 2030
LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN	PEMILIK INISIATIF	BENEFISIARI
I. Bekerjasama dengan pemaju industri dan pembangun aplikasi untuk membangun/ mempertingkatkan sistem pengurusan risiko KKP digital, seperti dengan menambah fungsi kecerdasan buatan (AI) dan faktor pembuatan keputusan selaras dengan prinsip ALARP (<i>As Low As Reasonably Practicable</i>) dan ALARA (<i>As Low As Reasonably Achievable</i>) untuk meminimumkan risiko di tempat kerja. II. Menganjurkan bengkel dan sesi latihan untuk pengamal KKP bagi membangunkan kemahiran dalam menggunakan sistem pengurusan risiko KKP digital. III. Menubuhkan mekanisme pemantauan untuk menilai penggunaan sistem, mengumpul maklum balas pengguna, dan melaksanakan penambahbaikan berterusan.	I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKPP II. Pembangun sistem/ aplikasi III. JDN IV. NIOSH	I. Semua sektor
MATLAMAT SDG	STATUS	KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL
 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH  9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE	Dipertingkatkan S6P3A1	I. Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 Teras 2: Pembangunan teknologi melalui R&D&C&I II. Dasar Revolusi Industri Keempat Negara Teras Dasar 4: Mempercepatkan teknologi 4IR dan penerimaannya

AKTIVITI

2

Pemakluman direktori pembangun dan pembekal teknologi KKP serta repositori kajian kes berkaitan penggunaan teknologi KKP melalui portal rasmi JKKP

PENERANGAN	OUTPUT / KPI	GARIS MASA
Aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan informasi/ hebahan berkaitan teknologi di portal rasmi JKKP dengan mengintegrasikan direktori komprehensif pembangun dan pembekal teknologi KKP, yang membolehkan perniagaan mengenal pasti serta berhubung dengan penyedia perkhidmatan yang dipercayai dengan lebih mudah. Sistem ini juga akan merangkumi repositori kajian kes yang berjaya dan tidak berjaya dalam pelaksanaan teknologi KKP di pelbagai sektor. Dengan mengambil pelajaran daripada pengalaman organisasi yang lebih besar, syarikat-syarikat kecil dapat mengelakkan kesilapan-kesilapan umum, mengoptimumkan strategi pelaksanaan, dan mengurangkan kos yang berkaitan dengan pendekatan <i>trial-and-error</i> .	I. Menyenaraikan 150 pembangun dan pembekal teknologi KKP dalam portal JKKP menjelang 2028. II. Menyediakan sekurang-kurangnya 50 kajian kes mengenai kejayaan (testimoni) dalam pelaksanaan teknologi KKP menjelang 2030.	JANGKA PANJANG: 2026 - 2030
LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN	PEMILIK INISIATIF	BENEFISIARI
I. Bekerjasama dengan pihak industri untuk menyusun satu direktori yang mengandungi maklumat mengenai pembangun dan pembekal teknologi KKP. II. Memuat naik kajian kes mengenai kejayaan dan kegagalan pelaksanaan teknologi KKP di pelbagai sektor untuk dijadikan rujukan dan pembelajaran. III. Melaksanakan kempen kesedaran untuk memperkenalkan ciri-ciri baharu ini di MyKKP kepada pihak perniagaan. IV. Mewujudkan sistem maklum balas berterusan untuk mengemas kini dan memperbaiki direktori pembangun serta pembekal teknologi KKP, serta koleksi kajian kes berdasarkan pengalaman pengguna.	I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKKP II. MNKKP III. Persatuan profesional KKP	I. Semua sektor
STATUS	MATLAMAT SDG	KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL
Dipertingkatkan S6P1A1	8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH 9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE	I. Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 Teras 2: Pembangunan teknologi melalui R&D&C&I II. Dasar Revolusi Industri Keempat Negara Teras Dasar 4: Mempercepatkan teknologi 4IR dan penerimaannya

AKTIVITI

3

Mentransformasi sistem data digital KKP bersepadu: OSHConnect

PENERANGAN	OUTPUT / KPI	GARIS MASA
Aktiviti ini bertujuan membangunkan sistem digital berpusat dan bersepadu yang menyatukan semua perkhidmatan elektronik berkaitan KKP di bawah JKKP ke dalam satu platform terurus. Sistem baharu ini akan meningkatkan kecekapan, akses yang lebih meluas, dan pembuatan keputusan berasaskan data dengan menggabungkan MyKKP, MySKUD, Ageing Plant Information System, CIMS, OSHACC, SiRAC, dan platform relevan lain. Dengan menyatukan pelbagai sistem KKP ke dalam hab digital bersepadu, inisiatif ini akan mengurangkan beban pentadbiran, meningkatkan pemantauan pematuan peraturan, dan memperbaiki pengalaman pengguna untuk perniagaan, industri, dan agensi penguatkuasaan.	I. Menyediakan dashboard perkhidmatan Single Sign On (SSO) II. Satu (1) Kajian kebolegunaan dan blueprint sistem KKP menjelang 2027 III. Perkhidmatan hab digital bersepadu .	JANGKA PANJANG: 2026 – 2030
LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN	PEMILIK INISIATIF	BENEFISIARI
I. Menjalankan kajian kebolegunaan untuk menilai keperluan teknikal, kaedah integrasi data, dan potensi manfaat sistem KKP bersepadu. II. Melibatkan pihak berkepentingan (pegawai JKKP, wakil industri, pakar IT) melalui bengkel dan perundingan bagi mengumpul keperluan pengguna dan sistem. III. Membangunkan blueprint sistem KKP jangka panjang dan sederhana, yang menggariskan ciri utama, aliran data, integrasi sistem, standard interoperabiliti, dan langkah keselamatan siber. IV. Menyediakan pelan pembangunan berfasa dan memprioritikan fungsi berimpak tinggi untuk pelaksanaan awal. V. Projek perintis sistem dengan pengguna terpilih untuk menilai prestasi, kebolegunaan, dan kebolehpercayaan. VI. Menambah baik dan mengoptimumkan platform berdasarkan maklum balas sebelum pelancaran nasional sepenuhnya. VII. Menyediakan latihan dan sokongan untuk industri dan agensi kerajaan bagi memastikan penerimaan lancar dan pematuan.	I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKKP II. Jabatan Digital Negara (JDN) III. Wakil industri dan pembekal perkhidmatan teknologi	I. Semua sektor II. JKKP
MATLAMAT SDG	KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL	STATUS
 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH  9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE	I. MyDigital Teras 1: Memacu transformasi digital dalam perkhidmatan sektor awam	Baharu

TERAS STRATEGIK OSHMP30

4 | PEMUGARAN PMKS DAN SEKTOR BERISIKO TINGGI



TERAS STRATEGIK OSHMP30

1. Pemerkasaan
Tatakelola KKP Secara
Strategik

2. Peneraju Kesihatan
dan Kesejahteraan
Pekerja

3. Pemacu inovasi dan
integrasi teknologi KKP

4. Pemugaran PMKS dan
Sektor Berisiko Tinggi

- 1 – Mewujudkan insentif khas bagi merangsang aktiviti dan meningkatkan pematuhan KKP
- 2 – Memantapkan sistem pengurusan KKP dalam kalangan PMKS dan sektor berisiko tinggi
- 3 – Memperkukuh pematuhan melalui pemantauan KKP secara kolaboratif

5. Melakar Masa Depan
Tempat Kerja yang
Dinamik

6. Penjelmaan Budaya
KKP melalui
Pembangunan Kapasiti
Progresif

Teras Strategik 4: Pemugaran PMKS dan Sektor Berisiko Tinggi

Objektif:

Untuk menyokong PMKS dan sektor berisiko tinggi dalam usaha untuk mencapai tahap pematuhan KKP yang tinggi melalui program dan sumber yang disasarkan, sekaligus meningkatkan kesedaran serta mempromosikan amalan terbaik. Sektor berisiko tinggi ditakrifkan sebagai sektor yang secara konsisten memaparkan kadar kematian, kemalangan dan penyakit pekerjaan yang tinggi selama dua tahun.

Program:

1. **Mewujudkan insentif khas bagi merangsang aktiviti dan meningkatkan pematuhan KKP**
2. Memantapkan sistem pengurusan KKP dalam kalangan PMKS dan sektor berisiko tinggi
3. Memperkukuh pematuhan melalui pemantauan KKP secara kolaboratif

TERAS STRATEGIK 4 | PROGRAM 1: MEWUJUDKAN INSENTIF KHAS BAGI MERANGSANG AKTIVITI DAN MENINGKATKAN PEMATUHAN KKP

RASIONAL

PMKS dan sektor berisiko tinggi menghadapi cabaran yang ketara dalam usaha untuk mencapai pematuhan terhadap KKP disebabkan oleh sumber kewangan dan teknikal yang terhad. Walaupun terdapat insentif dan skim sokongan, ia biasanya terpecah-pecah dan kurang dimanfaatkan, menjadikan banyak perniagaan tidak menyedari atau tidak mampu mengaksesnya dengan berkesan. Sebuah program berstruktur yang bertujuan untuk menyatukan sokongan kewangan dan menggalakkan kerjasama antara pelbagai pihak berkepentingan adalah penting untuk menangani jurang ini, serta memupuk budaya keselamatan dan pematuhan.

HASIL

Pelaksanaan program ini akan memberikan sokongan kewangan dan teknikal yang diperlukan kepada PMKS dan sektor berisiko tinggi untuk memperkukuh amalan KKP mereka. Dengan mewujudkan sistem insentif yang lebih mudah dicapai dan terkoordinasi, program ini akan meningkatkan pematuhan KKP di seluruh industri, mengurangkan kecederaan di tempat kerja, dan menyumbang kepada tenaga kerja yang lebih selamat dan sihat. Di samping itu, kerjasama dan inisiatif kolaboratif akan membantu membina kerangka kerja yang lebih mampan untuk penambahbaikan berterusan dalam piawaian KKP.

AKTIVITI

1. Mewujudkan mekanisme pembiayaan untuk inisiatif KKP di sektor awam dan swasta.
2. Mereka bentuk program insentif khusus sektor bagi pemulihan kecemerlangan KKP (*OSH Excellence Recovery*).
3. Menggalakkan sektor swasta untuk menyertai Program Bimbingan Kecemerlangan KKP dan menganjurkan Anugerah Kecemerlangan.

AKTIVITI

1

Mewujudkan mekanisme pembiayaan untuk inisiatif KKP di sektor awam dan swasta

PENERANGAN	OUTPUT/KPI	GARIS MASA
Aktiviti ini bertujuan untuk mengumpulkan sumber kewangan bagi menyokong inisiatif KKP dalam kalangan PMKS dan sektor awam. Dana khas ini akan diwujudkan melalui kerjasama antara agensi kerajaan, syarikat swasta, dan pihak berkepentingan lain. Dana tersebut akan diperuntukkan untuk menyokong pelbagai inisiatif dan program berkaitan KKP, termasuk latihan, pemeriksaan tempat kerja, perolehan peralatan keselamatan, dan penambahbaikan piawaian keselamatan di tempat kerja.	I. 50 PMKS/ agensi awam mendapat manfaat daripada dana dengan melaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) inisiatif KKP di organisasi.	JANGKA PANJANG: 2026 - 2030
LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN	PELAKSANA INISIATIF	BENEFISIARI
I. Menenal pasti dan melibatkan agensi awam serta swasta yang berkaitan, termasuk kementerian kerajaan, entiti korporat, dan persatuan industri, untuk memperoleh komitmen bagi sumbangan dana. II. Membangunkan kriteria dan proses permohonan bagi PMKS untuk mengakses dana, dengan tumpuan kepada sektor yang mempunyai persekitaran berisiko tinggi atau yang menghadapi kesukaran dalam mematuhi peraturan. III. Membangunkan dan melaksanakan program kesedaran yang disasarkan untuk PMKS untuk mendidik mereka tentang kewujudan, faedah dan proses permohonan mekanisme pembiayaan bersatu dengan memanfaatkan media sosial IV. Melaksanakan sistem yang kukuh untuk memantau penggunaan dan impak dana, bagi memastikan penambahbaikan berterusan dan selaras dengan objektif KKP.	I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHM30, JKPP II. HRD Corp III. PERKESO IV. SME Corp dan agensi pembiayaan berkaitan lainnya	I. PMKS
MATLAMAT SDG	STATUS	KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL
3GOOD HEALTH AND WELL-BEING 8DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH	Dipertingkatkan S5P1A1	Rancangan Malaysia Ke-12: Bab 2 Memulihkan Momentum Pertumbuhan Strategi A3: Mengukuhkan Keupayaan Kewangan

AKTIVITI

2

Mereka bentuk program insentif khusus sektor bagi pemulihan kecemerlangan KKP (OSH Excellence Recovery)

PENERANGAN	OUTPUT / KPI	GARIS MASA
Aktiviti ini memberikan tumpuan kepada pelaksanaan program insentif khusus berasaskan sektor, yang menyasarkan sektor-sektor berisiko tinggi seperti pembinaan, pembuatan, dan perkhidmatan, di mana sektor-sektor ini sering kali melaporkan kadar kecederaan dan kecederaan maut yang lebih tinggi di tempat kerja. Inisiatif ini memberikan ganjaran yang nyata bagi pengurangan kadar kecederaan dan kecederaan maut yang boleh diukur, yang bertindak sebagai penyelesaian jangka pendek untuk mendorong penambahbaikan segera dalam keselamatan tempat kerja bagi sektor-sektor berisiko tinggi ini. Program ini bertujuan untuk menggalakkan PMKS dalam industri berisiko tinggi supaya mengamalkan langkah keselamatan yang proaktif, selaras dengan piawaian KKP negara, di samping meletakkan asas bagi perubahan budaya dalam pengurusan keselamatan untuk jangka panjang.	I. Pengurangan sebanyak 15% dalam kadar kecederaan dan kecederaan maut di sektor-sektor berisiko tinggi (Pengurangan 3% setahun).	JANGKA PANJANG: 2026 - 2030
LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN	PELAKSANA INISIATIF	BENEFISIARI
I. Bekerjasama dengan persatuan industri dan badan pengawalseliaan untuk memberi tumpuan kepada sektor-sektor berisiko tinggi yang sering mencatatkan kadar kecederaan dan kecederaan maut yang tinggi. II. Menetapkan garis panduan prestasi dan tahap ganjaran yang disesuaikan dengan cabaran keselamatan khusus bagi setiap sektor. III. Melaksanakan pemeriksaan keselamatan secara berkala dan pengumpulan data untuk menilai peningkatan segera dalam kadar kecederaan dan kecederaan maut. IV. Memberikan insentif seperti khidmat latihan dan pengiktirafan kepada PMKS yang menunjukkan pengurangan ketara dalam insiden di tempat kerja dalam tempoh jangka pendek.	I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHM30, JKKP II. Persatuan Industri III. Persatuan profesional KKP	I. PMKS II. Sektor berisiko tinggi
STATUS	MATLAMAT SDG	
Baharu	3GOOD HEALTH AND WELL-BEING 8DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH	

AKTIVITI

3

Menggalakkan sektor swasta untuk menyertai Program Bimbingan Kecemerlangan KKP dan menganjurkan Anugerah kecemerlangan

PENERANGAN	OUTPUT / KPI	GARIS MASA
Aktiviti ini bertujuan untuk menggalakkan sektor swasta untuk aktif menyertai Program Bimbingan Kecemerlangan KKP, di mana mereka dapat memberikan bimbingan, sumber, dan amalan terbaik kepada PMKS melalui pendekatan mentor-mentee. Inisiatif ini memanfaatkan pengalaman serta sumber syarikat besar untuk membantu perusahaan kecil/ vendor mereka untuk meningkatkan tahap pematuhan, pengurusan KKP, sekaligus memupuk budaya keselamatan dan pematuhan di seluruh industri.	I. 10 pasangan mentor-mentee setiap tahun. II. Anugerah Mentor dan Mentee Terbaik	JANGKA PANJANG: 2026 - 2030
LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN	PELAKSANA INISIATIF	BENEFISIARI
I. Bekerjasama dengan agensi yang berkaitan untuk mengenal pasti GLC/ MNC yang bersedia untuk menjadi mentor kepada PMKS. II. Mengkaji, mencadang, dan melaksanakan struktur insentif yang bersesuaian untuk sektor swasta, seperti pengiktirafan dan ganjaran kewangan. III. Pemadanan GLC dengan PMKS mengikut industri dan cabaran KKP yang spesifik, bagi memastikan bimbingan yang tepat dan berkesan. IV. Membangunkan panduan bimbingan komprehensif yang menggariskan peranan dan tanggungjawab mentor-mentee, menggabungkan bimbingan pasca program dan peluang untuk peminjaman pekerja KKP antara organisasi untuk meningkatkan pembelajaran praktikal dan perkongsian pengalaman. V. Memantau perkembangan program melalui maklum balas, laporan, dan penilaian prestasi untuk memastikan pencapaian objektif program. VI. Memberikan Anugerah Mentor Terbaik semasa Majlis Anugerah KKP Kebangsaan anjuran MNKKP sebagai penghargaan dan pengiktirafan. VII. Bagi pemilihan pemenang, wujudkan kriteria tertumpu kepada bimbingan seperti penambahbaikan pematuhan mentee, pengurangan pelaporan kecederaan di tempat kerja, penggunaan amalan terbaik KKP, dan pelaksanaan penyelesaian KKP yang inovatif. Pemenang akan dinilai berdasarkan KPI yang boleh diukur, termasuk metrik prestasi KKP sebelum dan selepas program bimbingan.	I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHM30, JKKP II. MNKKP III. GLC/ MNC IV. Persatuan profesional KKP	I. PMKS
MATLAMAT SDG		
3GOOD HEALTH AND WELL-BEING 8DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH		
KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL		
Rancangan Malaysia Ke-12: Bab 2 Memulihkan Momentum Pertumbuhan Strategi B2: Memberdayakan Industri untuk Bersaing di Pasaran Domestik dan Global		
STATUS		
Dipertingkatkan S5P1A3		

Teras Strategik 4: Pemugaran PMKS dan Sektor Berisiko Tinggi

Objektif:

Untuk menyokong PMKS dan sektor berisiko tinggi dalam usaha untuk mencapai tahap pematuhan KKP yang tinggi melalui program dan sumber yang disasarkan, sekaligus meningkatkan kesedaran serta mempromosikan amalan terbaik. Sektor berisiko tinggi ditakrifkan sebagai sektor yang secara konsisten memaparkan kadar kematian, kemalangan dan penyakit pekerjaan yang tinggi selama dua tahun.

Program:

1. Mewujudkan insentif khas bagi merangsang aktiviti dan meningkatkan pematuhan KKP
2. **Memantapkan sistem pengurusan KKP dalam kalangan PMKS dan sektor berisiko tinggi**
3. Memperkukuh pematuhan melalui pemantauan KKP secara kolaboratif

TERAS STRATEGIK 4 | PROGRAM 2: MEMANTAPKAN SISTEM PENGURUSAN KKP DALAM KALANGAN PMKS DAN SEKTOR BERISIKO TINGGI

RASIONAL

Sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (SPKKP) yang kurang sistematik di kalangan PMKS dan sektor berisiko tinggi boleh mengakibatkan jurang perbezaan dalam pematuhan KKP di tempat kerja. Ketiadaan kerangka kerja KKP yang kukuh, akan menimbulkan risiko yang besar, termasuk bilangan kecederaan pekerjaan yang lebih tinggi, menurunkan produktiviti, dan kemungkinan penalti atas kesalahan perundangan. Program ini bertujuan untuk menangani jurang ini dengan memperkenalkan pendekatan sistematik kepada pengurusan KKP yang disesuaikan mengikut sektor pekerjaan.

HASIL


Dengan melaksanakan program ini, PMKS dan sektor-sektor berisiko tinggi akan mencapai peningkatan yang ketara dalam tahap pematuhan KKP mereka. Pendekatan berperingkat ini akan membolehkan perniagaan menambah baik amalan keselamatan mereka secara sistematik, mengurangkan insiden di tempat kerja dan mewujudkan persekitaran kerja yang lebih selamat. Selain itu, peningkatan tahap kesedaran dan pengintegrasian prinsip-prinsip KKP dengan matlamat kualiti dan produktiviti akan membawa kepada kerangka kerja operasi yang lebih holistik dan efisien.

AKTIVITI

1. Memperkukuh kaedah Pengurusan KKP melalui program SOLVE 4 SME.
2. Meningkatkan pematuhan terhadap KKP di tempat kerja dalam kalangan PMKS dan sektor berisiko tinggi dengan penggunaan toolkit, insentif dan usaha peningkatan kesedaran.
3. Mengukuhkan kesedaran KKP dengan menunjukkan aspek kualiti, produktiviti dan kecekapan kos.

AKTIVITI

1 Memperkukuh kaedah pengurusan KKP melalui program SOLVE 4 SME

PENERANGAN	OUTPUT/KPI	GARIS MASA
Program SOLVE 4 SMEs dibangunkan berasaskan pendekatan berstruktur yang sedia ada, yang disesuaikan dengan keperluan khusus perusahaan kecil, serta memfokuskan kepada peningkatan amalan KKP secara berperingkat. Dengan menangani cabaran-cabaran umum seperti kekurangan sumber, ketiadaan kepakaran, dan pematuhan yang tidak konsisten, program ini bertujuan untuk merapatkan jurang dalam pelaksanaan KKP.	Penambahbaikan modul dan mekanisme pelaksanaan SOLVE 4SME dalam tempoh tahun pertama pelaksanaan - Penyertaan 1,000 PMKS dalam program SOLVE 4SME	JANGKA PANJANG: 2026 - 2030
LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN	PELAKSANA INISIATIF	BENEFISIARI
- Menilai dan menambahbaik modul SOLVE 4 PMKS sedia ada oleh Jawatankuasa khas yang ditubuhkan. - Mencadangkan inisiatif bagi membantu industri <i>sustain</i> dalam SOLVE 4SME. - Menganjurkan bengkel dan sesi latihan untuk pemilik serta pengurus PMKS bagi memperkenalkan program ini dan membina kapasiti pengurusan KKP yang berkesan. - Melaksanakan sistem pengesanan berperingkat yang membolehkan PMKS memenuhi piawaian KKP secara beransur-ansur, bermula dengan pematuhan asas dan seterusnya menuju amalan terbaik. - Mewujudkan mekanisme pemeriksaan dan maklum balas untuk memastikan PMKS berada pada landasan yang betul, serta mengenal pasti kawasan yang memerlukan penambahbaikan lanjut.	- Jawatankuasa Pelaksanaan OSHM30, JKPP - SME Corp.	I. PMKS
MATLAMAT SDG	STATUS	
 	Dipertingkatkan S5P2A1	

AKTIVITI

2

Meningkatkan pematuhan terhadap KKP di tempat kerja dalam kalangan PMKS dan sektor berisiko tinggi dengan penggunaan toolkit, insentif dan usaha peningkatan kesedaran

PENERANGAN

Aktiviti ini memberikan tumpuan kepada peningkatan pematuhan KKP di tempat kerja bagi PMKS dan sektor-sektor berisiko tinggi. Industri-industri ini sering menghadapi cabaran besar seperti kekurangan sumber, kekurangan kepakaran, dan penguatkuasaan yang tidak konsisten. Dengan melaksanakan intervensi bersasar dan menyediakan mekanisme sokongan, aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan tahap pematuhan KKP, sekaligus mengurangkan insiden di tempat kerja, serta mewujudkan persekitaran kerja yang lebih selamat. Usaha ini amat penting, terutamanya dalam sektor-sektor berisiko tinggi seperti pembuatan, pembinaan, dan perkhidmatan, di mana pekerja terdedah kepada risiko kecederaan dan penyakit pekerjaan.

OUTPUT/KPI

- I. Penghasilan **kit alat pematuhan KKP** untuk sektor-sektor berisiko tinggi
- II. **1,000 PMKS** yang diaudit mencapai penarafan sekurang-kurangnya C

GARIS MASA

JANGKA PANJANG: 2026 - 2030

BENEFISIARI

- I. PMKS
- II. Sektor berisiko tinggi

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- I. Mengadakan bengkel yang disesuaikan dengan cabaran unik PMKS dan sektor-sektor berisiko tinggi, dengan memberi tumpuan kepada keperluan pematuhan industri dan amalan terbaik.
- II. Membangunkan dan mengedarkan kit alat pematuhan KKP, termasuk senarai semak, templat, dan garis panduan, untuk memudahkan proses pematuhan kepada peraturan.
- III. Mempromosikan insentif, kesedaran, dan program latihan yang disesuaikan dengan keperluan PMKS serta sektor-sektor berisiko tinggi yang disasarkan.

PELAKSANA INISIATIF

- I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHM30, JKKP
- II. Persatuan Industri
- III. Persatuan profesional KKP

MATLAMAT SDG



KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL

Dasar Keusahawanan Negara 2030
Teras Strategik 2

B4: Mempertingkatkan dan memperbaiki keperluan peraturan untuk perniagaan

STATUS

Dipertingkatkan
S5P2A2

AKTIVITI

3

Mengukuhkan kesedaran KKP dengan menunjukkan aspek kualiti, produktiviti dan kecekapan kos

PENERANGAN	OUTPUT / KPI	GARIS MASA
Aktiviti ini bertujuan untuk mengukuhkan kesedaran dan pelaksanaan KKP dengan menunjukkan kesan langsungnya terhadap kualiti, produktiviti, dan keberkesanan kos dalam PMKS dan sektor berisiko tinggi. Sektor-sektor ini kebiasaannya memandang rendah sumbangan amalan KKP yang berkesan terhadap kecemerlangan operasi secara keseluruhan. Dengan menekankan hubungan antara pematuhan keselamatan dan prestasi perniagaan, aktiviti ini bertujuan untuk menjadikan KKP sebagai sebahagian daripada elemen penting dalam budaya organisasi. Tempat kerja yang lebih selamat dapat mengurangkan masa henti, meminimumkan kesilapan, dan mengurangkan kos yang berkaitan dengan kemalangan serta masalah kesihatan, sekaligus meningkatkan produktiviti dan kualiti hasil kerja.	I. 10 sesi interaktif kesedaran dijalankan secara dalam talian dan fizikal	JANGKA PENDEK: 2026 - 2027
LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN	PELAKSANA INISIATIF	BENEFISIARI
I. Melancarkan kempen yang disasarkan untuk mendidik PMKS dan sektor-sektor berisiko tinggi mengenai bagaimana amalan KKP yang baik boleh meningkatkan kualiti, meningkatkan produktiviti, dan mengurangkan kos operasi. II. Menganjurkan sesi interaktif untuk berkongsi kajian kes dan kisah kejayaan yang menunjukkan bagaimana penambahbaikan dalam amalan KKP membawa kepada peningkatan yang jelas dalam produktiviti dan kualiti. III. Gunakan perisian pengawasan semasa sesi maya untuk meningkatkan penglibatan, memantau penyertaan dan memastikan keberkesanan pembelajaran dalam talian. IV. Mengetengahkan speaker antarabangsa bagi menarik perhatian industri.	I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHM30, JKKP II. Persatuan industri III. Persatuan profesional KKP	I. PMKS
		MATLAMAT SDG
		3GOOD HEALTH AND WELL-BEING 8DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH
		STATUS
		Dipertingkatkan S5P4A3

Teras Strategik 4: Pemugaran PMKS dan Sektor Berisiko Tinggi

Objektif:

Untuk menyokong PMKS dan sektor berisiko tinggi dalam usaha untuk mencapai tahap pematuhan KKP yang tinggi melalui program dan sumber yang disasarkan, sekaligus meningkatkan kesedaran serta mempromosikan amalan terbaik. Sektor berisiko tinggi ditakrifkan sebagai sektor yang secara konsisten memaparkan kadar kematian, kemalangan dan penyakit pekerjaan yang tinggi selama dua tahun.

Program:

1. Mewujudkan insentif khas bagi merangsang aktiviti dan meningkatkan pematuhan KKP
2. Memantapkan sistem pengurusan KKP dalam kalangan PMKS dan sektor berisiko tinggi
3. **Memperkukuh pematuhan melalui pemantauan KKP secara kolaboratif**

TERAS STRATEGIK 4 I. PROGRAM 3: MEMPERKUKUH PEMATUHAN MELALUI PEMANTAUAN KKP SECARA KOLABORATIF

RASIONAL

Pematuhan terhadap standard KKP adalah satu cabaran kritikal bagi PMKS dan sektor berisiko tinggi, yang sering kali disebabkan oleh kekurangan sumber dan kepakaran dalam mengenal pasti serta mengurangkan risiko bahaya di tempat kerja. Tanpa penguatkuasaan yang berterusan dan pengurusan risiko yang proaktif, sektor-sektor ini lebih terdedah kepada kemalangan di tempat kerja dan ketidakpatuhan terhadap peraturan. Program Pengukuhan Kepatuhan melalui Pemantauan KKP secara kolaboratif akan dapat mengatasi cabaran ini dengan menggalakkan kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pihak berkepentingan khusus sektor.

HASIL

Program ini dijangka akan meningkatkan pematuhan KKP dengan ketara, dengan menyediakan PMKS dan sektor-sektor berisiko tinggi dengan alat dan sokongan yang diperlukan untuk mengenal pasti dan menangani risiko di tempat kerja secara proaktif. Audit dan pemantauan secara berkala akan membantu perniagaan mengekalkan standard keselamatan yang tinggi, sementara usaha kerjasama ini akan membudayakan kepentingan terhadap KKP sebagai tanggungjawab bersama. Dari semasa ke semasa, program ini akan menyumbang kepada pengurangan yang ketara dalam kemalangan dan insiden di tempat kerja, sekaligus memastikan persekitaran kerja yang lebih selamat dan mematuhi peraturan di seluruh industri.

AKTIVITI

1. Sesi keterlibatan secara langsung dengan sektor-sektor berisiko tinggi yang berisiko tinggi.
2. Bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk melaksanakan audit kepatuhan secara berkala bagi PMKS dan sektor berisiko tinggi.
3. Meningkatkan tahap pematuhan *Construction Design Management* (CDM) dalam projek pembinaan

AKTIVITI

1

Sesi keterlibatan secara langsung dengan sektor-sektor berisiko tinggi

PENERANGAN	OUTPUT / KPI	GARIS MASA
Aktiviti ini melibatkan sesi keterlibatan secara dinamik di tempat kerja yang dikenal pasti dengan fokus kepada sektor-sektor berisiko tinggi, seperti pembinaan, perkhidmatan, dan pembuatan, yang pernah mencatatkan kadar kecederaan dan kecederaan maut yang tinggi (Top 100) pada tahun tersebut. Sesi ini bertujuan untuk memberikan bimbingan secara bersemuka dan langsung, melakukan penilaian risiko, serta melaksanakan intervensi keselamatan bersasar untuk menangani bahaya yang khusus bagi sektor-sektor tersebut dengan lebih berkesan. Dengan bekerja secara langsung dalam persekitaran operasi industri berisiko tinggi ini, aktiviti ini memastikan amalan KKP bersesuaian dengan konteks dan boleh dilaksanakan serta-merta.	I. Lapan (8) sesi keterlibatan di tempat kerja sektor berisiko tinggi yang dikenal pasti	JANGKA PENDEK: 2026 - 2027
LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN	PELAKSANA INISIATIF	BENEFISIARI
I. Mengenal pasti dan memberi keutamaan berdasarkan data syarikat top 100 melibatkan sektor-sektor berisiko tinggi berdasarkan data terkini, dengan fokus kepada industri yang mencatatkan kadar kecederaan dan kecederaan maut yang tinggi, seperti pembuatan, perkhidmatan, dan pembinaan. II. Bekerjasama dengan syarikat terpilih dalam sektor yang diutamakan untuk merancang sesi libat urus di tapak, memastikan liputan yang menyeluruh di pelbagai persekitaran operasi. III. Mengendalikan sesi interaktif yang melibatkan pemeriksaan keselamatan, aktiviti KKP secara praktikal seperti kaedah pengenalpastian bahaya, dan penilaian pematuhan, yang dilaksanakan secara langsung di lokasi kerja.	I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHM30, JKKP II. Persatuan profesional KKP III. Penyedia Latihan	I. Sektor berisiko tinggi
MATLAMAT SDG	STATUS	
3GOOD HEALTH AND WELL-BEING 8DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH	Baharu	

AKTIVITI

2

Bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk melaksanakan pemeriksaan kepatuhan secara berkala bagi PMKS dan sektor berisiko tinggi

PENERANGAN	OUTPUT / KPI	GARIS MASA
Aktiviti ini memberikan tumpuan kepada memupuk kerjasama antara JKPP dengan pihak berkuasa dan agensi penguat kuasa, melibatkan pejabat JKPP negeri dan PBT negeri untuk menjalankan pemeriksaan pematuhan dan pelaporan secara berkala. Dengan memanfaatkan kepakaran dan sumber yang dimiliki menerusi usaha kolaboratif ini, pihak PBT, PMKS dan sektor berisiko tinggi dapat lebih memahami dan mematuhi perundangan KPP. Pendekatan kolaboratif ini bukan sahaja dapat meningkatkan pematuhan AKKP, tetapi turut membina kepercayaan dan akauntabiliti, seterusnya memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja kekal pada tahap optimum.	I. Menjalankan satu (1) operasi bersepadu bersama PBT Negeri dan agensi penguat kuasa/ setahun.	JANGKA PANJANG: 2026 - 2030
LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN	PELAKSANA INISIATIF	BENEFISIARI
I. Membangunkan rangka kerja pemeriksaan pematuhan yang standard, dengan input daripada semua pihak berkepentingan, yang menggariskan kriteria KKP minimum yang disesuaikan. II. Memberi keutamaan kepada sektor-sektor yang mempunyai kadar kecederaan dan kecederaan maut yang tinggi, III. Menjalankan operasi pemeriksaan tempat kerja dengan kolaborasi penguat kuasa JKPP negeri dengan pihak PBT dan agensi penguat kuasa lain seperti CIDB, JTK, PERKESO dan lain-lain dengan memberi tumpuan kepada sektor berisiko tinggi yang telah dikenal pasti. IV. Melaksanakan jadual pemeriksaan pematuhan secara berkala di kalangan PMKS, dengan penekanan kepada sektor-sektor berisiko tinggi yang mempunyai sejarah rekod bilangan kecederaan maut yang tinggi. V. Menyediakan sokongan selepas pemeriksaan, termasuk maklum balas terperinci dan cadangan yang boleh dilaksanakan, untuk membantu PMKS mengatasi sebarang jurang yang dikenal pasti dan meningkatkan amalan KKP mereka secara berterusan.	I. Penguatkuasaan Negeri JKPP II. PBT III. CIDB IV. JTK V. PERKESO VI. Persatuan profesional KKP VII. Kesatuan sekerja	I. PMKS II. Sektor berisiko tinggi
STATUS	MATLAMAT SDG	KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL
Baharu	3GOOD HEALTH AND WELL-BEING 8DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH	Dasar Keusahawanan Nasional 2030 Teras Strategik 2 - B4: Memperkukuh dan Meningkatkan Keperluan Peraturan untuk Perniagaan

AKTIVITI

3

Meningkatkan tahap pematuhan Construction Design Management (CDM) dalam projek pembinaan

PENERANGAN	OUTPUT/KPI	GARIS MASA
Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan memastikan pemegang taruh dalam sekor pembinaan mematuhi sepenuhnya Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kerja Pembinaan)(Reka Bentuk dan Pengurusan) 2024 (CWDM 2024). Aktiviti ini fokus untuk memperbanyak pembangunan standard dan latihan khusus untuk membimbing pemegang kewajipan termasuk klien, arkitek, jurutera dan kontraktor projek pembinaan untuk mematuhi keperluan peraturan tersebut. Inisiatif ini juga merangkumi pemeriksaan tapak pembinaan untuk menilai tahap pematuhan untuk memperkukuh pengintegrasian prinsip KKP dalam semua fasa pembinaan, termasuk reka bentuk konsep, pemilihan kontraktor, penilaian tapak, penyelenggaraan, dan sebagainya untuk mewujudkan tempat kerja yang lebih selamat dan sihat.	I. Melaksanakan 50 libat urus kesedaran yang menyasarkan pemegang kewajipan dalam sektor pembinaan tentang Peraturan CWDM 2024. II. Mengadakan 50 sesi latihan untuk pihak berkepentingan pembinaan bagi menyokong pematuhan di semua fasa projek pembinaan. III. Menjalankan penguatkuasaan ke atas sekurang-kurangnya 100 projek pembinaan untuk menilai tahap pematuhan terhadap Peraturan CWDM 2024.	JANGKA PANJANG: 2026 - 2030
LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN	PELAKSANA INISIATIF	BENEFISIARI
I. Melaksanakan program kesedaran menyeluruh kepada pemegang kewajipan berkaitan Peraturan CWDM 2024, termasuk tanggungjawab undang-undang dan hukuman bagi ketidakpatuhan. II. Menganjurkan sesi latihan untuk pemegang kewajipan; klien, arkitek, jurutera, dan kontraktor bagi menyokong pematuhan serta mempromosikan amalan terbaik dalam semua fasa projek pembinaan. III. Melaksanakan penguatkuasaan untuk menilai tahap pematuhan terhadap peraturan, mengenal pasti ruang untuk penambahbaikan, dan menyediakan maklum balas konstruktif bagi meningkatkan pelaksanaan.	I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKKP II. CIDB III. MBAM IV. REHDA V. Persatuan arkitek, kontraktor	I. Semua sektor
	STATUS	MATLAMAT SDG
	Baharu	3GOOD HEALTH AND WELL-BEING 8DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH
		KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL
		Strategi Kerjasama Negara Malaysia-WHO Keutamaan Strategik 2: Menggerakkan pendekatan seluruh kerajaan dan pelbagai pihak berkepentingan untuk menangani isu kesihatan di luar sektor kesihatan.

TERAS STRATEGIK OSHMP30

5 | MELAKAR MASA DEPAN TEMPAT KERJA YANG DINAMIK



TERAS STRATEGIK OSHMP30

1. Pemerkasaan
Tatakelola KKP Secara
Strategik

2. Peneraju Kesihatan
dan Kesejahteraan
Pekerja

3. Pemacu inovasi dan
integrasi teknologi KKP

4. Pemugaran PMKS dan
Sektor Berisiko Tinggi

**5. Melakar Masa Depan
Tempat Kerja yang
Dinamik**

6. Penjelmaan Budaya
KKP melalui
Pembangunan Kapasiti
Progresif

- 1 - Memantapkan kesedaran dan kepekaan amalan KKP bagi pekerjaan masa hadapan dan risiko baharu muncul
- 2 - Melaksanakan inisiatif KKP dalam sektor tidak formal
- 3- Mengadaptasi KKP untuk model kerja hibrid.
- 4 - Membangunkan tempat kerja yang berdaya tahan

Teras Strategik 5: Melakar Masa Depan Tempat Kerja yang Dinamik

Objektif:

Untuk bersiap sedia menghadapi cabaran KKP pada masa hadapan dengan menguruskan risiko baharu muncul di tempat kerja secara efektif, melalui pelaksanaan program keselamatan proaktif yang dapat menangani persekitaran kerja hibrid, perubahan iklim, dan krisis kesihatan.

Program:

1. **Memantapkan kesedaran dan kepekaan amalan KKP bagi pekerjaan masa hadapan dan risiko baharu muncul**
2. Melaksanakan inisiatif KKP dalam sektor tidak formal
3. Mengadaptasi KKP untuk model kerja hibrid
4. Membangunkan tempat kerja yang berdaya tahan

TERAS STRATEGIK 5 | PROGRAM 1: MEMANTAPKAN KESEDARAN DAN KEPEKAAN AMALAN KKP BAGI PEKERJAAN MASA HADAPAN DAN RISIKO BAHARU MUNCUL

RASIONAL

Program ini bertujuan untuk menekankan keperluan organisasi supaya mampu menyesuaikan diri dengan dinamik tempat kerja yang semakin berkembang, serta risiko baharu muncul. Kebanyakan organisasi tidak mempunyai persediaan yang mencukupi untuk menangani risiko masa hadapan dengan berkesan. Kekurangan kesedaran dan langkah proaktif menyebabkan pekerja terdedah kepada bahaya yang berkaitan dengan peranan pekerjaan baharu, berserta keadaan tempat kerja yang berubah. Ini jelas menunjukkan terdapat keperluan mendesak untuk membekalkan industri dan pekerja dengan pengetahuan, kemahiran, dan sistem bagi meramal serta menguruskan cabaran-cabaran ini.

HASIL

Melalui pelaksanaan program ini, organisasi akan mengambil pendekatan yang lebih proaktif terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan, dengan memastikan bahawa amalan mereka berkembang seiring dengan risiko baharu muncul dan trend tempat kerja masa hadapan. Peningkatan kesedaran dan kesiapsiagaan juga membolehkan industri mengurangkan potensi hazard sebelum ia menjadi lebih buruk. Ini akan dapat mengurangkan insiden di tempat kerja, sekaligus meningkatkan kesejahteraan para pekerja. Pengurusan risiko yang lebih baik, termasuk yang berkaitan dengan peranan pekerjaan masa hadapan dan keselamatan jalan raya, turut akan menyumbang kepada tahap pematuhan, ketahanan dan produktiviti yang lebih tinggi di pelbagai sektor.

AKTIVITI

1. Menghasilkan analisis trend strategik dan laporan risiko untuk meramalkan cabaran di tempat kerja.

AKTIVITI

1

Menghasilkan analisis trend strategik dan laporan risiko memuncul dan risiko baharu akan datang

PENERANGAN

Aktiviti ini melibatkan analisis secara sistematik terhadap trend dan potensi risiko yang muncul berkaitan dengan persekitaran tempat kerja dan peranan pekerjaan masa hadapan. Evolusi pesat dalam industri seperti teknologi, tenaga hijau, dan pembuatan termaju mendedahkan kepada bahaya dan risiko baharu yang mungkin tidak dapat ditangani oleh amalan KKP tradisional. Dengan mengkaji trend dan risiko masa depan, ia akan membantu mengenal pasti cabaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang berpotensi untuk timbul, seperti daripada model kerja hibrid, peningkatan automasi, dan impak perubahan iklim terhadap pekerjaan luar. Sebagai contoh, peningkatan suhu global menimbulkan cabaran besar kepada sektor pertanian dan perkhidmatan, dengan potensi risiko tekanan haba, dehidrasi dan produktiviti yang berkurangan.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- I. Berkolaborasi dengan agensi kerajaan, institusi akademik, dan pakar industri untuk mengumpul data berkaitan mengenai trend dan potensi risiko KKP baharu yang muncul.
- II. Melibatkan pihak berkepentingan melalui sesi bengkel dan wawancara untuk mendapatkan pandangan terperinci mengikut sektor.
- III. Mengumpul dan menyusun hasil penemuan dalam satu laporan komprehensif yang merangkumi trend utama, risiko, serta cadangan yang praktikal untuk diambil tindakan.
- IV. Menganjurkan sesi libat urus dengan persatuan industri, agensi kerajaan, dan institusi penyelidikan untuk mengenal pasti trend dalam sektor pekerjaan yang sedang berkembang.
- V. Melancarkan kempen kesedaran seperti sesi libat urus atau bengkel yang menyasarkan majikan, pekerja, dan pemain industri dalam sektor pekerjaan masa depan.

OUTPUT / KPI

- I. Penyelesaian **(1) laporan analisis** trend yang diterbitkan dan disebarkan/ dihebahkan untuk kesiapsiagaan industri.
- II. Mengadakan sekurang-kurangnya satu **(1) sesi libat urus untuk setiap potensi risiko** masa depan yang dikenal pasti.

PELAKSANA INISIATIF

- I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHM30, JKKP
- II. NIOSH
- III. Universiti
- IV. Institusi Akademik
- V. Kementerian/ Agensi pakar

STATUS

Dipertingkatkan S7P1A1

GARIS MASA

JANGKA PENDEK : 2026 - 2027

BENEFISIARI

- I. Industri baharu muncul

MATLAMAT SDG

3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING

8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH

9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE

KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL

Dasar Sains, Teknologi & Inovasi Negara
Teras 3 – Industri Berasaskan Teknologi
Tempatan

Teras Strategik 5: Melakar Masa Depan Tempat Kerja yang Dinamik

Objektif:

Untuk bersiap sedia menghadapi cabaran KKP pada masa hadapan dengan menguruskan risiko baharu muncul di tempat kerja secara efektif, melalui pelaksanaan program keselamatan proaktif yang dapat menangani persekitaran kerja hibrid, perubahan iklim, dan krisis kesihatan.

Program:

1. Memantapkan kesedaran dan kepekaan amalan KKP bagi pekerjaan masa hadapan dan risiko baharu muncul.
2. **Melaksanakan inisiatif KKP dalam sektor tidak formal**
3. Mengadaptasi KKP untuk model kerja hibrid
4. Membangunkan tempat kerja yang berdaya tahan

TERAS STRATEGIK 5 | PROGRAM 2: MELAKSANAKAN INISIATIF KKP DALAM SEKTOR TIDAK FORMAL

RASIONAL

Program ini bertujuan untuk menangani jurang kritikal dalam amalan KKP bagi sektor ekonomi tidak formal dan gig. Sektor-sektor ini, termasuk pekerja bebas dan kontrak jangka pendek, kebiasaannya tidak mempunyai kerangka kerja KKP yang sistematik atau akses kepada sumber yang mencukupi, seterusnya mengakibatkan pekerja terdedah kepada pelbagai risiko. Cabaran seperti kesedaran yang rendah, latihan yang tidak mencukupi, dan kekurangan garis panduan KKP yang disesuaikan, menyukarkan sektor-sektor ini untuk memenuhi piawaian KKP nasional. Dengan pertambahan platform gig dan pengaturan pekerjaan tidak formal, terdapat keperluan mendesak untuk penyesuaian strategi KKP bagi memastikan pekerja-pekerja ini dilindungi dengan secukupnya.

HASIL

Program ini bertujuan untuk mempromosikan pengintegrasian amalan KKP ke dalam sektor tidak formal, dengan tujuan untuk mewujudkan persekitaran kerja yang lebih selamat serta mengurangkan risiko yang berkaitan dengan pekerjaan yang tidak teratur atau separa teratur. Melalui pembangunan dan penyebaran kaedah kerja selamat yang mudah dilaksanakan, serta penglibatan platform ekonomi gig dalam menetapkan garis panduan khusus untuk setiap sektor, program ini akan memastikan pematuhan dan kesedaran yang lebih tinggi dalam kalangan pekerja dan majikan bagi sektor tidak formal. Usaha ini akan meningkatkan kesejahteraan tenaga kerja secara keseluruhan, menyelaraskan amalan sektor tidak formal dengan matlamat KKP yang lebih luas, serta mewujudkan asas untuk kelestarian dan keterangkuman jangka panjang dalam inisiatif KKP nasional.

AKTIVITI

1. Meningkatkan kesedaran dan amalan terbaik mengenai KKP dalam sektor ekonomi tidak formal dan gig
2. Perkongsian amalan terbaik sejagat untuk mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat
3. Mengadakan sesi penglibatan bersama platform ekonomi gig untuk membangunkan garis panduan KKP bagi pekerja gig

AKTIVITI

1

Meningkatkan kesedaran dan amalan terbaik mengenai KKP dalam sektor ekonomi tidak formal dan gig

PENERANGAN

Aktiviti ini diwujudkan untuk meningkatkan kesedaran dan kepekaan terhadap amalan KKP dalam kalangan pekerja dan majikan dalam sektor tidak formal. Sektor-sektor ini, seperti pekerjaan gig, industri kecil, dan perkhidmatan domestik, kebiasaannya tidak mempunyai rangka kerja KKP yang komprehensif, menyebabkan pekerja terdedah kepada bahaya. Memandangkan tenaga kerja di Malaysia semakin pelbagai dan jenis pekerjaan baharu terus muncul, adalah penting untuk memperluas kesedaran mengenai KKP ke sektor tidak formal bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan pekerja. Aktiviti ini memberikan tumpuan kepada penyesuaian amalan KKP bagi memenuhi keperluan khusus pekerjaan tidak formal, serta menggalakkan langkah proaktif untuk mengenal pasti dan mengurangkan risiko.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- I. Bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan, persatuan, dan NGO untuk mengenal pasti kumpulan utama dalam sektor tidak formal.
- II. Menganjurkan seminar praktikal mengenai amalan asas KKP, seperti pengenalan bahaya, pertolongan cemas, dan respons kecemasan. Menggunakan pusat komuniti serta organisasi tempatan sebagai pusat latihan.
- III. Manfaatkan platform media sosial dan aplikasi pesanan untuk menyebarkan maklumat mengenai amalan KKP serta acara yang akan datang.
- IV. Mencipta video tutorial pendek dan menarik mengenai amalan keselamatan yang disesuaikan untuk pekerja sektor tidak formal.

OUTPUT/KPI

- I. Menganjurkan lima **(5) seminar** melibatkan sektor tidak formal dan sektor gig
- II. Penghasilan **12 kandungan digital** untuk pekerja sektor tidak formal dan sektor gig

GARIS MASA

JANGKA PENDEK : 2026 - 2027

BENEFISISARI

- I. Sektor tidak formal

MATLAMAT SDG



PELAKSANA INISIATIF

- I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHM30, JKKP
- II. PBT
- III. PERKESO
- IV. NGO (GPPPKMM, Tenaganita)
- V. Persatuan profesional KKP
- VI. Penyedia Latihan

STATUS

Dipertingkatkan
S7P4A1

KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL

Rancangan Malaysia Ke-12: Bab 4: Meningkatkan Pertahanan, Keselamatan, Kesejahteraan dan Perpaduan
Strategi B2: Memperkukuh Pembiayaan Kesihatan dan Kesedaran Awam

AKTIVITI

2

Perkongsian amalan terbaik KKP untuk mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat

PENERANGAN

Aktiviti ini memberikan tumpuan kepada mengkaji semula dan memperkenalkan amalan KPP yang mudah, praktikal, dan murah, yang disesuaikan dengan keperluan sektor tidak formal. Pekerja dalam sektor tidak formal, seperti peniaga jalanan, pengeluar berskala kecil, dan pekerja gig, sering berhadapan dengan cabaran keselamatan yang unik tanpa memiliki akses kepada panduan yang berstruktur. Dengan membangunkan kaedah kerja yang mudah dilaksanakan mengikut piawaian global, ia membolehkan pekerja mengamalkan amalan yang lebih selamat, di samping mengambil kira kekangan sumber dan pengetahuan yang terdapat dalam sektor-sektor tersebut. Melalui perkongsian amalan terbaik dan penyediaan panduan KKP yang mudah diakses, elemen KKP dapat menjadi sebahagian daripada persekitaran kerja dalam sektor tidak formal.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- I. Melaksanakan kajian lapangan untuk mengenal pasti risiko keselamatan yang biasa dan amalan kerja yang digunakan dalam sektor tidak formal.
- II. Berinteraksi dengan pekerja, pemimpin komuniti, dan pemilik perniagaan kecil untuk mencari penyelesaian keselamatan yang praktikal.
- III. Mengumpulkan kaedah keselamatan yang terbukti berjaya dari sektor yang sama, baik tempatan mahupun antarabangsa.
- IV. Melaksanakan kajian kes untuk menunjukkan bagaimana amalan ini dapat meningkatkan keselamatan, produktiviti serta keberkesanan kerja.
- V. Mengedarkan bahan melalui persatuan tempatan dan platform digital. Menggunakan platform laman web/ MyKKP/ laman sosial rasmi JKKP untuk bertindak sebagai repositori amalan KKP terbaik.

OUTPUT/KPI

- I. Satu **(1) penerbitan** kompilasi amalan KKP terbaik/ setahun.
- II. Penubuhan satu **(1) repositori** (TS1P4A2)
- III. Perkhidmatan **hebahan amalan terbaik di laman portal khas** dan mudah diakses pelawat.

PELAKSANA INISIATIF

- I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHM30, JKKP
- II. NGO (GPPPKMM, Tenaga Kita)

STATUS

Dipertingkatkan
S7P4A2

GARIS MASA

JANGKA SEDERHANA: 2026 - 2028

BENEFISIARI

- I. Sektor tidak formal

MATLAMAT SDG



KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL

Rancangan Malaysia Ke-12: Bab 4: Memperkukuh Pertahanan, Keselamatan, Kesejahteraan dan Perpaduan
Strategi B2: Memperkukuh Pembiayaan Kesihatan dan Kesedaran Awam

AKTIVITI

3

Mengadakan sesi penglibatan bersama platform ekonomi gig untuk membangunkan garis panduan KKP bagi pekerja gig

PENERANGAN

Aktiviti ini bertujuan untuk bekerjasama dengan platform ekonomi gig, seperti perkhidmatan e-hailing dan penghantaran, dalam melaksanakan garis panduan KKP yang disesuaikan khusus untuk pekerja gig. Sifat pekerjaan gig yang tidak formal sering menyebabkan pekerja ini terpinggir daripada polisi KKP rasmi, sekaligus mendedahkan mereka kepada risiko seperti isu keselamatan jalan raya, cabaran berkaitan ergonomik, dan masalah kesihatan mental. Melalui kerjasama dengan penyedia platform, aktiviti ini bertujuan untuk mengintegrasikan garis panduan KKP ke dalam aplikasi, program kesedaran, dan sesi orientasi bagi pekerja baru, serta membudayakan amalan keselamatan dalam ekonomi gig.

OUTPUT / KPI

- I. Lima **(5) sesi penglibatan** bersama platform ekonomi gig
- II. Satu **(1) garis panduan KKP** bagi pekerja sektor ekonomi gig

GARIS MASA

JANGKA SEDERHANA: 2026 - 2028

BENEFISIARI

- I. Pekerja ekonomi gig

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- I. Mengenal pasti dan melibatkan platform utama dalam ekonomi gig (seperti Grab dan Foodpanda) yang beroperasi di Malaysia, serta persatuan pemandu/ penghantar (seperti PEMANDU dan PENGHANTAR).
- II. Bekerjasama dengan pakar industri untuk menghasilkan garis panduan KKP yang disesuaikan dengan peranan khusus dalam ekonomi gig, dengan tumpuan kepada risiko seperti keselamatan jalan raya, pendedahan kepada keadaan cuaca ekstrem, dan pengurusan tekanan.
- III. Bekerjasama dengan penyedia platform untuk mengintegrasikan ciri keselamatan, seperti peringatan untuk rehat, amaran keselamatan jalan raya, amaran kawasan kemalangan, dan sumber kesihatan mental, ke dalam aplikasi mereka.
- IV. Bekerjasama dengan JPJ dan penyedia platform untuk mereka bentuk program induksi untuk pekerja baharu dalam aplikasi, meliputi amalan KKP yang penting.

PELAKSANA INISIATIF

- I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHM30, JKKP
- II. Pemain Platform Ekonomi Gig
- III. Persatuan Pemandu/ Penunggang
- IV. JPJ

MATLAMAT SDG



KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL

Dasar Sumber Manusia Negara 2025-2030
Strategi 5: Memanfaatkan Bakat Kumpulan Rentan

STATUS

Baharu

Teras Strategik 5: Melakar Masa Depan Tempat Kerja yang Dinamik

Objektif:

Untuk bersiap sedia menghadapi cabaran KKP pada masa hadapan dengan menguruskan risiko baharu muncul di tempat kerja secara efektif, melalui pelaksanaan program keselamatan proaktif yang dapat menangani persekitaran kerja hibrid, perubahan iklim, dan krisis kesihatan.

Program:

1. Memantapkan kesedaran dan kepekaan amalan KKP bagi pekerjaan masa hadapan dan risiko baharu muncul.
2. Melaksanakan inisiatif KKP dalam sektor tidak formal
3. **Mengadaptasi KKP untuk model kerja hibrid**
4. Membangunkan tempat kerja yang berdaya tahan

RASIONAL

Dengan peralihan kepada persekitaran kerja jarak jauh dan hibrid, langkah keselamatan tempat kerja tradisional tidak lagi mencukupi untuk menangani pelbagai risiko yang dihadapi oleh pekerja yang bekerja di persekitaran bukan konvensional, seperti pejabat rumah. Isu seperti ergonomik yang tidak baik, ketidakseimbangan kesihatan mental, dan infrastruktur yang tidak mencukupi untuk keselamatan pekerjaan di ruang kerja yang bukan tradisional menekankan keperluan untuk strategi KKP yang khusus. Kekurangan garis panduan yang komprehensif untuk menguruskan risiko ini mewujudkan jurang yang ketara dalam pemastian keselamatan dan kesejahteraan pekerja di persekitaran kerja hibrid.

HASIL

Program ini bertujuan untuk membangunkan rangka kerja yang kukuh dalam pengurusan KKP bagi model kerja hibrid, dengan menyediakan majikan dan pekerja alat serta pengetahuan yang diperlukan untuk menangani risiko unik yang timbul daripada pengaturan kerja tersebut. Melalui pembangunan dan promosi garis panduan penilaian risiko yang khusus untuk kerja hibrid, program ini akan mewujudkan persekitaran kerja jarak jauh yang lebih selamat, meningkatkan kesejahteraan pekerja, serta mengurangkan risiko yang berkaitan dengan pengaturan kerja dari rumah. Hasilnya, program ini akan menyumbang kepada strategi KKP yang lebih fleksibel dan inklusif, selaras dengan trend tempat kerja masa hadapan, di samping masih dapat mengekalkan piawaian keselamatan dan kesihatan yang tinggi.

AKTIVITI

1. Mewujudkan rangka kerja penilaian risiko yang kukuh untuk model kerja hibrid dan fleksibel

AKTIVITI

1

Mewujudkan rangka kerja penilaian risiko yang kukuh untuk model kerja hibrid dan fleksibel

PENERANGAN	OUTPUT / KPI	GARIS MASA
Aktiviti ini memberikan tumpuan kepada penghasilan garis panduan penilaian risiko yang menyeluruh untuk model kerja hibrid (Aturan Kerja Fleksibel), dengan memfokuskan secara khusus kepada penilaian risiko di persekitaran kerja di rumah. Memandangkan kerja hibrid semakin popular, pekerja menghadapi cabaran unik seperti isu ergonomik, masalah kesihatan mental, dan ruang kerja yang kurang selamat. Aktiviti ini bertujuan untuk membantu pekerja dan majikan dalam mengenal pasti dan mengurangkan risiko ini dengan berkesan, sekaligus menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan produktif, tanpa mengira lokasi.	I. Satu (1) kajian mengenai risiko pekerjaan hibrid II. Pembangunan satu (1) garis panduan untuk penilaian risiko kerja hibrid	JANGKA PENDEK : 2026 - 2027
LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN	PELAKSANA INISIATIF	BEENFISIARI
I. Melakukan kajian untuk memahami risiko-risiko umum yang berkaitan dengan model kerja hibrid (Aturan Kerja Fleksibel), termasuk isu ergonomik, kesihatan mental, dan bahaya persekitaran. II. Bekerjasama dengan pakar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP), ahli ergonomik, dan profesional kesihatan mental untuk membangunkan rangka kerja bagi penilaian sendiri di rumah. III. Membangunkan garis panduan penilaian risiko kerja hibrid yang mesra pengguna, merangkumi aspek seperti penyusunan tempat kerja yang betul, pencahayaan, tahap bunyi, dan kesejahteraan mental. Cadangan yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan risiko yang dikenal pasti, seperti melaraskan postur tempat duduk, berehat secara berkala, dan sokongan kesihatan mental. IV. Menyebarkan garis panduan tersebut melalui platform digital, termasuk intranet syarikat, webinar, dan emel pekerja.	I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHM30, JKKP II. Persatuan profesional KKP III. Persatuan Kesihatan Pekerjaan IV. Pemain Industri	I. Semua sektor
MATLAMAT SDG	STATUS	
 3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING  8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH	Baharu	

Teras Strategik 5: Melakar Masa Depan Tempat Kerja yang Dinamik

Objektif:

Untuk bersiap sedia menghadapi cabaran KKP pada masa hadapan dengan menguruskan risiko baharu muncul di tempat kerja secara efektif, melalui pelaksanaan program keselamatan proaktif yang dapat menangani persekitaran kerja hibrid, perubahan iklim, dan krisis kesihatan.

Program:

1. Memantapkan kesedaran dan kepekaan amalan KKP bagi pekerjaan masa hadapan dan risiko baharu muncul.
2. Melaksanakan inisiatif KKP dalam sektor tidak formal
3. Mengadaptasi KKP untuk model kerja hibrid
4. **Membangunkan tempat kerja yang berdaya tahan**

TERAS STRATEGIK 5 | PROGRAM 4: MEMBANGUNKAN TEMPAT KERJA YANG BERDAYA TAHAN

RASIONAL

Pematuhan terhadap piawaian KKP adalah cabaran kritikal bagi PMKS serta sektor-sektor berisiko tinggi. Ini disebabkan oleh sumber dan kepakaran yang terhad dalam mengenal pasti dan menangani bahaya di tempat kerja. Tanpa pemantauan berkala dan pengurusan risiko yang proaktif, sektor-sektor ini lebih cenderung untuk terlibat dengan kemalangan di tempat kerja, serta ketidakpatuhan terhadap peraturan. Program Pengukuhan bagi Pematuhan Melalui Pemantauan KKP secara kolaboratif akan menangani cabaran ini dengan memupuk kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan pihak berkepentingan bagi sektor khusus.

HASIL

Program ini bertujuan untuk membekalkan tempat kerja dengan alatan dan strategi-strategi yang diperlukan untuk meramal, menyesuaikan diri, serta pulih daripada risiko baharu. Dengan menggabungkan penilaian risiko iklim, latihan yang disesuaikan untuk pekerja yang telah berusia, serta pelan kesiapsiagaan kecemasan yang kukuh, organisasi dapat mewujudkan persekitaran kerja yang lebih selamat dan berdaya tahan. Program kesihatan dan kesejahteraan yang diperluas akan lebih meningkatkan kesejahteraan dan produktiviti pekerja, sekaligus memupuk budaya pencegahan dan kesediaan. Akhirnya, program ini akan mempersiapkan tenaga kerja Malaysia untuk menangani cabaran tempat kerja pada masa hadapan dengan berkesan, di samping dapat mengekalkan piawaian keselamatan dan kesihatan pada tahap yang tinggi.

AKTIVITI

1. Mengintegrasikan strategi mitigasi risiko iklim ke dalam penilaian tempat kerja.
2. Membangunkan modul latihan KKP yang bersesuaian untuk tenaga kerja golongan rentan (OKU, wanita, dll).
3. Mengembangkan program kesihatan dan kesejahteraan di tempat kerja untuk memenuhi piawaian antarabangsa.

AKTIVITI

1 Mengintegrasikan strategi mitigasi risiko iklim ke dalam penilaian tempat kerja

PENERANGAN	OUTPUT / KPI	GARIS MASA
Aktiviti ini melibatkan penilaian sistematik terhadap tempat kerja bagi mengenal pasti dan mengurangkan risiko yang berkaitan dengan perubahan iklim, seperti peningkatan suhu, hakisan tanah, kejadian cuaca ekstrem, dan peningkatan paras kelembapan. Memandangkan perubahan iklim semakin mempengaruhi keselamatan tempat kerja, terutamanya dalam sektor luar dan sektor berisiko tinggi seperti pembinaan, pertanian, dan tenaga, penilaian risiko iklim yang proaktif adalah penting bagi memastikan kelestarian operasi serta melindungi kesihatan dan produktiviti pekerja.	I. Lima (5) sesi libat urus dan latihan kepada sektor berisiko iklim dijalankan II. Pembangunan satu (1) garis panduan penilaian untuk risiko iklim	JANGKA PENDEK : 2026 - 2027
LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN	PELAKSANA INISIATIF	BENEFISIARI
I. Bekerjasama dengan pakar alam sekitar, pakar iklim, dan profesional KKP untuk merangka rangka kerja komprehensif bagi menilai risiko iklim di tapak kerja. II. Mengenal pasti dan memberi keutamaan kepada sektor dan kawasan yang paling terdedah kepada perubahan iklim, seperti tapak pembinaan di kawasan yang mudah dilanda banjir. III. Mengadakan sesi latihan untuk mendidik pekerja dan pengurusan mengenai risiko iklim dan langkah pencegahan. IV. Membangunkan garis panduan tentang cara bertindak balas terhadap kejadian cuaca ekstrem atau bahaya yang disebabkan oleh iklim.	I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHM30, JKPP II. NRECC III. Institusi akademik IV. Pemain industri V. Penyedia latihan	I. Semua sektor
STATUS	MATLAMAT SDG	KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL
Baharu	3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH 13 CLIMATE ACTION	Rancangan Malaysia Ke-13 Antara mega trend yang dikenal pasti dalam Rancangan Malaysia Ke-13 termasuklah isu perubahan iklim.

AKTIVITI

2

Membangunkan modul latihan dan libat urus KKP yang bersesuaian untuk golongan rentan

PENERANGAN	OUTPUT / KPI	GARIS MASA
Aktiviti ini memberi tumpuan kepada reka bentuk dan penyampaian program latihan KKP dan kempen yang disesuaikan dengan keperluan unik tenaga kerja kumpulan pekerja tertentu, seperti wanita dan Orang Kurang Upaya (OKU), bagi memastikan persekitaran kerja yang selamat dan inklusif. Berdasarkan data sektor dan kerjasama dengan persatuan industri, kesatuan sekerja, serta pihak berkepentingan, kempen ini bertujuan meningkatkan kesedaran tentang bahaya tempat kerja, langkah pencegahan, pematuhan undang-undang KKP, serta hak pekerja. Melalui kandungan multimedia, bengkel interaktif, dan usaha bersasar, inisiatif ini juga akan memupuk budaya kesedaran KKP yang proaktif serta menyokong matlamat OSHMP.	I. Satu (1) kajian terhadap keperluan khusus KKP untuk pekerja golongan rentan. II. Enam (6) bengkel mengenai penyesuaian dengan tenaga kerja golongan rentan. III. Capaian sekurang-kurangnya 100,000 individu setiap tahun melalui hebahan di media sosial.	JANGKA SEDERHANA: 2026 - 2028
LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN	PELAKSANA INISIATIF	BENEFISIARI
I. Melaksanakan kaji selidik terhadap pekerja warga emas untuk mengenal pasti cabaran utama dalam aspek KKP serta risiko psikososial yang mereka hadapi. II. Bekerjasama dengan profesional kesihatan untuk mengenal pasti isu kesihatan fizikal dan mental yang sering dihadapi oleh golongan rentan. III. Membangunkan kandungan latihan yang khusus, dengan tumpuan kepada modul langkah-langkah keselamatan di tempat kerja melibatkan golongan rentan. IV. Menggunakan pendekatan yang pelbagai, seperti bengkel interaktif, modul e-pembelajaran, dan demonstrasi di tapak kerja, bagi memastikan latihan ini inklusif dan mudah diakses oleh pekerja golongan rentan. V. Membangunkan bahan kesedaran yang disesuaikan seperti video, poster, infografik, dan panduan khas sektor untuk menangani risiko dan Kumpulan pekerja yang telah dikenal pasti.	I. Jawatankuasa pelaksanaan OSHM30, JKKP II. Persatuan profesional KKP III. Persatuan kesihatan pekerjaan IV. Penyedia latihan	I. Semua sektor
MATLAMAT SDG	STATUS	KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL
3GOOD HEALTH AND WELL-BEING 8DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH 10REDUCED INEQUALITIES	Baharu	Rancangan Malaysia Ke-13 Antara mega trend yang dikenal pasti dalam Rancangan Malaysia Ke-13 termasuklah perubahan demografi.

AKTIVITI

3

Mengembangkan program kesihatan dan kesejahteraan di tempat kerja untuk memenuhi piawaian antarabangsa

PENERANGAN	OUTPUT / KPI	GARIS MASA
Aktiviti ini memberikan tumpuan kepada peluasan program kesihatan dan kesejahteraan dengan menyediakan sokongan menyeluruh bagi kesihatan mental dan risiko psikososial di tempat kerja mengikut piawaian global. Memandangkan tekanan, keletihan, dan masalah kesihatan mental lain semakin meningkat, terutamanya dalam persekitaran bertekanan tinggi dan tempat kerja hibrid, menangani risiko ini adalah penting untuk membina tenaga kerja yang berdaya tahan. Dengan memperluas inisiatif kesejahteraan untuk merangkumi kesedaran kesihatan mental, pengurusan tekanan, dan akses kepada sumber psikososial, aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan pekerja, mengurangkan ketidakhadiran, dan meningkatkan produktiviti secara keseluruhan.	I. Satu (1) laporan piawaian kesihatan dan kesejahteraan antarabangsa bersesuaian diterbitkan. II. Pembangunan satu (1) kerangka dan gerak kerja bagi memenuhi piawaian buruh antarabangsa.	JANGKA SEDERHANA: 2026 - 2028
LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN	PELAKSANA INISIATIF	BENEFISIARI
I. Melakukan penilaian terhadap faktor risiko kesihatan mental dan psikososial di tempat kerja melalui kaji selidik, perbincangan kumpulan fokus, konsultasi, dan penanda aras terhadap amalan terbaik di peringkat global. II. Mendorong dasar yang dapat mengurangkan risiko psikososial, seperti waktu kerja yang fleksibel, pilihan kerja hibrid, dan pengurusan beban kerja yang wajar. Menyertakan garis panduan bagi mengekalkan keseimbangan kerja dan kehidupan yang selaras dengan amalan terbaik global. III. Menggalakkan pembentukan rangkaian sokongan antara rakan sekerja dan program bantuan pekerja (EAP) bagi menyediakan kaunseling dan bimbingan secara sulit di kalangan pemain industri.	I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHM30, JKKP II. Persatuan profesional KKP III. Pemain industri	I. Semua sektor
STATUS	MATLAMAT SDG	KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL
Baharu	3GOOD HEALTH AND WELL-BEING 8DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH	Pelan Strategik Kesihatan Mental Kebangsaan (2020-2025) Strategi 6: Mempromosikan Kesihatan Mental dan Kesejahteraan di Semua Persekitaran dan Kumpulan Sasaran

TERAS STRATEGIK OSHMP30

6 | PENJELMAAN BUDAYA KKP MELALUI PEMBANGUNAN KAPASITI PROGRESIF

TERAS STRATEGIK OSHMP30

1. Pemerkasaan
Tatakelola KKP Secara
Strategik

2. Peneraju Kesihatan
dan Kesejahteraan
Pekerja

3. Pemacu inovasi dan
integrasi teknologi KKP

4. Pemugaran PMKS dan
Sektor Berisiko Tinggi

5. Melakar Masa Depan
Tempat Kerja yang
Dinamik

**6. Penjelmaan Budaya KKP
melalui Pembangunan
Kapasiti Progresif**

- 1 – Membudayakan KKP melalui pendidikan dan kesedaran
- 2 – Memajukan penyelidikan dan pembangunan dalam KKP
- 3 – Memantapkan piawaian latihan dan kompetensi profesional KKP

Teras Strategik 6: Penjelmaan Budaya KKP melalui Pembangunan Kapasiti Progresif

Objektif:

Untuk memperkasa budaya Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang kukuh dengan meningkatkan kesedaran, mengintegrasikan prinsip KKP dalam pendidikan, serta memajukan penyelidikan dan Pembangunan profesional. Pendekatan ini bertujuan untuk membangunkan tenaga kerja yang peka terhadap amalan keselamatan dan kesihatan, dilengkapi dengan pengetahuan KKP yang terkini, serta memfokuskan kepada penambahbaikan yang berterusan, bagi memastikan persekitaran kerja yang lebih selamat, sihat, dan lestari di semua sektor

Program:

1. **Membudayakan KKP melalui pendidikan dan kesedaran**
2. Memajukan penyelidikan dan pembangunan dalam KKP
3. Memantapkan piawaian latihan dan kompetensi profesional KKP.

TERAS STRATEGIK 6 | PROGRAM 1: MEMBUDAYAKAN KKP MELALUI PENDIDIKAN DAN KESEDARAN

RASIONAL

Memupuk budaya KKP melalui pendidikan adalah langkah penting untuk membina tabiat keselamatan sepanjang hayat serta melahirkan tenaga kerja yang peka terhadap keselamatan. Berdasarkan kejayaan program seperti OSH CLUB, OSH IN SCHOOL, OSH4U, dan OSH@TVET, prinsip serta elemen KKP akan diterapkan dalam pelbagai aspek pendidikan, termasuk program pembelajaran dan aktiviti pelajar. Aktiviti ini juga bertujuan memperluaskan kesedaran mengenai KKP dalam kalangan pelajar melalui program orientasi/ induksi mahasiswa, serta mempromosikan jurusan KKP untuk menarik minat pelajar melanjutkan pengajian dalam bidang ini sebagai kerjaya bagi memenuhi permintaan terhadap tenaga profesional yang berkelayakan. Selain itu, kempen kesedaran khusus mengikut sektor akan dilaksanakan dengan memberi tumpuan kepada risiko dan penyelesaian yang relevan dengan industri, bagi memastikan maklumat berkenaan KKP disampaikan dengan tepat dan berkesan.

HASIL

Program ini bertujuan untuk melahirkan individu yang peka terhadap KKP, bermula daripada pelajar sekolah hingga pelajar institusi pengajian tinggi, agar mereka bersedia menghadapi cabaran keselamatan tempat kerja yang semakin mencabar. Melalui peningkatan kesedaran dalam kalangan pelajar yang merupakan bakal tenaga kerja masa depan, promosi berterusan untuk menarik minat mereka melanjutkan pengajian dalam bidang KKP, serta pelaksanaan kempen kesedaran yang disasarkan, usaha ini dapat memperkukuhkan budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan sejak peringkat awal, program ini bertujuan mewujudkan budaya keselamatan yang menyeluruh. Ini akan meningkatkan kesedaran dan menggalakkan amalan keselamatan proaktif di semua sektor. Hasilnya, tempat kerja semasa dan masa hadapan akan menjadi lebih selamat, sihat, dan keperluan industri terhadap profesional KKP yang berkelayakan dapat terus dipenuhi.

AKTIVITI

1. Memperkukuh Pendidikan KKP di peringkat sekolah untuk kesedaran awal KKP
2. Memperluas kesedaran dan mempromosikan peluang kerjaya KKP kepada pelajar institusi pengajian tinggi (IPT)
3. Memperkukuh KKP melalui kesinambungan program OSH@TVET untuk menyokong pembangunan bakal pekerja

AKTIVITI

1

Memperkukuh Pendidikan KKP di peringkat sekolah untuk kesedaran awal KKP

PENERANGAN	OUTPUT / KPI	GARIS MASA
Aktiviti ini bertujuan untuk terus mengintegrasikan konsep KKP ke alam persekolahan, dengan memperkukuh kejayaan projek perintis Kelab KKP di Sekolah yang telah bermula pada OSHMP yang lepas, serta ke arah menerapkan KKP ke dalam kurikulum formal/ tidak formal di sekolah rendah dan menengah. Aktiviti ini akan bekerjasama dengan persatuan KKP untuk meneroka peluang pembiayaan dan mengamalkan amalan terbaik bagi pelaksanaan KKP secara berterusan bermula di alam persekolahan. Selain itu, latihan untuk guru akan menjadi fokus utama bagi memastikan pendidik dilengkapi dengan pengetahuan dan terlatih untuk menerapkan konsep KKP yang baharu diintegrasikan kepada pelajar.	I. 50 sekolah di seluruh negara berjaya menubuhkan Kelab KKP dalam tempoh 5 tahun. II. Semua sekolah yang terlibat melaporkan penglibatan aktif dalam aktiviti KKP setiap tahun. III. Penubuhan satu (1) modul latihan KKP khas untuk guru pada tahun kedua.	JANGKA PANJANG: 2026 - 2030
LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN	PELAKSANA INISIATIF	BENEFISIARI
I. Mengembangkan program perintis Kelab KKP menjadi inisiatif nasional dengan memastikan kurikulum dan aktiviti yang seragam di semua sekolah yang terlibat. II. Menyediakan platform untuk perbincangan rasmi antara KPM, JKKP, dan agensi Kerajaan terlibat, dengan persatuan KKP, NGO, dan industri bagi memperkukuh Kelab KKP melalui amalan terbaik, serta menyediakan sumber dan tajaan yang menyokong pelaksanaan program ini. III. Menjamin keseragaman pengajaran KKP dan aktiviti di semua sekolah yang terlibat, bagi memastikan konsistensi dalam mendidik tentang KKP. IV. Membangunkan program latihan khusus untuk guru-guru bagi membekalkan mereka dengan kemahiran yang diperlukan dalam menyampaikan kandungan KKP dengan lebih berkesan secara berkesan, sekaligus mewujudkan kumpulan pendidik KKP yang diiktiraf oleh agensi kerajaan dan persatuan berkaitan.	I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKKP II. KPM III. NIOSH IV. Persatuan profesional KKP V. ILO	I. Pelajar sekolah rendah dan menengah
MATLAMAT SDG		
		
KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL		
Kerangka Dasar Sumber Manusia Negara 2025-2030: Teras 1 S2 P2: Meningkatkan Kesedaran tentang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Tempat Kerja		
STATUS		
Dipertingkatkan S3P1A1		

AKTIVITI

2

Memperluas kesedaran dan mempromosikan peluang kerjaya KKP kepada pelajar institusi pengajian tinggi (IPT)

PENERANGAN

Aktiviti ini bertujuan meningkatkan kesedaran mahasiswa sebagai bakal tenaga kerja mengenai kepentingan KKP. Selain itu, ia bertujuan untuk mempromosikan program KKP di peringkat pengajian IPT, bagi menarik minat pelajar melanjutkan pengajian dalam bidang KKP ini di IPT. Modul sedia ada, OSH4U, boleh diterapkan dalam program seperti orientasi pelajar dan induksi mahasiswa baharu bagi memperluaskan capaian kesedaran berkenaan KKP dan peluang kerjaya dalam bidang KKP. Di samping itu, sesi libat urus seperti ceramah, bengkel interaktif, dan pameran kerjaya akan diadakan di pusat asasi, program diploma, dan sekolah menengah untuk menarik minat pelajar menceburi bidang KKP sebagai cabang pilihan kerjaya, bagi menangani kekurangan kritikal profesional KKP di Malaysia, termasuk OK, OHD, dan OHN.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- Bekerjasama dengan IPT untuk melakukan kempen kesedaran program KKP kepada pelajar berkenaan KKP melalui program induksi/ orientasi mahasiswa baharu dengan memanfaatkan modul OSH4U.
- Mengadakan sesi libat urus dengan akademik, profesional industri, dan penasihat kerjaya untuk memastikan bakal graduan sejajar dengan keperluan semasa industri dan menarik minat mahasiswa untuk menceburi laluan kerjaya KKP.
- Mengagihkan bahan promosi dan menjalankan sesi kaunseling kerjaya untuk menonjolkan program KKP di peringkat IPT.
- Bekerjasama dengan pengurusan pusat asasi, kolej, dan sekolah menengah serta melibatkan pakar KKP dan wakil industri yang berpengaruh untuk menganjurkan sesi libat urus kerjaya.

OUTPUT/KPI

- Menganjurkan **10 program promosi jurusan** berkaitan KKP di pusat asasi, program diploma, atau sekolah menengah setiap tahun.
- 10 program orientasi/ induksi** kepada mahasiswa berkenaan KKP di IPT setiap tahun.

GARIS MASA

JANGKA PANJANG: 2026 - 2030

BENEFISIARI

- Pelajar pendidikan tinggi

MATLAMAT SDG



PELAKSANA INISIATIF

- Jawatankuasa Pelaksana OSHMP30, JKKP
- KPM/ KPT
- NIOSH
- Persatuan profesional KKP
- IPT
- MQA

STATUS

Dipertingkatkan
S3P1A1

AKTIVITI

3

Memperkukuh KKP melalui kesinambungan program OSH@TVET untuk menyokong pembangunan bakal pekerja

PENERANGAN	OUTPUT / KPI	GARIS MASA
Aktiviti ini bertujuan memperkukuh elemen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dalam kalangan pelajar TVET, yang merupakan kesinambungan program OSH@TVET yang dimulakan sejak OSHMP 2020. Program ini penting untuk mengintegrasikan prinsip KKP dalam kurikulum TVET, antaranya berkaitan keselamatan makmal, bengkel, dan mengadakan sesi latihan praktikal, bagi membekalkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran untuk mengamalkan amalan kerja yang selamat dan sihat. Aktiviti ini juga bertujuan melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan peka terhadap aspek KKP di tempat kerja.	I. 50%institusi TVET mengintegrasikan elemen KKP dalam kurikulum mereka. II. 100 sesi latihan dan bengkel yang memfokuskan kepada KKP kepada pelajar dan pensyarah Institusi TVET.	JANGKA PANJANG: 2026 - 2030
LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN	PELAKSANA INISIATIF	BENEFISIARI
I. Mengadakan kolaborasi dengan pihak MQA bagi menyemak modul KKP di institut TVET untuk menilai dan mengemaskini kandungan modul KKP sedia ada. Ini untuk memastikan modul tersebut relevan dengan keperluan semasa serta sesuai untuk diterapkan dalam silibus latihan di institusi TVET. II. Menyediakan latihan praktikal bagi pelajar TVET untuk mengamalkan prinsip-prinsip dan mempraktikkan amalan KKP dalam persekitaran kerja sebenar. III. Mengadakan sesi kesedaran dan bengkel mengenai kepentingan KKP kepada pensyarah dan pelajar untuk meningkatkan pemahaman mereka serta menggalakkan komitmen KKP di tempat kerja. IV. Memantau dan menilai keberkesanan program OSH@TVET secara berkala untuk memastikan pelaksanaan yang sentiasa berkesan. Penilaian berterusan ini bertujuan untuk mengenal pasti kerelevanan program, serta melakukan penambahbaikan berdasarkan maklum balas yang diterima.	I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKPP II. KPM III. NIOSH, IV. KPT V. KBS VI. JPK VII. MQA VIII. Institusi TVET	I. Pelajar institusi TVET
MATLAMAT SDG	STATUS	
	Dikekalkan S3P1A1	

Teras Strategik 6: Penjelmaan Budaya KKP melalui Pembangunan Kapasiti Progresif

Objektif:

Untuk menerapkan budaya Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang kukuh dengan meningkatkan kesedaran, mengintegrasikan prinsip KKP dalam pendidikan, serta memajukan penyelidikan dan pembangunan. Pendekatan ini bertujuan untuk membangunkan tenaga kerja yang peka terhadap amalan keselamatan dan kesihatan, dilengkapi dengan pengetahuan KKP yang terkini, serta memfokuskan kepada penambahbaikan yang berterusan, bagi memastikan persekitaran kerja yang lebih selamat, sihat, dan lestari di semua sektor

Program:

1. Membudayakan KKP melalui pendidikan dan kesedaran
2. **Memajukan penyelidikan dan pembangunan dalam KKP**
3. Memantapkan piawaian latihan dan kompetensi profesional KKP

RASIONAL

Kemajuan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan KKP memainkan peranan yang amat penting dalam usaha untuk menangani hazard baharu di tempat kerja dan mendorong inovasi yang berterusan. Tumpuan yang berterusan dalam R&D pula memastikan pengembangan penyelesaian yang berkesan dan praktikal untuk meningkatkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Ia juga membolehkan industri menyesuaikan diri dengan cabaran baharu. Selain itu, pengintegrasian KKP ke dalam *innovation sandbox* mewujudkan persekitaran dinamik yang membolehkan ujian dan penambahbaikan teknologi KKP yang lebih canggih. Selain itu, penilaian terhadap *workplace safety culture* di Malaysia melalui tinjauan adalah penting dalam mengenal pasti jurang serta melaksanakan intervensi yang bersasar bagi mencapai **generative culture** menjelang 2030. Secara keseluruhan, program ini memacu persekitaran kerja yang lebih selamat, berdaya tahan, dan berpandangan ke hadapan.

HASIL

Program ini bertujuan untuk memperluas kerjasama penyelidikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dengan melibatkan universiti swasta, di samping institusi awam, serta memanfaatkan ruang inovasi untuk mempercepatkan ujian dan penerimgunaan teknologi KKP yang terkini. Selain itu, penilaian terhadap *workplace safety culture* akan menyediakan pandangan berasaskan data untuk membimbing intervensi yang bersasar, memastikan kemajuan ke arah *generative safety culture* menjelang 2030. Melalui usaha yang diselaraskan antara industri, akademik, dan institusi penyelidikan, inisiatif ini akan memacu inovasi OSH yang berterusan, menghasilkan penyelesaian khusus industri yang berkesan bagi meningkatkan keselamatan di tempat kerja, mengurangkan risiko, dan menyokong kebolehsuaian jangka panjang.

AKTIVITI

1. Memperkukuh penyelidikan KKP melalui kerjasama awam dan swasta
2. Memperkasakan pembangunan KKP melalui *innovation sandbox*
3. Memperkasakan *workplace safety culture* melalui intervensi strategik

AKTIVITI

1 Memperkukuh penyelidikan KKP melalui kerjasama awam dan swasta

PENERANGAN	OUTPUT / KPI	GARIS MASA
Aktiviti ini bertujuan untuk memperluas kerjasama penyelidikan KKP dengan melibatkan universiti awam, swasta dan institusi TVET. Aktiviti ini akan memfokuskan penyelidikan kepada cabaran KKP semasa, impak perundangan, hazard yang bakal muncul terutamanya yang dijangka semakin ketara pada masa hadapan, selaras dengan trend mega yang telah dikenal pasti dalam RMK-13 seperti perubahan iklim dan populasi yang semakin menua. Selain itu, penyelidikan juga akan memberi tumpuan kepada teknologi maju seperti AI, analisis data, Internet Pelbagai Benda (IoT) serta impaknya terhadap industri KKP, sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran masa hadapan serta menangani isu KKP di tempat kerja.	I. Penubuhan satu (1) rangkaian kerjasama untuk penyelidikan KKP pada tahun kedua II. Dua (2) kertas penyelidikan KKP diterbitkan setiap tahun untuk 3 tahun.	JANGKA PANJANG: 2026 - 2030
LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN	PELAKSANA INISIATIF	BENEFISIARI
I. Memanfaatkan Jawatankuasa Eksekutif sedia ada untuk menjalankan penilaian menyeluruh terhadap pencapaian, cabaran, dan kekurangan dalam penyelidikan KKP di bawah OSHMP25, serta mengenal pasti bidang penyelidikan masa hadapan bagi menangani cabaran KKP yang baharu muncul. II. Menggalakkan universiti untuk mengutamakan KKP dalam agenda penyelidikan mereka, terutamanya mengenai teknologi dan cabaran masa depan seperti tempat kerja yang berdaya tahan terhadap perubahan iklim dan keperluan KKP kepada tenaga kerja yang semakin berusia. III. Menjemput universiti awam swasta untuk terlibat dalam penyelidikan KKP, mengadakan sesi perkongsian maklumat, menawarkan insentif seperti geran penyelidikan dan pengiktirafan, serta menjalin kerjasama rasmi melalui MoU bagi menggalakkan penyertaan mereka dalam projek penyelidikan bersama, peluang pembiayaan, dan cabaran inovasi. IV. Menubuhkan rangkaian penyelidik KKP di kalangan institusi akademik dan pusat penyelidikan bagi memudahkan kerjasama, menyokong projek penyelidikan bersama serta mengukuhkan komuniti penyelidikan KKP.	I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKPP II. NIOSH III. KPM IV. MOSTI V. Universiti awam dan swasta VI. Pusat penyelidikan VII. Jawatankuasa Eksekutif (KPT, JKPP, MOSTI, NIOSH, universiti, dan pusat penyelidikan)	I. Semua sektor
STATUS	MATLAMAT SDG	KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL
Dipertingkatkan S3P3A1A2	 4 QUALITY EDUCATION  8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH  9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE	Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030 Teras 2: Pembangunan Teknologi melalui R&D&C&I

AKTIVITI

2

Memperkasakan pembangunan KKP melalui *innovation sandbox*

PENERANGAN

Aktiviti ini bertujuan untuk memperluas *National Technology and Innovation Sandbox* (NTIS) di Malaysia dengan memasukkan KKP dalam senarai bidang keutamaan. Pada masa ini, NTIS terbuka kepada semua teknologi dengan keutamaan diberikan kepada 10 jenis bidang teknologi. Dengan memasukkan KKP sebagai salah satu keutamaan, inisiatif ini akan memudahkan pembangun inovasi tempatan untuk menghasilkan inovasi baharu bagi meningkatkan KKP di tempat kerja. Penyertaan ini dijangka merangsang pembangunan teknologi KKP yang baharu serta menggalakkan penyelesaian KKP yang lebih praktikal dan berasaskan teknologi. Akhirnya, ia akan menggalakkan pelaksanaan inovasi, meningkatkan pematuhan KKP di tempat kerja, meningkatkan produktiviti, serta menyumbang kepada tenaga kerja yang lebih selamat, sihat, cekap dan berinovasi.

LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN

- Mengadakan perbincangan dengan MOSTI bagi menilai kebolehlaksanaan memasukkan KKP dalam senarai bidang keutamaan dalam kerangka NTIS sedia ada.
- Bekerjasama dengan pihak berkepentingan utama, termasuk persatuan KKP, institusi akademik, dan penyedia teknologi, bagi mengenal pasti landskap inovasi KKP, menganalisis perkembangan terkini, serta menentukan aspek yang memerlukan pembangunan lanjut.

OUTPUT/KPI

- Penyertaan **KKP sebagai salah satu bidang teknologi** keutamaan dalam NTIS Sandbox menjelang tahun kedua.

PELAKSANA INISIATIF

- Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKKP
- MOSTI
- Universiti
- Persatuan profesional KKP

STATUS

Baharu

GARIS MASA

JANGKA PENDEK: 2026 - 2027

BENEFISIARI

- Semua sektor

MATLAMAT SDG




KESELARASAN DENGAN DASAR NASIONAL

- Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030 - Teras 2 (3.3.3):** NTIS Sandbox
- Rancangan Malaysia Ke-13:** Industri Berteraskan Digital dan Inovasi

AKTIVITI

3

Memperkasakan *workplace safety culture* melalui intervensi strategik

PENERANGAN	OUTPUT / KPI	GARIS MASA
Aktiviti ini bertujuan untuk memperkukuh dan mengukur budaya KKP di Malaysia, untuk mencapai ke arah <i>generative culture</i> menjelang 2030. Berdasarkan dapatan dari <i>National Workplace Safety Culture Survey 2023</i> , berasaskan data ini akan membolehkan intervensi bersasar diketengahkan bagi menangani jurang utama, seperti aspek ganjaran dan pengiktirafan, kepimpinan, serta komunikasi. <i>Mid-term survey</i> ini akan menilai perkembangan dan menambah baik intervensi yang diperlukan, manakala <i>final survey</i> akan menilai pencapaian keseluruhan serta menentukan tahap perkembangan dalam mencapai <i>generative safety culture</i> menjelang 2030. Selain itu, usaha promosi akan dipergiat untuk menggalakkan syarikat mengamalkan pembudayaan KKP dengan lebih meluas bagi memperkukuh indeks budaya KKP di Malaysia.	I. Mid-term survey diselesaikan pada tahun 2026 II. Final survey diselesaikan pada tahun 2029	JANGKA PANJANG: 2026 - 2030
LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN	PELAKSANA INISIATIF	BENEFISIARI
I. Merangka intervensi bersasar berdasarkan dapatan kajian penandaarasan sebelum ini, bagi menangani jurang utama dalam <i>workplace safety culture index</i>, khususnya dalam aspek ganjaran dan pengiktirafan, kepimpinan serta komunikasi. II. Melaksanakan <i>mid-term survey</i> untuk menilai perkembangan, mengukur keberkesanan intervensi, dan mengenal pasti aspek yang memerlukan penambahbaikan lanjut. III. Menambah baik dan memperkukuh intervensi berdasarkan hasil <i>mid-term survey</i>, serta memperluaskan usaha promosi bagi mendorong penambahbaikan yang berterusan. IV. Bekerjasama dengan pemain industri dan persatuan profesional KKP untuk mempergiat usaha promosi yang menggalakkan syarikat mengamalkan amalan KKP yang lebih baik bagi memperkukuh budaya KKP di Malaysia. V. Melaksanakan <i>final survey</i> untuk mengukur pencapaian keseluruhan dan menentukan tahap kemajuan dalam mencapai <i>generative safety culture</i>.	I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKKP II. Penyelidik III. Universiti IV. Persatuan profesional KKP	I. JKKP II. Semua sektor
MATLAMAT SDG	STATUS	
	Dipertingkatkan dari <i>leading indicator</i> OSHMP25	

Teras Strategik 6: Penjelmaan Budaya KKP melalui Pembangunan Kapasiti Progresif

Objektif:

Untuk menerapkan budaya KKP yang kukuh dengan meningkatkan kesedaran, mengintegrasikan prinsip KKP dalam pendidikan, serta memajukan penyelidikan dan pembangunan. Pendekatan ini bertujuan untuk membangunkan tenaga kerja yang peka terhadap amalan keselamatan dan kesihatan, dilengkapi dengan pengetahuan KKP yang terkini, serta memfokuskan kepada penambahbaikan yang berterusan, bagi memastikan persekitaran kerja yang lebih selamat, sihat, dan lestari di semua sektor

Program:

1. Membudayakan KKP melalui pendidikan dan kesedaran
2. Memajukan penyelidikan dan pembangunan dalam KKP
3. **Memantapkan piawaian latihan dan kompetensi profesional KKP**

RASIONAL

Aktiviti ini menilai penyedia latihan KKP dan kompetensi kepada Orang Kompeten (OK)/Orang yang Bertanggungjawab (OYB)/Orang Terlatih. Dengan menilai penyedia latihan, aktiviti ini memastikan program latihan memenuhi piawaian yang konsisten, yang mendorong penambahbaikan berterusan. Selain itu, sistem penilaian kompetensi menilai secara berkala OK/OYB/Orang Terlatih, memastikan mereka terus dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk menangani cabaran keselamatan yang baru muncul. Pendekatan ini mewujudkan kitaran pembangunan profesional berterusan untuk kedua-dua penyedia latihan dan kakitangan KKP, memastikan kedua-dua pihak selaras dengan piawaian industri yang berkembang.

HASIL

Hasil daripada aktiviti ini adalah penubuhan tenaga kerja KKP yang sangat kompeten, dilengkapi dengan latihan yang relevan dan berkualiti tinggi, serta selaras dengan keperluan industri dan piawaian global. Sistem penilaian kompetensi akan memberikan pemahaman yang jelas mengenai tahap Kemahiran serta memastikan OK/OYB/Orang Terlatih terus mengembangkan kepakaran mereka. Ini seterusnya akan menghasilkan amalan keselamatan yang lebih baik, tenaga kerja KKP yang lebih mahir, dan budaya keselamatan di tempat kerja yang lebih kukuh.

AKTIVITI

1. Penambahbaikan Sistem penilaian untuk menilai dan menanda aras penyedia latihan KKP

AKTIVITI

1

Penambahbaikan Sistem penilaian untuk menilai dan menanda aras penyedia latihan KKP

PENERANGAN	OUTPUT / KPI	GARIS MASA
Aktiviti ini memperkenalkan sistem penggredan untuk menilai aras penyedia latihan KKP, dengan menetapkan penanda aras bagi keberkesanan program, kualiti kandungan, kaedah penyampaian, dan kompetensi tenaga pengajar. Pemeriksaan berkala akan mengenal pasti kekuatan dan jurang, manakala maklum balas daripada peserta latihan dan majikan akan membantu menilai impak latihan. Penyedia dengan gred yang lebih rendah akan diberi bimbingan untuk memenuhi piawaian industri, sekaligus menggalakkan penambahbaikan berterusan dan memastikan latihan kekal relevan mengikut masa. Aktiviti ini bertujuan meningkatkan standard dalam kalangan penyedia latihan KKP, sambil membina budaya kecemerlangan dan meningkatkan tahap kebolehpercayaan terhadap latihan yang disediakan.	I. Satu (1) kriteria penilaian dimuktamadkan. II. 100% penyedia latihan KKP diaudit/ dinilai dalam tempoh 3 tahun selepas sistem penilaian telah pun diselaraskan dan dimuktamadkan	JANGKA PANJANG: 2026 - 2030
LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN	PELAKSANA INISIATIF	BENEFISIARI
I. Melaksanakan perbincangan dengan pihak berkepentingan, pakar industri, profesional KKP, dan penyedia latihan bagi menetapkan kriteria dan rangka kerja penilaian, mengambil kira kandungan, kaedah penyampaian, dan penyelarasan dengan industri. II. Berkolaborasi dengan badan tempatan dan antarabangsa yang berkaitan untuk menyelaraskan sistem penilaian dengan piawaian dan peraturan yang diiktiraf, memastikan bahawa rangka kerja ini mengambil kira standard industri, bersesuaian dengan amalan terbaik global dan tempatan. III. Meningkatkan kekerapan dan ketelitian penilaian bagi penyedia latihan KKP berdasarkan rangka kerja penilaian yang dibangunkan, menilai kandungan program, kelayakan pengajar, kaedah penyampaian, dan hasil latihan untuk menentukan gred. IV. Menggalakkan laluan pembangunan profesional untuk penyedia latihan untuk mengekal atau meningkatkan gred mereka.	I. Jawatankuasa Pelaksanaan OSHMP30, JKKP II. NIOSH III. NCOSH IV. JPK V. MQA	I. Penyedia Latihan KKP
MATLAMAT SDG	STATUS	
8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH 	Dipertingkatkan S3P2A1	

